

**Bil. 32**

**Selasa  
9 Mei 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

**USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):**

- **Krisis Gula Di Kelantan, Kedah dan Perlis**  
- *Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)*

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA  
KE DALAM MESYUARAT**

(Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006

(Halaman 2)



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. " Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) – DAP

26. Yang Berhormat Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB

64. Yang Berhormat Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

- 
101. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
  102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
  103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
  104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
  105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
  106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
  107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
  108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
  109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
  110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
  111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
  112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
  113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
  114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
  115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
  116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
  117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
  118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
  119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
  120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
  121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
  122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
  123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
  124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
  125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
  126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
  127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
  128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
  129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Selasa, 9 Mei 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1)****KRISIS GULA DI KELANTAN, KEDAH DAN PERLIS****10.00 pg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir rahamanir rahim. Tuan Yang di-Pertua, Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2). Saya Salahuddin bin Ayub Ahli Parlimen bagi kawasan Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu krisis gula di Kelantan, Kedah dan Perlis dan sedang merebak ke seluruh negara yang semakin meruncing.

Tuan Yang di-Pertua, krisis gula telah dan masih melanda negara kita. Terdapat kedai-kedai yang telah bertindak menaikkan harga runcit dengan sewenang-sewenangnya tanpa kawalan dan pengawalan tegas daripada pihak berwajib. Senario ini berlaku akibat pihak tertentu menyeleweng serta menyalahgunakan stok gula secara borong yang menyumbang kepada berlakunya krisis ini. Harga kawalan bagi gula tidak dapat dibendung langsung oleh pihak berkuasa setakat ini, setakat usul ini ditulis dan dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna harus menyiasat pemborong yang tidak menghantar gula mengikut jadual yang menyebabkan kenaikan berlaku. Bekalan gula seperti tidak konsisten dihantar oleh pemborong mendorong bekalan tidak mencukupi atau pihak tertentu menyimpan bagi tujuan menaikkan harga gula tersebut. Sejarah krisis diesel juga mungkin akan berlaku pula kepada gula yang sepatutnya menjadi barang kawalan.

Tetapi apa yang berlaku bagi peniaga yang menjual harga tinggi untuk gula yang telah dirampas, bagaimana pula dengan pemborong yang menyimpan gula tersebut yang belum ada dalam tindakan oleh pihak berkuasa.

Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar bagi Parlimen yang mulia ini membincangkan isu yang serius ini demi kepentingan rakyat dan memastikan harga kawalan ini dapat dipastikan mencukupi di pasaran. Apa yang lebih penting adalah pihak yang bertanggungjawab menyebabkan berlakunya krisis ini dapat diambil tindakan yang tegas dan sewajarnya. Saya mohon mencadang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada hari Isnin 8 Mei tahun 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara

itu perkara tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) Tertentu; perkara ini adalah perkara tertentu;
- (ii) Kepentingan orang ramai; ia juga adalah kepentingan orang ramai; dan
- (iii) Berkehendak disegerakan.

Isu kekurangan gula di negeri-negeri Perlis, Kedah dan Kelantan mula dikesan pada bulan Mac 2006. Namun pada bulan tersebut, pengedaran gula mencatatkan rekod yang tertinggi. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan tegas bagi menangani isu ini.

Pemborong-pemborong telah diambil tindakan tegas termasuk membatalkan lesen pemborong mereka. Kementerian juga telah mengadakan operasi bekalan gula sejak dari bulan Mac sehingga Mei 2006 dan hasil daripada itu 42 tindakan kes telah diambil di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Saya telah juga difahamkan pihak kementerian telah turut bekerjasama dengan pihak Kastam Diraja Malaysia untuk menangani kegiatan tersebut. Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa perkara tersebut tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya menolak usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LADA MALAYSIA 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Lada Malaysia 2006; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [8 Mei 2006]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Lipis untuk menyambung ucapan dalam lima minit lagi.

10.09 pg.

**Tuan Muhamad Shahrom bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung ucapan saya, saya mengalu-alukan rombongan pemimpin-pemimpin masyarakat dari Parlimen Tanah Merah

[Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan penggunaan seperti yang saya perkatakan semalam, saya percaya Rang Undang-undang ini amat penting kepada pengguna kerana ia berasaskan kepada kualiti perkhidmatan yang diberi oleh penyedia perkhidmatan bekalan air itu. Oleh itu, spesifikasi atau *clause-clause* yang berkaitan dengan kepentingan pengguna amat penting sekali kita ada.

Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini bagi saya hendaklah memasukkan peruntukan khusus bagi individu, pengguna yang berpendapatan rendah, kurang upaya, pengguna yang menghidap penyakit kronik, golongan pesara yang telah tua dan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Saya masuk pula kepada satu tajuk lain iaitu mengenai forum air. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, lampu di sebelah saya selalunya padam. Gelap, tidak nampak, jadi minta diperbetulkan. *[Ketawa]* Forum air ada dicadangkan dalam Seksyen 69 dan 70. Sepatutnya forum air ini mewakili kepentingan pengguna dan menjadi wahana bagi pengguna menyuarakan pandangan mereka. Walau bagaimanapun, kalau kita lihat dalam peruntukan sedia ada di dalam Rang Undang-undang ini, mencadangkan forum ini dianggotai oleh kedua-dua pihak dalam industri dan pengguna.

Pada pandangan saya, langkah ini akan gagal memenuhi matlamat forum air kerana terdapat campur tangan industri dalam forum ini. Sebagai contohnya, kewujudan forum multimedia tidak dapat mengambil langkah secara proaktif dalam menyelesaikan masalah pengguna kerana tindakan industri yang cuba menghalang masalah pengguna ini diselesaikan. Oleh itu, dicadangkan agar keahlian forum ini dihadkan kepada kerajaan, orang awam dan pengguna bagi memaksimumkan pencapaian dan objektifnya.

Selanjutnya, satu strategi penanda arah yang baik perlu dimasukkan dalam fungsi Suruhanjaya demi meningkatkan tahap penambahbaikan industri ini. Suruhanjaya juga perlu diberikan tanggungjawab untuk memantau penggunaan tabung air. Ini bagi memastikan tabung ini digunakan dengan sebaik mungkin bagi memapankan industri air dan mengelakkan daripada berulangnya pengalaman lalu yang dihadapi oleh penyelia perkhidmatan air negeri seperti PUAS. Pemuliharaan air pula merupakan satu isu penting yang perlu diberikan perhatian yang serius.

Di Malaysia, purata penggunaan air bagi seorang adalah antara 285 hingga ke 500 liter sehari. Ini menunjukkan banyak pembaziran air yang dilakukan. Berbanding dengan standard penggunaan air yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu penggunaan air bagi seorang ialah hanya 160 liter sehari. Ini mungkin bagi negeri yang kurang mandi, standard ini digunakan ataupun mandi seminggu sekali agaknya. Oleh itu, langkah pemuliharaan air merupakan satu isu .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Lipis, pukul ratalah. Pukul rata rakyat Malaysia ini, dia mandi sehari berapa kali?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dua kali. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang ini pasal kita hendak tahu daripada ukuran air yang akan digunakan oleh kita di sini.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Ya, ya Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, itu sahaja. Fasal dia dok pergi Amerika jauh sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak tahu di Malaysia dahulu, banyak mana kita pakai air?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Orang lain saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya selalunya mandi dua kali sehari. Kadang-kadang tiga kali, tengok pada keadaan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang kadang-kadang itu, kes apa? [Ketawa]

[Dewan riuh]

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Yang itu kena bisik di lounge sahaja, petang sikit.

**Seorang Ahli:** Dekat luar?

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Ya, dekat luar ya. Oleh itu langkah pemuliharaan air merupakan satu isu penting yang perlu ditangani dengan segera. Jadi pendidikan pengguna dan pembinaan kapasiti terhadap pemuliharaan ini perlu disepadukan dengan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Air bagi mewujudkan industri air yang mampan. Kalau kita lihat juga baru-baru ini, sumber air negara ini menghadapi ancaman, ketidakcekapan pengurusan dan pencemaran. Sekiranya kitaran air ini tidak dihargai dan kualiti air mentah seperti sumber air tidak diuruskan secara yang betul, semua usaha ini akan gagal. Kos rawatan akan meningkat dan sudah pasti pengguna terpaksa membayar tarif yang lebih tinggi. Dengan ini, golongan rakyat yang terpinggir dan miskin akan menderita kerana tidak menikmati bekalan air yang bersih dan selamat.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, projek perpindahan air antara negeri iaitu di antara negeri Selangor dan Pahang merupakan satu projek besar yang perlu dijangkakan bermula pada tahun 2011. Oleh itu, Rang Undang-undang ini perlulah mengandungi fungsi-fungsi bagi memantau pelaksanaan projek ini di samping kesan perpindahan air ini terhadap kemudahan untuk mendapatkan air bagi penduduk-penduduk tempatan, dan juga kesan dari segi sosial dan psikologi yang dihadapi oleh mereka. Ini bukan sahaja tertakluk kepada negeri Pahang dan Selangor, mungkin akan ada juga negeri-negeri lain yang membuat proses pemindahan air ini.

Di sini apa yang saya cadangkan, kalau berlaku perpindahan di satu perkampungan, perpindahan itu hendaklah dibuat menyeluruh, bukan mereka yang terkena sahaja. Ini untuk memastikan tidak ada kesan sosial dan kesan psikologi terhadap penduduk-penduduk yang terpaksa berpindah itu. Ini kerana, apa yang saya difahamkan, hanya mereka yang tanahnya tenggelam sahaja, yang akan berpindah. Ini menimbulkan bantahan di kalangan penduduk kerana bagi mereka, kalau hendak pindah, pindahkan satu kampung, bukan sebahagian daripada kampung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Selain daripada itu, bagi saya pertimbangan juga perlu diberi kepada negeri untuk memastikan kewangan, untuk membaik pulih paip lama dan juga membina paip baru. Begitu juga dengan loji-loji air yang lama dan yang baru. Rasa saya, ini perlu diberi perhatian kerana kos yang banyak untuk perkara ini. Selain daripada itu, saya juga hendak memohon penjelasan daripada pihak kementerian mengenai dengan kedudukan atau status jabatan-jabatan kerajaan yang menguruskan bekalan air buat masa ini. Apa akan jadi kepada jabatan ini selepas Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan?

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak meminta penjelasan mengenai dengan lesen yang akan dikenakan kepada pengendali air. Apakah kedudukannya pengendali-pengendali air yang bersifat masyarakat? Contohnya, macam ada kampung-kampung, oleh kerana tidak ada bekalan air bersih yang dibekalkan melalui paip-paip umum, mereka telah meminta pihak satu masa dahulu Kementerian Kesihatan untuk mengadakan bekalan air masyarakat yang dibuat secara gotong-royong.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kuala Krai.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Adakah ini perlu dikenakan lesen juga?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Krai.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Lipis. Saya, bila menyebut paip-paip lama, terpanggil saya sekali lagi. Oleh kerana, Yang Berhormat Menteri ada di sini, saya kira ini terjadi di beberapa buah negeri, terutama sekali di Pantai Timur khususnya di Kelantan yang mana paip-paip lama ini, yang berkarat. Sudahlah airnya merupakan keruh warnanya tetapi bila paip ini berkarat, tambah lagi dan air pula tidak ada. Ini terjadi setengah daripada penduduk-penduduk kampung kata, "Belum perang lagi Yang Berhormat, tolonglah".

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Kawasan ini begitu luas dan peruntukannya bila disalurkan kepada Yang Berhormat, tentu tidak mencukupi, tidak cukup dengan peruntukan yang kita ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Saya pohonlah pendapat Yang Berhormat bagi Kuala Lipis, oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada, satu peruntukan khusus diadakan di kawasan-kawasan tertentu. Kalau tidak, 60 tahun, 50 tahun merdeka, tetapi masih mengalami pahit ini, yang belum perang lagi. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Lipis? Terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara itu penting bagi saya untuk masyarakat, jadi saya masukkan ucapan atau pertanyaan, penjelasan Yang Berhormat bagi Kuala Krai tadi ke dalam ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Akhir kata, saya harapkan penswastan industri air ini diberi perhatian serius, dibuat secara bersungguh-sungguh supaya masalah-masalah yang kita hadapi dengan penswastan yang lain-lain dahulu sebelum ini tidak berlaku. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanah Merah. Kalau dapat hadkan ucapan dalam 15 minit kerana kita telah bincangkan perkara ini panjang lebar.

## 10.20 pg.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengalu-alukan pemimpin masyarakat daripada Parlimen Tanah Merah ke Dewan ini.

[Tepuk]

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan juga Rang Undang-undang bagi Industri perkhidmatan air bagi tahun 2006. Air merupakan keperluan kepada kita yang sangat penting. Di dalam tubuh kita juga ada 70% air dan lain-lainnya merupakan *solid* dan di bumi ini lebih daripada 65% diliputi oleh air selain daripada bumi dan hanya kurang daripada 5% air yang ada di dalam bumi kita ini digunakan untuk kegunaan kita seharian sama ada minum, membasuh dan lain-lain kegunaan industri dan sebagainya. Untuk itu negara kita juga tidak terlepas daripada memberi bekalan air bersih kepada rakyat untuk kesejahteraan rakyat, untuk kegunaan rakyat khususnya air yang berkualiti untuk rakyat.

Dalam tempoh tahun 2000 hingga 2005, liputan kawasan yang menerima bekalan air paip di negara kita ini telah meningkat daripada 92% kepada 95% dan dijangka akan terus meningkat kepada 96.8% pada tahun 2010 nanti. Sehingga 2005 jumlah liputan kawasan bekalan air di Malaysia adalah mencapai 95.3% daripada jumlah penduduk di dalam negara kita. Ini liputan air di dalam negara kita tetapi kualiti air adalah berbeza di setiap negeri. Oleh kerana kesedaran itulah kerajaan hari ini membentangkan Rang Undang-undang bagi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara supaya

penyeragaman dari segi kualiti air setiap negeri dapat diurus tadbirkan dengan betul dan yang penting sekali adalah unit harga air dapat diselaraskan bagi setiap negeri dengan kadar harga yang paling minimum.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Ini adalah mustahak kerana.....

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sahabat saya.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa masalah air ini dirasai oleh semua negeri dan usaha memulihkan perkhidmatan air ini dibuat oleh kerajaan termasuklah kita membentangkan Rang Undang-undang pada hari ini.

Saya difahamkan tempat Yang Berhormat di Kelantan ini di perintah oleh kerajaan lain bukan Barisan Nasional dan kita lihat Barisan Nasional sekarang berusaha bersungguh-sungguh untuk membaiki perkhidmatan air di seluruh negeri. Apakah keadaan air yang sebenarnya perkhidmatan air di Kelantan. Saya difahamkan tidak begitu bagus. Betulkah perkara ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Teruklah Kelantan ini.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Maran. Pertanyaan Yang Berhormat ini, saya rasa semua orang sudah tahu memang air di Kelantan ini kualitinya yang terbawah sekali di dalam negara kita ini dan liputan bagi bekalan air juga yang terendah sekali.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Menyampuk]*

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Maaf Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. ...iaitu 70% sahaja kalau hendak bandingkan dengan negeri-negeri lain walhal bekalan air Kelantan ini sudah pun diswastakan dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang lepas pun kerajaan telah memberi peruntukan ataupun geran untuk mempertingkatkan bekalan air di negeri Kelantan.

Hari ini beberapa negeri telah pun diswastakan termasuklah Pulau Pinang, Terengganu, Selangor, Johor, Kelantan dan juga Laku di Kuching dan Sibiu. Ini merupakan kawasan-kawasan negeri-negeri yang telah pun diswastakan bekalan air. Tetapi hari ini kita tengok perbezaan....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Silakan sahabat saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Bila dia sebut sahabat tak jadi hendak usik. Yang Berhormat sebut tadi fasal bekalan air di Kelantan. Dahulu bekalan air di Kelantan dipunyai oleh JKR negeri. Kemudian ianya diswastakan kepada *Thames Water*. Kos untuk *Thames Water* itu besar. Ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Besar semasa kerajaan selepas tahun 1990. Kemudian didapati ada masalah....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kerajaan siapa? Kerajaan apa?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ha?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sebutlah kerajaan apa.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Oh. 1990 Kerajaan PAS dan Semangat 46 masa itu. Dia bagi kepada *Thames Water*. *Thames Water* ini sungai di London. *Thames* itu sungai di London. Diserahkan kepada *Thames Water* dan saya ingat

dia ditipulah. Ditipu oleh *Thames Water*. Kemudian ada masalah besar. Kemudian Kerajaan Negeri terpaksa cari jalan. Lalu kalau tidak silap saya dikorporatkan. Kerajaan negeri ambil alih daripada *Thames Water* jadi Air Kelantan dan dia kos kepada kerajaan negeri adalah melebihi RM70 juta. Mengambil duit daripada Menteri Besar *incorporated* sebuah perbadanan menteri besar yang ada duit RM100 juta pada masa itu. RM70 juta lebih dipergunakan bahkan ada sesetengah mengatakan sampai RM100 juta. Lalu jadilah Air Kelantan. Tetapi Air Kelantan juga ada masalah sebab tidak ada duit hendak membangunkan, hendak menggantikan paip baru, hendak mengambil alih *non-revenue water*. *Non-revenue water* di Kelantan masalahnya besar sampai 45%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan yang saya hendak tanya Yang Berhormat adakah Yang Berhormat sedar ini berlaku dan sekarang ini kerajaan negeri terpaksa meminta bantuan daripada Kerajaan Pusat sampai RM600 juta untuk melaksanakan program ini kepada rakyat pun belum berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Apakah Yang Berhormat fikir, akta ini bagus sebenarnya untuk memastikan bahawa perkara ini boleh diselaraskan. Kalau Kelantan negeri yang banyak air pun ada masalah maka apa lagi negeri lain seperti Melaka yang tidak ada air. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebenarnya memang benarlah kata Yang Berhormat tadi bahawa dahulu bekalan air negeri Kelantan ini di bawah Jabatan Kerja Raya. Sekarang hari ini masih ada tiga lagi bekalan air ini dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya iaitu Kedah, Sarawak dan Perlis. Masa dahulu kita tidak nampak timbul banyak masalah. Setelah kerajaan PAS memerintah negeri Kelantan pada tahun 1990 sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat air ini telah pun diswastakan diberi kepada Thames Water dan selepas itu diambil alih semula oleh kerajaan negeri menggunakan peruntukan kerajaan. Inilah yang menjadi masalah dan kerajaan pada Rancangan Malaysia Kelapan juga memberi RM600 juta tetapi hari ini masalah ini berterusan masih berlarutan dengan kualiti air yang rendah dengan liputan yang tidak memuaskan yang paling rendah di negeri Kelantan dan air ini ejaannya a-i-r tapi di kedah dia panggil ayak.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [Bangun]

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Saya pun tidak tahu betul atau tidak betul ini. Dan di Kelantan ada rakyat memanggil....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** .....air, udara. Sebab air yang disalurkan tidak sampai kerana udara yang sampai. Silakan sahabat saya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya mengaji di Kelantan. Mengaji bahasa Kelantan ialah sekolah di Pengkalan Chepa. Dahulu saya mandi air berkarat. 30 tahun kemudian saya datang Kelantan air masih berkarat di semua hotel di Kelantan. Karat ini hendak tanya Yang Berhormat bagi Tanah Merah adakah kerana memang sifat air di sana mengandungi besi yang menyebabkan ia berkarat ataupun kerana salah urus kerana tidak boleh diproses atau kerana gagal dirawat oleh sistem yang ada atau oleh pemerintah yang ada. Sila beri pandangan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya. Apa yang diperkatakan tadi 30 tahun lepas pun sama dan hari ini masih kualiti air yang sama. Karat ini sebenarnya sama ada disebabkan oleh paip yang berkarat ataupun air yang dirawat tidak betul dan tidak sempurna.

Ini yang mengakibatkan kualiti airnya rendah. Rakyat Kelantan hari ini menerima bekalan air yang kualiti rendah yang boleh mengakibatkan berbagai-bagai-bagai penyakit. Contohnya fluorida di dalam air ditambah tanpa sukatan sehinggakan berlakunya mengikut

kajian kesihatan berlakunya kerongakan pada gigi rakyat Kelantan. Ini yang menjadi masalah, ini kajian yang dibuat oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Ini benar bukannya satu tuduhan, oleh itulah kerajaan hari ini Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional telah pun menubuhkan SPAN ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini adalah untuk menyelaras bekalan air secara sama rata, secara berkualiti dan juga bersepadu yang kita fikir bahawa menteri juga Menteri Tenaga Air dan Komunikasi ada di sini, saya yakin di bawah pentadbiran beliau dengan rang undang-undang yang ada ini saya yakin bahawa air di Kelantan akan dapat diselesaikan menurut secepat mungkin untuk kesejahteraan rakyat Kelantan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pasir Mas.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Sahabat kita, bagi, kita bagi.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih adinda saya daripada Tanah Merah, Yang Berhormat daripada Tanah Merah. Ada beberapa pernyataan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah di antara lainnya iaitu air di Kelantan lebih rendah daripada negeri-negeri lain. Saya tidak nampak sebenarnya kerana sepanjang perbincangan di Parlimen ini sahabat-sahabat kita daripada BN daripada Sabah Sarawak sentiasa mengadu bahawa air di Sabah di Sarawak bukan sekadar terlalu rendah air bersih, barangkali kurang dapat air bersih di Sabah di Sarawak. Apakah keadaan ini dapat menyanggah apa disebut oleh sahabat-sahabat kita di Sabah di Sarawak sehingga menyatakan air di Kelantan lebih rendah? Saya menolak hujah ini yang kedua Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih rendah apa, mutunya?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Lebih rendah mutunya air. Yang kedua, iaitu RM600 juta disebut oleh Yang Berhormat daripada Tanah Merah, sebenarnya negeri kita negeri Kelantan dan negeri lain merupakan negeri di bawah *federation of Malaysia*, semua di bawah Malaysia semua yang berhak memohon, meminjam, berhutang dengan kerajaan pusat. Tidak ada sebab hendak dibangkitkan di sini dan negeri-negeri lain pun saya rasa dapat RM600 juta ini, bukan sahaja Kelantan bahkan Kelantan dapat membayar apa yang dipinjam mengikut jadual yang telah ditentukan oleh Kerajaan Pusat. Kalau kita pinjam tidak bayar dan kalau kita berhutang tidak bayar itu boleh dibangkitkan. Dan yang ketiga pula apa pandangan Yang Berhormat, kerana tidak ada menteri PAS di sini sayalah yang bangkitnya untuk mempertahankan. Memang begitu kalau Sri Gading hendak bangun kita boleh tidak ada apa.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua iaitu air yang berkarat yang sampai peringkat rongak gigi. Saya hendak tanya orang Tanah Merah itu rongak belakakah gigi? Itu wakil daripada Tanah Merah yang belakang itu rongak semuakah gigi itu? Ataupun yang sahabat saya yang belajar 30 tahun dulu yang datang ke Kelantan sekarang ini air pun berkarat, barangkali tidak sampai wakil daripada Tanah Merah datang sini kalau minum air berkarat. Saya rasa ini pembohongan besar yang berlaku dalam Dewan ini yang tidak sepatutnya dilakukan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat Tanah Merah?

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Cukuplah Yang Berhormat. Sebenarnya ayat tadi berkenaan dengan kerongakan gigi ini di kalangan kanak-kanak, yang datang ini semua dewasa ini, tengok ini dewasa. Kalau Yang Berhormat hendak statistik ini saya boleh dapatkan untuk Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang datang ini cantik semua.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat boleh saya minta penjelasan Yang Berhormat?

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Sila-sila.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sebenarnya apa yang berlaku untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Ahli Berhormat Pasir Mas ialah satu laporan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dalam satu *briefing* yang saya juga

turut hadir menyatakan bahawa di antara punca gigi rongak ialah kerana punca air yang diminum oleh kanak-kanak dan didapati di Kelantan ini kes-kes rongak ini berlaku ialah punca air kita terlalu banyak mempunyai *ferrous* dalam itu, bijih besi dan tidak ada yang selalu dalam TV sebut gigi kuat itu, fluorida, tidak ada fluorida dalam air kerana air rawatan di Kelantan hanya menggunakan klorin sahaja. Tidak ada fluorida yang dibubuh dalam skim rawatan. Itu sebenarnya yang berlaku. Terima kasih penjelasan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya yang membantu dan memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya. Tuan Yang di-Pertua, bahawa bekalan ini merupakan isu yang penting sekarang ini dan tambah pula negara kita ini akan menuju negara maju. Tidak sesuai sekiranya negara kita maju tetapi bekalan air masih berada di tahap yang tidak boleh dikatakan maju.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Gombak.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Silalah.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah kerana memberi peluang saya untuk memohon penjelasan. Yang Berhormat Tanah Merah saya ingin memohon penjelasan, kalau berlakunya kontaminasi garam galian seperti mana yang disebutkan tadi misalnya *ferrous* dan fluorida yang tidak cukup dalam air, bagaimana dengan kontaminasi bakteria contohnya mikroorganisma dalam air, kerana kalau kita dapati di dalam statistik Kementerian Kesihatan, kita dapati bahawa kes-kes berkaitan dengan contohnya demam kepialu, demam taun ataupun kolera adalah paling tinggi kadarnya di Kelantan. Adakah ini disebabkan oleh air yang terkontaminasi di Kelantan? Saya mohon penjelasan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Gombak ini seorang doktor. Dia lebih arif tentang perkara ini, apa yang Yang Berhormat perkatakan tadi memang benar kerana setiap tahun apabila berlakunya demam kepialu ataupun apa yang dipanggilkan demam kepialu ini, negeri Kelantan merupakan negeri yang paling ramai sekali yang menghidap penyakit demam kepialu ini kerana ini salah satu sebabnya berpunca daripada air yang diminum tidak bersih. Gerik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Gerik.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan masalah penyakit disebabkan oleh air yang tidak dirawat dengan baik dan kebetulan juga seorang profesor dari UKM dah bersara macam saya dan kebetulan profesor itu juga dari Kelantan dan beliau mengakui bahawa orang yang paling ramai menghidap penyakit mata, buta mata adalah daripada negeri Kelantan. Adakah perlu kita membuat kajian atau mengesahkan perkara ini atau bagaimana dan ada kaitannya mungkin dengan air yang tidak dirawat dengan baik ini. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya, saya pun tidak dengar lagi bahawa buta mata ini disebabkan oleh air kecualilah air yang terlampau kotor, air ini air untuk mandi dan sebagainya ini mengakibatkan terkena mata dan mungkin satu kajian boleh dibuat oleh Kementerian Kesihatan sama ada air di negeri Kelantan boleh mengakibatkan buta mata.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Silakan sahabat saya dari Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tanah Merah. Saya simpati dengan masalah air yang telah digambarkan, ialah tentang penyakit-penyakit yang disebutkan rakan-rakan tadi, ada yang buta dan sebagainya. Yang peliknya Kelantan ini Kerajaan PAS, bila masalah duit dia minta daripada Kerajaan Pusat, bila dia tahu masalah duit dia minta daripada Kerajaan Pusat dia pandai pula merayu dan sebagainya. Tetapi bila masalah-masalah lain yang kena batang hidung dia, dia membantah.

Saya rasalah jangan fikir-fikir panjang-panjanglah, sudah tiba masanya ini rakyat Kelantan supaya mengubah balik pemikirannya hendak mengatasi masalah air ini serah balik kepada Kerajaan Barisan Nasional kita tengok macam mana Kerajaan Barisan Nasional ini memerintah dan masalah air yang kecil ini boleh kita selesaikan. Apa pandangan Yang Berhormat Tanah Merah?

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Pandangan dan juga persoalan yang ditimbulkan itu saya yakin, saya yakin rakyat negeri Kelantan tertunggu-tunggu bilakah masa untuk perubahan ini kerana sudah pasti isu air ini merupakan isu yang penting kepada rakyat dan setelah adanya SPAN, kita yakin bahawa isu air ini dapat diselesaikan. Hari ini kita tengok negara kita ini kaya dengan sumber air, air yang banyak sehinggakan melimpah di negeri Kelantan apabila musim tengkujuh, banjir, air ini banyak sangat sehinggakan limpah tebing-tebing sungai mengakibatkan banjir yang besar di negeri Kelantan pada setiap tahun.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang mana?

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Silakan Sri Gading dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bingung saya Tuan Yang di-Pertua, apabila mendengar hujah rakan-rakan. Bingung saya Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya, perempuan yang jelita orang Kelantan, tak boleh lawanlah, tak boleh lawan. Orang katalah, nak cari perempuan isteri jelita pergi ke Kelantan. Benda ini subjektiflah. Tapi begitulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ubah kepada yang lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini dalam pemerintahan PAS, air kotor, sebab itu jadi buta, sebab itu kepialu, sebab itu jadi rongak, agaknya kalau bertukar kerajaan kepada Barisan Nasional, dan air jadi bersih, lebih jelita agaknya orang Kelantan. Agak saya. Bagaimana Tanah Merah?

**Ir Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih sahabat saya dari Sri Gading. Saya amat bersetujulah. Bersetuju sangat tentang saranan dan juga pendapat yang diberikan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kubang Kerian.

**Ir Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Ya, Kubang Kerian silakan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa akta ini kita kena bincang bahasa rasional. Bukan tuduh-menuduh antara Kelantan, penyakit buta, rongak ini semua. Saya rasa tak ada kajian yang diiktiraf oleh mana-mana. Cuma kalau nak tuduh-menuduh begitu, saya rasa perkara tak akan selesai. Sebab itulah, saya rasa kita bincang akta ini dan SPAN yang akan kita bincang, yang akan kita bahaskan. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau saya nak berhujah dari segi adakah kalau tukar kerajaan itu, masalahnya selesai?

Sebab itu, pada saya isu air ini isu nasional. Isu yang melibatkan gagalannya semua kerajaan negeri dalam memberikan air yang bersih kepada rakyat. Kalau saya nak berhujah begitu, kalau begitulah analoginya, saya nak bagi satu hujah. Seluas 51,110 ekar tanah pada zaman Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Asas Tani jadi MB Johor, dipajakkan kepada Singapura, kawasan tadahan air yang begitu indah di sekitar Sungai Linggiu. Diberikan kepada Singapura, 60 tahun. Air Sungai Pulai, beri kepada Singapura. Ini *first class* punya air, kita berikan kepada Singapura. Saya duduk di Batu Pahat bersama dengan Sri Gading, bersama dengan Parit Sulong semua, minum air daripada Empangan Sembrong. Empangan Machap. Air yang bukan daripada empangan air, *catchments area*.

Tanah gambut yang mutu airnya yang sampai pakar air di Johor mengatakan ini air beracun. Pada saya, ini bukan masalah kalau kita nak berhujah, negeri ini BN perintah, yang ini PAS perintah. Air kotor, tak kotor. Ini tidak akan menyelesaikan masalah. Saya rasa kita bincang rasional apa keperluan SPAN, apa keperluan kementerian dan

tanggungjawab mereka untuk memberikan air yang bersih kepada rakyat. Saya rasa itu pokoknya.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih, terima kasih sahabat saya. Sri Gading nak penjelasan? Tolong, tolong. *[Ketawa]*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Waktu itu saya Exco Kerajaan Johor. Empangan Linggiu yang kita beri kepada Singapura itu sebenarnya pajakan kepada Singapura kerana Johor juga menghadapi kekurangan air dan Singapura memerlukan sangat air. Antara hubungan dua negara, kerana hubungan baik ini, jadi kita hendak Singapura proses air ini untuk juga sebahagian daripada orang Johor. Alhamdulillah, air di Johor telah dapat diatasi.

Soal di Pulau ini, ini perjanjian tahun 1960 dahulu. Ini zaman di mana antara Singapura dan Malaysia, Singapura waktu itu dalam gagasan bersama-sama dengan kita di bawah, sebelum itu dia di bawah British bersama dengan kerajaan Malaysia dan kita mempunyai hubungan yang baik dan akrab Tuan Yang di-Pertua. Maka air di Pulau ini juga untuk kegunaan Singapura yang juga diproses dijual balik kepada orang Johor.

Benda ini sebenarnya *win-win* punya itulah. Dua-dua menanglah Tuan Yang di-Pertua. Hujah Kubang Kerian ini tidak ada kena-mengena dengan ini, fasal rongak semua sekali kan? Di Johor ini juga, air memang diproses. Sebab itu apabila air itu kurang baik mutunya, dia tidak diberi kepada pengguna. Melainkan air yang telah pun dijamin dan diterima oleh Kementerian Kesihatan kerana Kementerian Kesihatan campur tangan dalam urusan air. Air yang diluluskan oleh jabatan kesihatan sahaja dengan campuran-campuran yang tertentu yang baru dibekalkan oleh SAJ dan sebagainya kepada pengguna. Jadi air yang diberi ialah air yang selamat. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih. Apabila..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah, sila tamatkan ucapan.

**Ir Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Apabila setiap Ahli Parlimen bertanyakan mencelah, saya terpaksa menjawab. Bukannya saya alihkan kepada isu-isu yang berkaitan. Cuma hari ini, saya nak bagi tahu kepada Dewan bahawa kita perlukan satu perkhidmatan air yang baik di dalam negara kita. Ini yang mustahak. Hari ini, sumber air yang besar, kita sebagai rakyat, sebagai pentadbir di dalam negara kita, mesti menguruskan air secara hadhari. Air yang banyak ini disekat, ditakung, dan kawasan tadahan air dijaga. Bukan macam di Kelantan, kawasan tadahan air ini diceroboh. Mengakibatkan mendapan dan juga hakisan kepada sungai-sungai. Mengakibatkan hakisan kepada sungai-sungai, kepada kawasan tadahan, mengakibatkan air kotor dan sebagainya. Ini yang di bawah rang undang-undang ini termasuk semua kawalan dan juga Kumpulan Wang Industri Air yang mana memberi perlindungan dan pemuliharaan alur air dan kawasan tadahan air. Ini adalah penting yang ada di dalam rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Ir Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Memastikan bekalan air ini berkekalan. Mempertingkatkan kualiti air dan alur air, saya meminta kepada kementerian juga mereka-mereka di dalam anggota SPAN ini, mengambil mereka-mereka yang mempunyai pengalaman. Contohnya di kalangan Ahli-ahli Parlimen di dalam isu-isu di dalam bidang-bidang teknikal tentang air. Ini sudah pasti dapat memberi input-input yang baik untuk kita mempertingkatkan lagi perkhidmatan air di dalam negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong.

10.47 pagi.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air. Di mana bertujuan untuk mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan

perkhidmatan pembedungan. Untuk memajukan matlamat dasar kebangsaan bagi kedua-dua perkhidmatan ini. Yang Berhormat Menteri telah memberi pelbagai masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri dan syarikat-syarikat konsesi di dalam kedua-dua perkhidmatan ini semasa beliau membentangkan rang undang-undang ini kelmarin. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, bahawa segala masalah yang membelenggu sektor perkhidmatan air dan pembedungan adalah akibat dari kekangan kewangan, soal kecekapan pihak pengurusan dan juga keputusan yang dibuat beberapa tahun dahulu untuk memilih penswastaan sebagai ubat mujarab untuk menangani masalah struktur dalam sektor air dan pembedungan.

Pada dasarnya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak membantah usaha untuk mengadakan kawal selia yang menyeluruh. Sememangnya ia diperlukan, memandangkan ia satu kemudahan asas yang perlu disampaikan kepada rakyat dengan cara terbaik sejajar dengan tafsiran air sebagai satu *entitlement* hak asasi manusia yang kita perlu hormati. Sebenarnya apa yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini, sepatutnya berada di tempatnya di peringkat negeri-negeri yang selama ini memegang kuasa Perlembagaan atas pengurusan air.

Akibat penyelewengan dan kepincangan termasuk penswastaan air di beberapa negeri, termasuk penswastaan perkhidmatan pembedungan, melalui Indah Water Konsortium telah mengakibatkan masalah seperti kekurangan air, sistem penyampaian yang kurang cekap, kualiti air yang kurang memuaskan, kekangan kewangan dan tarif yang dipertikaikan. Kita menyambut baik rejim pengawalseliaan yang dijanjikan oleh rang undang-undang ini. Tetapi kita juga perlu mengamalkan sikap yang terbuka untuk mempelajari dari pengalaman-pengalaman di seluruh dunia yang juga melibatkan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh pihak awam dan pihak swasta dalam pengurusan perkhidmatan air ini.

Kita ingin menyuarakan keprihatinan sebab walaupun pelbagai jaminan diberikan oleh menteri dan rang undang-undang ini tetapi hakikatnya pelakon-pelakon yang sama juga terbabit dalam rejim yang baru iaitu pembekal-pembekal perkhidmatan yang sama akan diberi peluang untuk beroperasi di bawah rejim yang baru. Menteri telah menekankan betapa penting urus tadbir yang baik, akauntabiliti dan ketelusan untuk menjayakan usaha ini dalam mengawal selia perkhidmatan air dan pembedungan.

Bagi menghayati jaminan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta menteri memberi gambaran sejelasnya mengenai setiap negeri dan setiap syarikat konsesi dan setiap perjanjian konsesi. Menteri juga ada memberi harapan bahawa perjanjian konsesi boleh disemak semula dan saya ingin tahu dalam senarai 15 syarikat konsesi yang berada dalam Jadual Fasal 191 dan lain-lain yang tidak tersenarai dalam jadual ini, nyatakan berapakah yang akan dirundingkan semula dan apakah semua perjanjian penswastaan, perjanjian konsesi tambahan, perjanjian pengkorporatan dan kontrak pengendalian dan pengurusan kemudahan akan dibebaskan dari kawalan Akta Rahsia Rasmi sebab kita benar-benar mahu urus tadbir yang baik.

Mengenai urus tadbir yang baik, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin melihat industri perkhidmatan air dan pembedungan dapat beroperasi dalam rejim yang terbuka, telus dan demokratik. Kita mahu lihat demokrasi kita komited untuk memajukan kehendak rakyat yang juga memainkan peranan penting dalam menguruskan sumber air negara kita. Apa yang kita lihat pada hari ini adalah syarikat-syarikat konsesi yang tidak telus, *accountable* dan tercemar dengan korupsi. Saya berharap SPAN dan semua *players* dalam sektor ini dapat *embrace* nilai-nilai urus tadbir yang baik supaya industri ini boleh berkembang dan memenuhi kehendak rakyat.

Fasal 3, Tuan Yang di-Pertua, memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan tarikh-tarikh penguatkuasaan yang berlainan bagi negeri-negeri dan juga peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam rang undang-undang. Saya meminta menteri menyatakan bilakah tarikh mutakhir penguatkuasaan akta ini dan pada akhir tempoh ini apakah senario yang ideal yang diharapkan oleh menteri dari segi corak pemilikan sama ada *public-public partnership*, *public private partnership* atau penswastaan yang liberal termasuk pemilikan orang asing dalam syarikat perkhidmatan air dan pembedungan.

Dalam beberapa kenyataan, menteri menegaskan tidak akan memilih penswastaan dan negeri-negeri perlu mengambil langkah untuk mengkorporatkan agensi-agensi perkhidmatan air yang sedia ada. Ini satu tindakan yang bagus kerana penswastaan tidak semestinya bermakna kecekapan. Jadi saya ingin tahu apakah model pengkorporatan yang akan digunakan? Sama ada model yang diguna pakai oleh negeri Pulau Pinang akan diperluaskan kepada negeri-negeri yang lain memandangkan ia telah dapat mencapai prestasi keuntungan yang memuaskan dan sekali gus menunaikan tanggungjawab dengan membekalkan air bersih.

Saya ingin berterima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Jerai dan negeri Kedah kerana membenarkan Pulau Pinang menggunakan air dari Kedah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Wah, Yang Berhormat bagi Jerai!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sama-sama. [Ketawa]

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya penswastaan tidak akan menjadi pilihan, apakah menteri akan mencadangkan bahawa *nationalization* segala perkhidmatan air dan pembedungan sebagai satu pendekatan yang boleh memperkasakan Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri dalam mencapai matlamat dasar kebangsaan bagi kedua-dua industri ini.

Menteri memohon kuasa diberikan kepadanya oleh rang undang-undang supaya dapat memastikan keseragaman undang-undang dan dasar pengawalan selia. Kita ingin tahu bagaimana menteri akan membawa industri ini dari segi pelesenan. Bab 1 Bahagian II mewajibkan orang untuk memegang satu lesen sebelum boleh memiliki atau beroperasi satu sistem bekalan air dan pembedungan. Siapakah seorang ini dari segi mendapat lesen baru yang dimaksudkan?

Definisi seorang ini bagi maksud lesen tidak diperjelaskan dan *Coalition Against Water Privatization* telah mengemukakan satu soal hakiki mengenai kedaulatan negara yang mungkin terancam apabila syarikat milikan asing dapat mengawal syarikat tempatan. Contoh yang digunakan oleh mereka adalah pada satu hari mungkin Temasek Holding dari Singapura boleh mengawal Syarikat Air Johor dan akan menyebabkan kehilangan kedaulatan negara atas soal air ini

Tuan Yang di-Pertua, menteri telah menyatakan bahawa kementerian telah memohon nasihat daripada MITI yang mengesahkan bahawa Malaysia tidak akan memberi komitmen liberalisasi dalam WTO berhubung dengan perkhidmatan air. Beliau menambah bahawa industri perkhidmatan air tidak akan tertakluk kepada pengambilalihan oleh syarikat asing walaupun sekarang memang ada tekanan ke atas Malaysia untuk membuat sedemikian. Kita menyambut baik jaminan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi jaminan tidak mempunyai kuasa-kuasa perundangan yang mungkin digugurkan apabila kita terdesak oleh suasana pasaran dan kehendak *pluri-lateral* dan *multi-lateral trade arrangement* pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman globalisasi, syarikat Malaysia selalu digalakkan oleh kerajaan kita untuk mengembang perniagaan ke seberang laut dan syarikat-syarikat Malaysia juga ada memiliki dan menguasai syarikat air di lain-lain negara termasuk United Kingdom. Jika pencerobohan asing boleh berlaku di United Kingdom dan lain-lain negara, ia juga boleh berlaku di Malaysia.

Saya ingin tahu dari jadual, apakah Syarikat Innovest Lyonnaise Sdn. Bhd. dalam jadual itu dimiliki sebahagiannya oleh syarikat asing. Bukankah kita lebih baik jika hasrat kerajaan untuk tidak *liberalize* sektor air dapat dimasukkan ke dalam rang undang-undang supaya kita benar-benar dapat menjaga kepentingan rakyat. MITI telah memberi pandangan tetapi saya rasa pandangan dan pujian ini tidak berapa meyakinkan sebab MITI sendiri pun ada berkata bahawa jika kita membenarkan sektor ini dibuka secara komersial dan melibatkan syarikat-syarikat persendirian.

Ini bermakna pelaburan persendirian dalam sektor ini adalah digalakkan dan ini sememangnya akan menarik perhatian pelabur-pelabur asing dalam sektor ini walaupun kalau syarikat asing mahu mengambil bahagian dalam ekuiti, syarikat ini akan tertakluk

kepada syarat-syarat *merger* dan *takeovers*. Saya berharap menteri dapatlah memberi penjelasan bagaimana peraturan *merger* dan *takeovers* ini akan dimasukkan dalam rang undang-undang ini. MITI juga menjelaskan bahawa peraturan gas tidak akan diaplikasikan dalam sektor ini dan setakat ini tidak ada komitmen untuk *liberalize*kan sektor ini.

Tetapi MITI juga berkata bahawa apabila perkhidmatan ini di *commercialized*kan ia akan menarik kepentingan asing dan ini juga akan menyebabkan permintaan dari negara-negara ahli supaya Malaysia *liberalize* perkhidmatan ini di bawah GATS. MITI pun tidak *rule out* kemungkinan ini akan berlaku pada masa-masa hadapan. Saya nampak bahawa peruntukan undang-undang untuk menjaga kedaulatan dan kepentingan negara ini amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun menteri sering menegaskan bahawa industri perkhidmatan air ini adalah satu, dengan izin, *strictly regulated service* tetapi apakah menteri boleh menjamin bahawa *market forces* akan mempengaruhi bagaimana air dibekalkan kepada pengguna. Misalnya dalam kes di Sembrong *Dam* di Kluang, Johor yang ada disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Di Sembrong *Dam* Kluang, Johor pengguna air menghadapi bekalan air yang tidak mencukupi kerana air itu disalurkan kepada sektor pertanian dan terletak dekat dengan *dam* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Ya. Tentang perlindungan pengguna, penyelesaian pertikaian dan siasatan di bawah bahagian itu. Fasal 54 memberi kuasa kepada pemegang lesen dengan kelulusan suruhanjaya mengurangkan jumlah atau tekanan air yang dibekalkan. Sebelum itu saya rasa penting, suruhanjaya dan menteri harus memastikan sebelum mencapai satu keadaan kecemasan (*emergency*) satu program catuan air dan penjimatan air harus diwajibkan supaya impak-impak kepada pengguna rumah, *commercial industry* dan institusi dapat diminimakan.

Kita juga memandang berat tentang kurangnya *check and balance* untuk mencegah berlakunya tragedi alam sekitar seperti pencemaran air yang disebabkan oleh aliran *leachate* dan ammonia dalam sistem bekalan air kita yang menunjukkan kita masih terdedah kepada ancaman ini.

Akhirnya mengenai kesalahan pencemaran air dengan niat untuk menyebabkan kematian yang boleh dihukum dengan hukuman mati, saya rasa amatlah berat dan saya rasa tidak diperlukan ada peruntukan khas dalam rang undang-undang ini sebab sudah ada peruntukan yang sama dalam Kanun Keseksaan. Apa yang diharapkan ialah pemegang lesen haruslah juga dapat diwajibkan untuk menghentikan bekalan air sebaik sahaja pemegang lesen itu menyedari bahawa alur air atau sistem bekalan itu telah dicemari.

Saya akan mengambil bahagian sekali lagi dalam jawatankuasa sebab memang ada perkara lain yang ingin dibangkitkan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gombak.

### 11.03 pg.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang pertama, kita memang menyokong penuh bahawa ini adalah merupakan satu rang undang-undang yang baik, yang memberi regulasi kepada bekalan air di negara ini. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang harus kita lihat dalam perundangan ini. Sebagai contohnya, walaupun kita mahu mengawal selia bekalan air ini tetapi ada perkara-perkara yang kita harus lihat, misalnya ada beberapa perkara dalam rang undang-undang ini yang masih tidak jelas dan kabur.

Contohnya, kalau kita lihat dalam soal yang dikatakan sebagai definisi kepada kepentingan negara, tiada definisi yang menjelaskan apakah perkara-perkara yang sebenarnya berkaitan dengan kepentingan nasional. Apabila tiada definisi ini, pada saya,

ini menyebabkan berlakunya kekaburan. Saya harap dapat kita melihat tentang kekaburan ini.

Selain daripada itu kita lihat bahawa kita telah ada suruhanjaya (SPAN) itu sendiri yang mana kita tahu bahawa akan dilantik seperti mana yang dikatakan, mereka yang profesional, berkelayakan dan mempunyai pengalaman dalam SPAN itu. Kita tahu bahawa kalau kita sudah melantik satu badan suruhanjaya yang mempunyai kelayakan, sebarang keputusan oleh suruhanjaya ini seharusnya tidak dipersoalkan dan tidak ada kuasa veto di mana-mana pihak kerana suruhanjaya - mereka yang dilantik ini adalah mereka yang dikatakan berkelayakan dan dilantik sendiri oleh menteri. Oleh sebab mereka ini dilantik oleh menteri, seharusnya keputusan-keputusan yang dibuat oleh suruhanjaya ini harus diguna pakai dan saya rasa tidak ada dalam undang-undang ini diberi kuasa yang mutlak kepada menteri untuk membuat sebarang keputusan ataupun boleh menolak sebarang keputusan yang dibuat oleh suruhanjaya.

Kalau ini berlaku, saya rasa ini akan boleh menambahkan proses birokrasi itu sendiri. Kita tahu bahawa bila di dalam sistem perkhidmatan, kita mahukan sistem perkhidmatan yang cepat dan tidak mahu ada birokrasi. Cukuplah ada satu tahap iaitu di peringkat suruhanjaya dan kalau itulah yang dibuat keputusan oleh suruhanjaya, maka kita harus mengambil kira atau ambil pakai keputusan yang dibuat oleh suruhanjaya tersebut.

Selain daripada itu, yang menjadi kekhuatiran ialah kita juga mahukan bahawa segala keputusan yang dibuat boleh juga disemak oleh pihak kehakiman. Kalau kita lihat ada provision di dalam ini yang mengatakan bahawa setiap keputusan yang dibuat itu tidak boleh dicabar di mahkamah. Saya rasa ini memberikan satu senario yang tidak baik kerana bagi saya ia bukan sahaja boleh menyebabkan keadaan ekonomi yang tidak sihat kerana boleh menakutkan pelabur-pelabur dalam negara kita sendiri yang berminat dalam industri ini oleh sebab keputusan yang dibuat oleh menteri tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Ini bagi saya boleh menyebabkan berlakunya satu situasi yang tidak sihat.

Inilah yang saya lihat perkara-perkara penting yang mana dalam proses pengawalseliaan ini supaya menjadi satu proses yang lebih telus dan lebih adil, yang pada tujuan asasnya ialah untuk kepentingan industri air di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ledang.

**11.08 pg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berdiri untuk menyokong pembentangan rang undang-undang ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya membentangkan rang undang-undang ini dan juga mengucapkan tahniah kepada kementerian, terutamanya Yang Berhormat Menteri kerana banyak menerima pandangan, teguran dan komen daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat.

Falsafah hidup saya mudah saja, Tuan Yang di-Pertua. Tidak semua yang kita minta atau yang kita ingin kita dapat. Walau bagaimanapun, saya percaya rang undang-undang ini telah merangkumi semua persoalan pokok, terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan ramai. Saya yakin kesemuanya adalah untuk meningkatkan martabat sistem bekalan air itu sendiri dan sistem pembetulan yang akhirnya kedua-dua ini adalah saling berkaitan rapat di antara satu sama lain. Cuma ada beberapa perkara yang perlu saya bangkitkan.

Pertamanya tentang tarif air. Umumnya rakyat meletakkan satu kepercayaan bahawa tarif air tidak akan meningkat dan berlaku keseragaman kadar air di seluruh negara. Walaupun mungkin kos rawatan tinggi di sesuatu tempat, di sesuatu negeri dengan negeri yang lain kerana soal pencemaran dan sebagainya, tetapi saya percaya ada satu kaedah di mana satu keseragaman tarif air akan dapat dilaksanakan di seluruh negara.

Cuma, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa air terpaksa dirawat untuk mencapai tahap pertama pH antara 6.8 hingga 7.3, kandungan ammonia tidak lebih daripada 0.3 mg ataupun 0.5 mg setiap liter, tahap jernih yang tinggi, tidak mengandungi kuman bakteria dan sebagainya. Tetapi pencemaran telah menyebabkan mutu air mentah telah menjadi rendah. Oleh yang demikian kos rawatan meningkat.

Oleh sebab pencemaran alam sekitar bukan dalam kawalan rang undang-undang ini, apakah jaminan bahawa kos rawatan dan sekali gus tarif air tidak akan meningkat dalam kerangka rang undang-undang ini akibat daripada pencemaran air daripada sumber mentah yang tidak terkawal, yang di luar daripada bidang rang undang-undang ini. Saya bimbang oleh sebab kawasan tadahan air tidak termasuk dalam rang undang-undang ini, justeru air tidak dapat dibekalkan dengan kadar yang rendah walaupun akta atau SPAN nanti menyebut dalam Klausula 40, di mana pemegang lesen akan didenda sehingga RM100,000 kerana membekalkan air yang tidak selamat daripada sumber air yang memang telah pun tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, ini perlu mendapat penjelasan supaya orang ramai yakin bahawa kadar air tidak akan meningkat walaupun pencemaran air berlaku dan kos merawat tinggi dengan kaedah-kaedah moden seperti kaedah penggunaan teknologi yang terkini selain daripada penggunaan kaedah rawatan secara konvensional.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa selama ini sejak 80 tahun yang lalu, Kementerian Kesihatanlah yang memastikan bahawa mutu air bersih di dalam negara kita selamat untuk diminum dan Kementerian Kesihatan telah pun mendapat pengiktirafan dari WHO, PBB yang membekalkan air di dalam negara kita. Maknanya standard yang dipegang oleh Kementerian Kesihatan adalah mengikut standard ataupun piawaian WHO yang tidak boleh lagi dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar yang ingin saya tahu ialah rang undang-undang ini lebih menjurus kepada kawalan mutu akan dipertanggungjawabkan sendiri, bukan oleh badan lain ataupun tidak terasing. Saya lebih suka supaya Kementerian Kesihatan kekal sebagai pelengkap kepada rang undang-undang ini di mana Kementerian Kesihatanlah yang sepatutnya mengawal mutu air supaya keyakinan orang ramai akan berterusan dalam erti kata yang lain sekiranya SPAN sendiri yang mengawal mutu air pihak lain akan mempertikaikan.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Maran.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Silakan.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya tertarik dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang tadi supaya Kementerian Kesihatan dilibatkan secara khusus dalam SPAN ini. Tidak ada gunanya kalau kita ada air tetapi kualiti air tidak bagus. Ada air banyak tetapi kuman 'bersepah-sepah' dalam air.

Oleh sebab itulah saya hendak tarik kepada perkara keanggotaan suruhanjaya Parlimen di mana kalau diikuti dalam akta ini, tidak disebut pun tentang kesihatan. Saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat bagi Ledang, sebab kalau kita lihat di sini - saya bacakan sedikit:

*"Tidak kurang daripada lapan tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang lain, yang pada pendapat menteri mempunyai pengalaman dan menunjukkan keupayaan dan profesionalisme mereka dalam perkara yang berhubung dengan kewangan, kejuruteraan, perniagaan dan atau pentadbiran atau yang selainnya"*

Maknanya aspek kesihatan tidak menjadi aspek utama dalam perbekalan air ini. Apa pandangan Yang Berhormat untuk kita cadangkan kepada kerajaan. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Maran. Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya sebutkan tadi. Maknanya sekarang sudah ada penyokong, sewajarnya Kementerian Kesihatan menjadikan itu sebagai satu teguran

ataupun satu pandangan yang baik dan saya masukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya.

[Timbalan Yang di Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, tentang ....

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Minta penjelasan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Silakan.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Tentang kualiti air. Walaupun tadi ada Yang Berhormat Maran mencadangkan agar Kementerian Kesihatan dimasukkan sebagai satu agensi yang mengawal selia kualiti air. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ledang bahawa apabila sesebuah batang sungai itu tercemar maka pemegang lesen akan membuat rawatan air itu dengan menggunakan klorin. Apakah klorin itu baik untuk kesihatan manusia sekiranya tidak dikawal dengan baik kerana lebih banyak klorin dipakai ia akan menjejaskan kesihatan manusia. Apakah hanya satu cara ini sahaja untuk merawat air?

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ledang sekiranya kita minta kementerian memasukkan standard kualiti air yang paling minimum di dalam Rang Undang-undang ini sebagai satu garis panduan. Sebab di negara-negara lain ada dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang supaya ini jelas ditunjukkan kepada dunia kepada rakyat mereka tentang kualiti yang paling minimum yang diperlukan untuk kegunaan manusia. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Kelana Jaya. Saya bersetuju dengan pendapat yang kedua tadi cuma saya hendak jawab ialah yang pertama. Penggunaan klorin adalah sebagai mana yang telah pun menerima piawaian daripada WHO. Maknanya dalam erti kata lain standard telah disediakan dan kita perlu ikut. Sebab itulah saya sebut tadi Kementerian Kesihatan mestilah menjadi pelengkap kepada Akta ini supaya orang ramai sentiasa yakin dengan mutu air yang diminum supaya sentiasa selamat digunakan. Silakan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat dari Ledang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat Pagi.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, selamat pagi.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Soal rawatan air ada banyak jenisnya. Ia punya *design* mengikut di mana sumber air itu diambil, itu pada pendapat saya. Kita memerlukan *percolation, filtration, sensation* dan sebagainya sebelum bubuhan rawatan klorin itu. Xaya ada penuh keyakinan dengan syarikat-syarikat yang ada kemahiran dan kepakaran untuk merawat air ini. Apa jua jenis air boleh dirawat tetapi soalnya kos rawatan itu.

[Yang Berhormat Ledang bangun untuk menyambung perbahasan]

*Sorry, sorry*, maaf, sahabat dari Ledang. Masalah kesihatan ini adalah tertumpu kepada apabila kita habis makan air itu atau *consume* air itu, menggunakan air itulah masanya yang mana membahayakan kepada manusia. Di sini saya minta penjelasan bahawa yang perlu dirawat adalah air yang keluar dari air paip di kawasan pengguna.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju pandangan daripada Putatan. Cuma pada saya ada dua peringkat kawalan. Yang pertama air yang sudah diproses untuk diminum dan yang kedua air yang belum diproses. Saya lebih menjurus kepada biarlah kedua-dua peringkat ini Kementerian Kesihatan menjadi pelengkap dan tidak ada salahnya. Saya berfikir mudah sahaja "banyak kepala lebih baik daripada satu kepala".

Ketiga, saya beralih kepada tajuk lain iaitu tentang penswastan. Pertamanya saya mengalu-alukanlah Akta ini tidak akan membuka pintu dengan mudah untuk menswastakan keseluruhan perkhidmatan air. Tuan Yang di-Pertua, saya juga sependapat

dengan Ahli-ahli Yang Berhormat lain bahawa bagi kes seperti di Johor dan juga Selangor juga negeri-negeri lain yang telah menswastakan perkhidmatan air, rawatan dan perkhidmatan air secara berasingan ataupun sekali.

Persoalannya sekarang ialah sama ada Akta ini akan terus memberi kebebasan kepada mereka memberi mereka kebenaran untuk menjadikan bekalan air dengan diberikan lesen sekiranya mereka mampu dan dengan izin *efisien* (cekap) tidak ada usaha untuk mengambil alih operasi daripada negeri dan sebagainya tetapi pada masa yang sama juga saya bertanya sekiranya mereka tidak mampu apakah kaedah misalnya SJ Holding dari negeri Johor, negeri Tuan Yang di-Pertua, *give up* dengan izin mereka tidak mampu lagi untuk melakukan operasi menyediakan bekalan air. Adakah satu kaedah yang mudah yang ada dalam Akta ini untuk diambil alih oleh pihak yang bertanggungjawab di peringkat Pusat supaya air akan sentiasa dibekalkan dengan sempurna di seluruh negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara ini ditimbang saya juga ingin bertanya adakah SPAN sanggup mengambil alih keseluruhan tanggungan sama ada tanggungan kewangan, hutang dan sebagainya juga tanggungan lain-lain, termasuklah pekerja yang ramai, pegawai dan eksekutif dan sebagainya yang kesemuanya adalah menjadi tanggungan kepada syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang kita tahu kawasan tadahan sebagai sumber air mentah masih kekal kepada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, klausa 41 (1) (2) (3) dan (4) menyebut bahawa pemegang lesen boleh didenda RM300 ribu, itu satu jumlah yang banyak jika pembekal air tidak menepati piawaian sedangkan jika sumber air tercemar dan pemegang lesen terpaksa merawat tetapi pada tahap tidak boleh dirawat 100% seperti kes kandungan ammonia melebihi 0.5 miligram per liter ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Putih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap, sikit lagi, seperti di Selangor baru-baru ini dan apakah kes ini boleh berlaku dan jika kes ini berlaku semula jika tidak ada satu mekanisme yang wajar di mana Akta ini merangkumi sumber air mentah. Persoalannya bagaimana kita boleh memastikan bahawa air sentiasa dalam keadaan yang sempurna sedangkan air mentah sudah tercemar? Silakan Pasir Putih.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Putih]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jiran saya Yang Berhormat bagi Ledang kerana saya terpaksa dengar tadi sikit untuk campur sikit dalam bidang ini. Merawat dan menyalurkan air, perkhidmatan air. Saya tidak disebut dalam ini ialah bagaimana paip-paip yang ada, saya kira tidak kurang dari 7 ke 8 bilion kalau kita hendak tukar paip yang ada daripada zaman British lagi. Sebab itu air di Kelantan atau di mana-mana negeri pun keruh kerana disalurkan air kerana paip pecah. Yang keduanya ialah hitung piutang. Saya anggarkan ialah 7 bilion lebih. Kelantan pun ada Yang Berhormat bagi Pasir Mas, bukan tidak ada, semua negeri ada hutang. Maka apabila kita melaksanakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 ini apakah diambil kira. Ini saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Ledang.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya bukan Menteri saya tidak boleh jawab.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .... boleh gulung.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Untuk menjawab persoalan itu tadi Tuan Yang di-Pertua, saya masukkan dalam ucapan saya untuk dijawab oleh pihak Menteri. Saya ulangi perkara empat, persoalannya ialah bagaimana Akta ini atau SPAN nanti akan memastikan bahawa air mentah sentiasa pada tahap yang selamat untuk dirawat dan dirawat sebelum atau selepas dirawat yang akhirnya memberi kesan atau impak kepada harga atau kos rawatan yang sekali gus impak kepada orang ramai keseluruhannya. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu diambil perhatian. Dan akhir sekali yang penting walau bagaimana pun Tuan Yang di-Pertua, ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi punya tak pentinglah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Walau bagaimanapun, Akta ini juga mestilah memasukkan elemen pendidikan sebab jika orang ramai tidak dididik sama ada bersama-sama secara insaf mengawal air dari tercemar dan air tidak digunakan secara membazir, saya fikir usaha yang kita buat tidak akan berjaya dan akhirnya pada tahap sia-sia. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya dalam Akta ini ada elemen mendidik secara berhemah misalnya sekiranya pengguna air menggunakan air melebihi daripada tahap yang normal misalnya melebihi 300 liter sebuah rumah sehari, bolehlah dikenakan takrif air yang tinggi walaupun terpaksa menerima kemarahan daripada rakyat walaupun kita terpaksa menelan pahit daripada didikan yang berhemah itu. Sekian, saya menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Alor Setar. Berapa ramai? Ramai lagi. Yang Berhormat mungkin saya tidak .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Bila saya boleh dapat giliran saya? Saya sudah bangun daripada pagi semalam sampai hari ini sekali pun tidak dapat peluang.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini tidak dapat saya jawab.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya kena angkat begitu? *[sambil mengangkat tangan]*

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah, tak payah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Boleh tak Speaker bagi jaminan saya dapat peluang?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada ramai juga yang bangun sejak semalam.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tidak. Saya bangun daripada semalam, pagi semalam hingga petang. Dan sampai ke hari ini. Bukan tidak dapat peluang sekali pun.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah menyoalkan, tidak perlu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, saya tahulah. Saya hendak minta supaya - saya merayu kepada tuan Speaker saya diberi peluang kerana saya mahu mewakili kawasan Sungai Petani yang terdapat 76 ribu pengundi.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup, semua pun ada kawasan. Saya akan timbangkan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Bolehkah saya dapat peluang?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, boleh.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang memahami ramai lagi yang hendak berucap dan saya akan cuba memendekkan ucapan saya.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang ini saya sokong. Yang Berhormat, kalau nanti ada sebahagian yang mungkin tidak dapat membahaskan atas undang-undang ini kita ada lagi satu lebih kurang sama juga akan diberi peluang. Jangan susah. Kalau Alor Star ruang ini tidak dapat diberi peluang akan datang bolehlah diberi keutamaan.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 yang telah pun dibentangkan semalam Dewan ini telah pun mendengar hujahan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri hendak minta penjelasan.

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Biarlah betul. Ada dua Rang Undang-undang dan ada peluang lagi. Tetapi saya belum bantangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dia sudah mula cakap. Sekarang Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air sahaja. SPAN akan datang. Nak cakap bila SPAN datanglah. Jangan takut ada banyak peluang, saya duduk di sini dua hari dua malam, tiga hari tiga malam pun tidak apa, pelan-pelan jangan takut, jangan gaduhlah, jangan gaduh.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan gaduhlah, sehingga Yang Berhormat Menteri semalam pun tidak tidur.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air sahaja jangan cakap SPAN lah sehingga saya pun ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bila dia sebutkan perkara berkaitan dengan SPAN tak payah jawablah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, minta dia berhenti jangan cakap fasal SPAN.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Saya ikut. Alor Star.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 telah pun dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada semalam dan kita telah pun mendengar hujah Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Telekomunikasi. Semasa pembentangan tentang kebaikan Rang Undang-undang tersebut serta mekanisme yang sempurna akan diterima pakai apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan diimplementasikan kelak.

Memang baiknya kalau kerajaan dapat mengendalikan pengurusan dan juga menyediakan satu sistem perkhidmatan air termasuk juga pembedaan dengan penuh bertanggungjawab, ketelusan, tanpa penyelewengan, tanpa penyalahgunaan kuasa sama ada di peringkat kementerian ataupun di peringkat negeri. Saya rasa walaupun demikian memang banyak lagi soalan-soalan dan masalah-masalah walaupun telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat pada semalam hingga pagi ini. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan dan saya ingin tahu beberapa perkara dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan yang secukupnya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa mengikut Perkara 79(2) Perlembagaan Persekutuan, ianya memperuntukkan sesuatu Rang Undang-undang yang berhubung dengan perkara yang disebut dalam senarai bersama, *that is concurrent list*, dengan izin seperti masalah air, ianya hendaklah dirunding dengan kerajaan negeri sebelum Rang Undang-undang berkenaan diteruskan untuk diperakukan dan diterima pakai. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai bekalan dan perkhidmatan air kini menjadi bidang kuasa perundangan bersama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Sila Yang Berhormat Menteri memberitahu saya, apakah maksud perkongsian kuasa mengenai hal-hal perkhidmatan air di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Macam mana kita nak berkongsi kuasa?

Yang kedua, sebelum Rang Undang-undang tersebut ini diambil ke Parlimen, memang kita tahu dan kita faham rundingan telah pun diadakan bersama dengan semua negeri.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Krai.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Alor Star. Oleh kerana mengenai dengan peruntukan tadi, saya nak tanya Yang Berhormat mengenai dengan WAMCO, *Water Management Company* kalau tak

salah dengan izin, dan syarikat yang mengurus pembekalan air di tiap-tiap negeri. Adakah ini sudah berfungsi ataupun bila SPAN ditubuhkan baru ianya berfungsi? Dan setakat mana, sejauh manakah peranan WAMCO ini boleh .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini mungkin ada berkaitan dengan *bill* yang lain, yang akan datang.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Ya, okey bagaimana pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya percaya syarikat ini akan ditubuhkan untuk mengambil alih semua aset, semua aset di peringkat negeri-negeri. Walau bagaimanapun ..

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Maksud saya adakah WAMCO ini sudah berjalan ataupun bila SPAN ditubuhkan baru diteruskan.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Mungkin fungsi tidak berjalan lagi tapi pengambilalihan aset mungkin sudah mula. Walau bagaimanapun saya ingin nak tanya juga kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan dalam gulungan Yang Berhormat? Saya ingin nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri juga, adakah semua kerajaan negeri bersetuju dan berpuas hati dengan penjelasan dan jaminan yang diberikan oleh kementerian mengenai mekanisme termasuk sistem perkhidmatan air dan pembetungan yang akan diimplementasikan kelak.

Yang ketiga, jika selepas Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini diluluskan kelak, tetapi ada juga setengah negeri-negeri masih belum siap sedia untuk menerima mekanisme di bawah Akta air, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan? Saya adalah salah seorang Ahli Parlimen dari negeri Kedah Darul Aman, seperti yang dimaklumkan negeri Kedah ialah sebuah negeri yang mempunyai sumber air mentah yang begitu banyak. Di sebelah utara Semenanjung ini negeri Kedah telah pun membekalkan air-air mentah dan *treated water*, dengan izin ke negeri Perlis dan juga Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Kedah dan beberapa majlis daerah mempunyai badan untuk membekalkan dan mengendalikan air secara menjual ataupun secara jualan kepada pengguna-pengguna di negeri kita.

Maka jika Akta ini dikuatkuasakan kelak, perkhidmatan air adalah di bawah kuasa Kerajaan Pusat, dan adakah kerajaan negeri akan mengalami kerugian yang lebih teruk? Sebab kerajaan negeri hanya berhak menjual air mentah sahaja. Bila Akta ini dikuatkuasakan, adakah Kerajaan Persekutuan melalui SPAN ke, melalui apa ke, saya tak mahu sebut tentang SPANlah, sebab Yang Berhormat Menteri telah pun memperingatkan kita. Akan memberi jaminan bahawa segala syarikat operator yang diberikan lesen untuk meneruskan dengan aktiviti mengendalikan perkhidmatan air.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, kutipan hasil Kerajaan Negeri Kedah yang terlibat dalam pemasangan sambungan sesalur, sambungan semula cagaran, ujian meter dan hasil air pada tahun 2003 ialah RM151 juta. 2004 - RM155 juta, 2005 melebihi RM162 juta. Pada keseluruhannya kutipan hasil terlibat dengan bekalan air secara net bagi negeri Kedah ialah RM30 juta setahun dalam tiga tahun kebelakangan ini. Adakah kerajaan negeri akan memperolehi hasil sebanyak apa yang saya sebut selepas Rang Undang-undang ini diimplementasikan?

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang ini juga, SPAN pula kita nak sebut, kalau kita sebut SPAN pun tak boleh, tak apalah sebut pi lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebut, tak jawab nanti.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Tak apalah, saya sebut sekarang mungkin Yang Berhormat Menteri akan jawab.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya rasa boleh sebut SPAN sebab ada dalam Perkara 18 dalam Undang-undang ini tidak ada masalah. Boleh sebut, asalkan jangan bincang.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Okeylah, tak apalah, saya akan secara ringkaslah. Saya difahamkan di bawah Rang Undang-undang SPAN, terdapat lapan orang pegawai yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Maksud saya, sebagai sebuah negeri seperti Kedah yang merupakan *water provider* dengan izin, bukankah secara wajib salah seorang dalam Suruhanjaya dilantik oleh Kerajaan Negeri Kedah untuk mewakili negeri menjaga kepentingan negeri Kedah. Walau bagaimanapun, kita dimaklumkan bahawa segala masalah termasuk tarif, bekalan air kepada pengguna tidak sewenang-wenangnya ditetapkan, tetapi terlebih dahulu dibincangkan dalam forum air. Bolehkah Kerajaan Persekutuan memberi jaminan bahawa tarif yang akan dikenakan tidak membebaskan pengguna, sebab SPAN akan tiba-tiba menjadi monopoli air di negeri ini.

Contoh yang paling tepat ialah perkhidmatan pembetungan oleh IWK. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun cukup tahu, cukup memahami masalah-masalah yang berkaitan dengan perkhidmatan ini. Sebelum diluluskan sebagai satu contoh yang tepat, IWK ini sebelum diluluskan semua bisa diatur, semua boleh dibereskan, semua boleh baik, semua sempurna. Tapi selepas diimplementasikan, tiba-tiba telah ubah dari *privatization* dengan izin, menjadi *'piratization'* dengan izin. Terdapat begitu banyak bantahan dari pihak pengguna termasuk dari kalangan wakil rakyat. Di mana pengguna-pengguna enggan membayar bil-bil yang dikeluarkan oleh IWK. Pada akhirnya saya difahamkan perkhidmatan ini telah pun diserahkan balik kepada kerajaan. Kita ingin melihat supaya apabila Akta ini dikuatkuasakan, ianya tidak akan berulang seperti senario macam IWK.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dikatakan oleh begitu ramai Ahli di Dewan yang mulia ini, hak mendapat bekalan air ialah seperti hak asasi manusia. Jika tarif tidak patut dan jika pengguna tidak mampu bayar dalam tempoh masa 30 hari seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri mereka ini terpaksa menghadapi pemotongan bekalan. Macam mana pihak Kerajaan Persekutuan akan membantu kalau boleh, memanglah apa yang kita guna kita bayar, tetapi jangan buat macam IWK ataupun lain-lain. Kalau kita tak bayar melebihi 30 hari, potong terus, rakyat akan marah. Itu adalah masalah yang penting. Saya memang berharap supaya dalam spirit Akta ini, ianya akan menjaga kepentingan tiga pihak, Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, dan juga pengguna iaitu rakyat jelata di negara kita.

Dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu penjelasan yang tepat kepada kita supaya kita dapat mengambil balik maklumat ini kepada kerajaan negeri, kita memberitahu mereka sama ada mereka setuju atau tidak, itu soal lainlah sebab kalau mengikut maklumat yang saya terima, memang terdapat beberapa buah negeri, kerajaan negeri yang tidak bersetuju dengan Akta ini. Walau bagaimanapun, saya bersetujulah dan saya juga menyokong cadangan di Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bera. Berapa ramai lagi ya? Saya nak tahu [*sambil mengira*].

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak ada peluang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Akan diberi peluang.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Akan bila?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak boleh dipaksa untuk memberi peluang.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tidak, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, akan diberi peluang.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tapi, tadi pun saya bangun, lepas itu bangun lagi. Bila?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya kena adillah, akan diberi peluang nanti. Sebab saya baru masuk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, semalam pun tiga Tuan Yang di-Pertua juga masuk, serupa juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apa, sila.

11.41 pg.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya nak maklumkan kepada Dewan ini bahawa ibu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu Dato' Dr. Awang Adek meninggal dunia malam tadi. Saya rasa eloklah kita sedekahkan Al-Fatihah dan kepada yang bukan Muslim, kita bertafakur sejenak. Al-Fatihah.

*[Ahli-ahli beragama Islam membaca al-Fatihah]*

*[Ahli-ahli bukan beragama Islam bertafakur]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Persekutuan terutamanya Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi kerana membentangkan Undang-undang Industri Perkhidmatan Air. Pengambilalihan bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan dari kerajaan negeri di harap mampu menyelesaikan masalah air yang dihadapi di negeri-negeri. Misalnya masalah kekotoran air, masalah terputus bekalan air dan lain-lain telah menjadi masalah yang berlarutan di negeri-negeri yang tidak pernah selesai. Walaupun pihak Kerajaan Persekutuan, membelanjakan lebih daripada RM7 bilion, yang mana ini merupakan hutang kerajaan negeri. Masalah di negeri-negeri tentang air tidak pernah dapat diselesaikan. Alasan masalah kerajaan negeri ialah paip terlalu lama yang menyebabkan kebocoran, tekanan rendah, loji yang tidak cukup menampung keperluan dan sebagainya. Alasan-alasan tidak mampu menyelesaikan masalah ini ialah kerana tidak cukup wang untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya percaya dan berharap dengan terbentangnya Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air ini, perkara ini dapat diselesaikan. Saya kira rakyat di negeri-negeri menanti dengan penuh harapan agar masalah yang menghimpit mereka ini dapat diselesaikan dengan segera. Saya melihat Rang Undang-undang ini mencakupi semua lapisan terutamanya pengguna. Fasal 41, merupakan Fasal yang penting kerana menjelaskan mengenai perlunya ada standard kualiti minimum air yang akan ditetapkan oleh Menteri. Pihak kerajaan nampaknya serius apabila menetapkan hukuman iaitu sesiapa pembekal air yang tidak mampu memenuhi keperluan standard kepada pengguna yang ditetapkan oleh Menteri, akan dikenakan denda RM300 ribu atau penjara tidak lebih dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Walau bagaimanapun, standard ini ditetapkan hanya kepada pembekal-pembekal air, pemegang-pemegang lesen yang merawat air. Tetapi tidak ada ditetapkan Fasal untuk menentukan bahawa alur-alur air juga mesti mempunyai tahap kualiti standard, kualiti minimum. Ini adalah tidak adil pada pihak pembekal air yang ditetapkan standard kualiti minimum sedangkan alur-alur air yang dipunyai oleh negeri-negeri tidak mempunyai tahap standard. Saya ingin memberi contoh apa yang berlaku di negeri Selangor baru-baru ini. Apabila terjadi kebocoran, pihak pembekal air iaitu SYABAS dikatakan terpaksa merawat air yang tercemar dan mereka terpaksa merawat walaupun standard kualiti yang mereka terima adalah terlalu rendah. Tetapi persoalan yang ada pada SYABAS, adakah ingin menutup terus loji yang menyebabkan 3 juta rakyat di Selangor, di Wilayah dan sebagainya tidak menerima langsung air ataupun terus merawat. Jika Fasal ini digunakan, tentu sahaja SYABAS akan menanggung akibatnya. Sedangkan pihak yang mempunyai alur air tidak mempunyai Fasal untuk menentukan tahap air yang mereka bekalkan.

Saya berharap selepas ini saya minta supaya ada satu klausa, satu Fasal. Selain daripada Fasal ini, adalah Fasal yang menentukan kepada pemegang ataupun kerajaan negeri, mestilah bertanggungjawab untuk memberikan air yang kualiti standard minimumnya juga ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri. Dengan ini barulah kerajaan negeri berhati-hati di dalam meluluskan sesuatu projek di hulu kepada tempat rawatan air.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan sahabat saya daripada Bera. Adakah Yang Berhormat bersetuju kerana apabila air yang datang ke loji pemprosesan ini didapati bahawa substandard. Operator terpaksa mengeluarkan lebih belanja, lebih tenaga, lebih masa untuk merawat air ini, juga kos ini dimasukkan dalam Fasal kerana kalau nak dibebankan kepada operator dengan keadaan air yang macam itu, kemungkinan kurang adil. Adakah nak kita masukkan juga dalam klausa ini?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Jasin rakan saya. Bukan sahaja kita kos ditanggung oleh pihak kerajaan negeri, tetapi juga hukuman denda sebanyak RM300 ribu atau mungkin lebih lagi kita tetapkan kepada tuan-tuan punya alur tadi iaitu kerajaan negeri. Jika hukuman penjara dan sebagainya dikenakan, kita mesti mencari satu mekanisme supaya hukuman keras juga perlu dikenakan terhadap tuan punya alur tadi. Hendak tangkap siapa, saya serahkan kepada pihak Menteri lah yang membuat pindaan tersebut.

Saya juga ingin merujuk kepada Fasal 143. Seperti kita tahu bahawa penyelesaian masalah air ini terletak kepada Kerajaan Persekutuan sekarang iaitu selepas sahaja undang-undang ini diluluskan bahawa pembekal air adalah syarikat ataupun sesiapa sahaja yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala pembekal airnya adalah kerajaan negeri. Kita mengharapkan ianya dapat diselesaikan dengan segera. Tetapi Fasal 143, ialah membincangkan mengenai kelulusan-kelulusan yang terpaksa dibuat oleh kerajaan negeri. Walaupun hak Kerajaan Persekutuan tetapi banyak perkara-perkara bergantung kepada kerajaan negeri. 143 misalnya mengenai pemasangan batang paip di dalam tanah-tanah kerajaan negeri. Ianya mesti mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri kerana ianya melibatkan soal tanah.

Begitu juga dengan kelulusan memasang paip, pelan memasang paip, pelan bangunan-bangunan untuk rawatan air, pusat rawatan air mesti diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya bimbang apa yang berlaku selama ini jelas menunjukkan bahawa perkara-perkara yang menjadi kelewatan banyak berpunca daripada kerajaan negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di dalam meluluskan pelan-pelan dan sebagainya.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Bera. Mengenai dengan kerjasama mengenai air ini bagaimana Bera bersetuju tidak pandangan ini, supaya pihak kerajaan negeri dan kerajaan pusat ini bekerjasama jangan main politik kerana air ini begitu penting kepada rakyat. Ada setengah kerajaan negeri ini dia main politik masalah air pun, tanah tidak beri kebenaran dan sebagainya. Sejauh manakah kerjasama yang dapat diberikan oleh kerajaan negeri dan pusat ini supaya dapat rakyat-rakyat ini mengatasi masalah air yang begitu penting kepada negara. Bagaimana pendapat Bera?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya cuma sebut kerajaan negeri tidak sebut negeri mana. Tetapi apabila Kuala Krai bangun saya yakinlah negeri yang disebut adalah negeri Kelantan. Saya percaya akan timbul masalah kerana kuasa kerajaan negeri adalah kuasa meluluskan dari segi soal yang melibatkan pengambilan tanah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di negeri yang tidak diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional seperti di majlis-majlis daerah perbandaran dan sebagainya adalah daripada parti yang memerintah negeri tersebut. Saya takut jikalau pihak kerajaan negeri bermain politik di dalam isu air ini, air yang dikatakan keruh di negeri Kelantan tidak akan dapat diselesaikan walaupun kita meluluskan undang-undang industri air. Ataupun SPAN yang mungkin tidak akan dijawab oleh Yang Berhormat menteri hari ini tetapi saya takut jika kerajaan negeri main politik kita tidak mampu menyelesaikan masalah ini.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Bera. Saya hendak sorot kembali masalah pelaksanaan projek-projek kita. Kalau kita lihat kita sudah lalu masuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan sebahagian daripada pelaksanaan projek-projek terbengkalai, tergendala dan sebagainya adalah disebabkan oleh kerana masalah pengambilan tanah *acquisition* dengan izin yang melibatkan kerajaan negeri. Saya kira oleh kerana esok suruhanjaya ini ataupun akta diluluskan dan kuasa air akan diserahkan pada persekutuan. Mahu tidak mahu seperti yang disebutkan Yang Berhormat Bera tadi bahawa kerajaan negeri mustahak. Walaupun sekarang ini, saya tidak sentuh di Kelantan, Kelantan satu isu yang agak besar kerana

berbeza politik. *Even* dalam kerajaan Barisan Nasional sendiri antara kita sendiri pun masalah kelewatan projek-projek pelaksanaan juga disebabkan perkara yang disebutkan tadi.

Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan sebelum kita luluskan akta ini supaya satu *mechanism* yang lebih kemas, yang terancang, yang baik dapat dibentuk, ditentukan. Supaya apabila kita hendak melaksanakan projek-projek bekalan air esok masalah tanah, masalah pengambilan balik tidak berlaku. Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Maran. Dan saya berharap bukan sahaja Kerajaan Negeri Kelantan yang memang kita ragui dari segi kelulusan yang cepat. Saya juga berharap negeri-negeri lain juga cepat dari segi kelulusan dan sebagainya. Walaupun dari segi undang-undang pengambilan tanah pihak kerajaan boleh mengambil tanah untuk kepentingan *public*, orang ramai dan sebagainya tetapi saya juga takut jikalau kelulusan dari negeri-negeri lain juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat masa cukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tunggu dahulu. Saya ada dua lagi isu, saya akan beralih kepada isu lain. Mohon.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Bera. Ini berkenaan dengan pusat dan negeri. Banyak di antara rakan-rakan yang berucap mengatakan bahawa masalah air ini adalah *revenue* kepada sesuatu negeri. Banyak yang telah menyatakan kekhuatirannya. Mengapa tidak kalau kita masukkan di dalam akta ini bahawa apabila hendak diswastakan, apabila diambil alih oleh pusat esok hendak diswastakan, mengapa tidak kita syaratkan bahawa kerajaan negeri mempunyai saham ataupun ekuiti yang majoriti. Akhirnya negeri akan bersama-sama dan mungkin sama keuntungan kepada negeri yang ada di situ. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jasin tadi dan ingin masukkan, kalau dia setuju masukkan dalam ucapan saya bahawa setiap pusat rawatan air, bekalan air, syaratnya kerajaan negeri mesti mempunyai kepentingan. Soal berapa *percent* ekuiti terserahlah tetapi mesti ada kepentingan. Rakan-rakan saya semalam agak bimbang mengenai takutnya pertukaran hak milik pusat rawatan air ataupun pemegang lesen.

Walaupun Fasal 109 (1) mengatakan bahawa klausa ini menyekat pertukaran hak milik dan juga penyatuan tetapi Fasal 109 (2) memberi kuasa kepada menteri untuk membenarkan hal-hal yang berkaitan dengan penyatuan dan sebagainya. Dengan itu saya berharap agar pihak Yang Berhormat menteri di dalam menggunakan kuasanya di bawah Fasal 109 (2) berhati-hati di dalam soal pertukaran hak milik ataupun penyatuan-penyatuan ini kerana takut jika hak milik ataupun penyatuan ini akan menguntungkan pihak luar terutamanya daripada pihak luar negara kita. Kerana ianya pernah berlaku apabila Pantai Holding yang dulunya dipunyai oleh kita akhirnya bertukar hak milik kepada pemilik daripada Singapura dan sebagainya.

Perkara yang kedua akhirnya ialah mengenai kuasa menteri. Saya sudah sebutkan sekarang bahawa di dalam negara yang mengamalkan doktrin pengasingan kuasa, setiap kuasa yang berasingan iaitu eksekutif, *legislative* dan kehakiman mesti mempunyai kuasa yang bebas. Tetapi di dalam undang-undang industri perkhidmatan air kuasa menteri adalah lebih tinggi daripada kuasa mahkamah iaitu apabila Perkara 114 (1) dan Perkara 120 menyebutkan bahawa kuasa menteri tidak boleh dicabar. Saya kira ini adalah salah kerana ianya bertentangan dengan prinsip perlembagaan dan bertentangan dengan prinsip undang-undang dan juga bertentangan dengan prinsip demokrasi pengasingan kuasa tadi. Dan saya berharap supaya fasal ini dipinda ataupun dihapuskan.

Dan akhir sekali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa kali?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Dua kali akhir. Perkara 121 ialah mengenai kesalahan mencemarkan air, mencemarkan alur air yang menentukan hukuman mati. Begitu juga iaitu Perkara 121 (1) dan Perkara 121 (2). Soalnya di dalam fasal ini disebut bahawa seseorang yang mencemarkan air, seseorang dan hukumannya mati. Persoalan saya apakah maksud seseorang tersebut? Bagaimana kalau yang mencemarkan air itu sebuah syarikat, siapakah yang akan dihukum mati? Bagaimanakah jikalau yang mencemarkan air itu sebuah syarikat *public listed* ataupun syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Adakah seseorang itu CEO nya? Adakah seseorang itu pengerusinya? Jadi perkara ini mesti diperjelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tiga kali Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tiga kali akhir, ini betul-betul akhir, betul-betul akhir. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana dan adil. Fasal 192 mengatakan bahawa pemegang lesen yang sedia ada perlu memohon lesen dan juga pihak suruhanjaya boleh mengubahsuai perjanjian bermakna pemegang lesen yang ada sekarang dengan wujudnya undang-undang baru ini perlu memohon semula lesen-lesen. Saya kira ini merupakan satu signal yang kurang baik.

Apabila pihak suruhanjaya boleh mengubahsuai perjanjian yang ada ini merupakan satu signal yang kurang baik kepada *environment* penswastaan di negara kita. Apa kata satu undang-undang baru dibuat di dalam soal lebuhraya, adakah kita akan mengubahsuai segala perjanjian-perjanjian yang ada di antara konsesi lebuhraya dan kerajaan? Ini saya kira kalau berlaku akan menakutkan pihak swasta yang mungkin tidak percaya kepada undang-undang ataupun perjanjian yang telah mereka *sign* atau tandatangani di satu masa dahulu. Kerana pihak kerajaan nampaknya boleh dengan secara tiba-tiba mengumumkan satu undang-undang baru dan mengubah suai segala perjanjian yang ada.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya melihat secara keseluruhannya undang-undang ini adalah baik untuk negara cuma sedikit pembetulan dan pindaan dibuat. Dengan itu saya menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, memang ramai telah diberi peluang untuk berucap, dan apabila di peringkat Jawatankuasa, terdapat juga banyak pindaan dicadangkan. Maka Yang Berhormat-Yang Berhormat juga boleh ambil kesempatan membincangkan perkara-perkara yang tertentu, tambahan pula Akta SPAN juga akan dibentangkan nanti. Saya ingin mencadangkan supaya menteri dapat mula menjawab pada jam 2.30 petang. Saya ada lagi satu jam, membolehkan Yang Berhormat-Yang Berhormat berucap dan saya terpaksa turunkan daripada 15 minit ke 10 minit dan seberapa ramai yang boleh. Nanti pukul satu, kita akan tutup perbahasan. Bolehlah Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah berhari-hari saya tunggu dan hari ini baru saya dapat giliran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat baru tunggu beberapa bulan, ramai sudah tunggu daripada...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya betul..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mereka dipilih...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya di sini bukan datang untuk memuji sesiapa. Tetapi untuk menyuarakan hasrat pengundi saya, 76 ribu di kawasan Sungai Petani. Apakah saya tidak boleh berpeluang kalau ini dianggap sebuah Dewan yang mengamalkan demokrasi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, 10 minit, ya diberi peluang 10 minit.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya berhati budi dengan saya. Terima kasih tetapi saya mintalah

pada masa-masa yang akan datang, kalau saya berdiri, tidak perlulah saya bawa bendera untuk mengibar memberitahu, saya di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau ambil bendera lagi lambat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Baiklah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu lanjut lagi, tetapi saya bukan untuk memuji. Terima kasih.

Soalnya sekarang, bila kita membicarakan rang undang-undang ini, apakah perlunya rang undang-undang ini? Sepatutnya kita beri apakah rasionalnya, rasional yang mengapa ia perlu diadakan, mengapakah ia diadakan pada waktu ini? Itu persoalan-persoalan yang boleh dijawab oleh menteri dan saya rasa jangkaan ataupun *expectation* dengan izin, oleh pengguna-pengguna amatlah tinggi sebab mungkin pada pandangan mereka, dengan adanya Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini, sekurang-kurangnya adanya ini mungkin saya katakan, adanya pemikiran mengenai dengan penyeragaman peraturan perkhidmatan air di tiap-tiap buah negeri yang mempunyai peraturan masing-masing. Oleh yang demikian, saya boleh beri satu *reservation*, dengan izin kepada kementerian ini, apakah rasional yang hendak diadakan rang undang-undang ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Perkara kedua ialah kita lihat dalam rang undang-undang ini apa yang akan berlaku, satu perkara besar akan berlaku ialah perpindahan kuasa negeri kepada pihak pusat. Itu yang kita harus fikirkan bersama. Bila ia berpindah kepada pusat, ertinya pemegang kuasa tadi, negeri yang mana tanah adalah hak negeri tetapi sekarang ini hendak dipindah kepada pihak pusat, mengenai dengan air.

Dengan itu, apakah ini harus kita bincangkan bersama, mengenai dengan pemegang kuasa tadi. Sejauh manakah kuasa pusat mempunyai kuasa ke atas air di dalam negeri dan sejauh mana pula negeri mempunyai bidang kuasanya. Ini sama-sama pihak menteri dapat tentukan kepada kita apakah sebenarnya pusat akan mengambil alih semua kuasa-kuasa negeri mengenai dengan perkhidmatan air dan yang berkaitan dengan perkhidmatan air dalam rang undang-undang ini.

Oleh kerana apa yang saya lihat di sini, ialah kalau kita ambil macam di negeri Kedah misalnya, apakah kita hanya bercakap mengenai dengan perkhidmatan air sahaja? Atau kita bercakap juga dengan kawasan-kawasan tadahan air yang mana kita dapati di negeri Kedah umpamanya terdapat banyak empangan, dan empangan ini apakah akan dikawal selia oleh pihak yang berkuasa di sini ialah Suruhanjaya ataupun SPAN yang berkuasa ke atas kawasan-kawasan ini.

Selain daripada itu juga kawasan sungai umpamanya, apakah kawasan sungai ataupun penduduk-penduduk yang duduk berhampiran sungai, ataupun kita kata rizab sungai, apakah mereka ini kalau mereka melakukan pencemaran, siapakah yang boleh mengambil tindakan kerana bagi pihak yang mengawal selia mengenai dengan industri air ini hanyalah mengenai dengan rawatan air.

Tetapi siapa pula akan mengambil tindakan kepada mereka yang mencemar air sungai itu ataupun kawasan-kawasan tadahan air tadi. Oleh yang demikian, kita kena begitu jelas sekali apakah pembahagian-pembahagian kuasa ini, adakah Kementerian Alam Sekitar juga akan terlibat dalam soal ini. Selain daripada itu ialah, saya juga meminta sebagai wakil daripada negeri Kedah, saya minta juga bahawa dengan pengambilalihan oleh kerajaan pusat, boleh atau tidak segala hutang-piutang mengenai dengan air tadi dan juga saya difahamkan yang juga hampir mencecah 1 bilion.

Boleh atau tidak ini di *right off* oleh pihak pusat dalam hal ini kerana kalau tidak jadi, berapa lamakah dan pihak manakah yang akan mengambil alih hutang-piutang tadi. Seperkara lagi yang saya ingin mengambil mengenai dengan rang undang-undang ini ialah perlindungan kepada pengguna, iaitu jaminan harga air yang sudah dirawat, cajnya tidak

akan begitu meningkat daripada masa ke semasa. Bimbangnye kita ialah boleh atau tidak berlakunya peningkatan harga air yang sudah dirawat di paip-paip di rumah dari masa ke semasa oleh kerana sesuatu keadaan yang tidak difikirkan berlaku telah berlaku dan adakah ini akan dikenakan caj yang lebih tinggi?

Misalnya, saya juga berharap caj-caj yang akan dikenakan hendaklah satu caj yang kita katakan bukanlah sebagai caj untuk mencari keuntungan tetapi sebaliknya untuk membantu rakyat pada keseluruhannya. Selain daripada itu, mengenai dengan pengguna ialah mengenai dengan pemotongan air. Apakah pemotongan air tadi juga harus difikirkan sedalam-dalamnya oleh pihak SPAN tadi kalau ini yang diadakan di dalam rang undang-undang, mengenai dengan pemotongan air, apakah notis yang harus diberi, berapa lama dan sebagainya.

Jika tidak ia akan menimbulkan kesusahan, kepayahan kepada pengguna. Selain daripada itu juga saya hendak membangkitkan mengenai dengan kualiti air. Apakah jaminan yang kita kata daripada syarikat-syarikat atau pun perindustrian air tadi akan menjamin kualiti air sebab saya tidak nampak antara syarikat-syarikat tadi mempunyai satu, saya tidak tahulah kalau pun ada tetapi tidak banyak saya rasakan daripada yang kita panggil pusat R&D mereka dari masa ke semasa untuk memantau air dan cara-cara rawatan yang mutakhir. Ini juga untuk menentukan bahawa standard atau piawaian air sentiasa terpelihara dan untuk juga keseluruhan pengguna jua terpelihara.

Antara lain juga, saya hendak bangkitkan mengenai dengan pekerja-pekerja, iaitu pekerja-pekerja syarikat tadi apabila telah diwujudkan SPAN tadi, apakah pekerja-pekerja tadi akan dikekalkan dalam jawatan-jawatan mereka yang ada sekarang, ataupun akan berlaku pula kalau sekiranya pemberhentian di atas orang-orang yang telah lama bekerja dan sebagainya.

Akhir sekali ialah mengenai dengan harta, pusat-pusat rawatan air ini tadi, pada peringkat awal ialah kepunyaan kerajaan negeri dan apakah ia akan di ambil alih oleh pihak SPAN ataupun mana-mana pihak, tetapi saya tidak dapat juga dalam rang undang-undang ini. Akhir kata, saya berharap rang undang-undang ini jika akhirnya ia dapat diluluskan, keutamaan harapan kita ialah kepada pengguna air itu sendiri. Supaya air yang di bekal adalah harga yang paling rendah dan pengguna senantiasia mendapat jaminan yang kukuh. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi Yang Berhormat bagi Pasir Mas dulu.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Assalamualaikum W.B.T, Alhamdulillah. Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana diberi kesempatan sama untuk bincang apa yang dikemukakan oleh pihak menteri iaitu Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Alhamdulillah dan sudah....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini membantu ke menghentam?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:**....nak membantu, bantu...bantu...jangan bimbang. Saya mendengar daripada awal, sampai kepada pagi ini tentang bagaimana usaha-usaha yang akan dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk meningkatkan prestasi air dan kemaslahatan kepada pengguna di negara kita. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu, pertama sekali, negara kita mesti mempunyai dasar yang jelas tentang air dan mesti dijelaskan kepada rakyat bagaimana air ini mempunyai nilai yang terlalu mahal yang di anugerahkan oleh Allah S.W.T kepada kita di negara kita ini. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, khususnya di Timur Tengah yang memang kekurangan air, kekurangan punca-punca air dan sebagainya.

Kita di negara kita ini, Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Allah limpahkan kita dengan nikmat yang terlalu banyak supaya dapat kita uruskan perkara-perkara ini dengan baik dan dengan lancar sehingga dapat dimanfaatkan oleh seluruh rakyat di negara kita bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi daripada Kuala Lumpur ke Kelantan, ke Sabah, dan Sarawak dan seluruh negara kita. Rakyat-rakyat di negara kita ini tidak dinafikan tentang mendapat manfaat daripada air-air bersih sebagai mana yang dikemukakan oleh ramai Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini.

Saya sebagai seorang Islam, bersama-sama dengan sahabat-sahabat juga, saya suka menyebut bagaimana agama Islam di dalam al-Quran Nur Qarim mencatatkan berpuluh-puluh ayat, tentang manfaat dan besarnya nikmat air kepada manusia ini. Di antara lain yang saya sempat catatkan di sini iaitu surah Al-Anbiyaa' ayat 30 dan surah Ruum' ayat 24 dan surah Az-Zumar ayat yang ke 21. Ayat ini perlu saya baca, supaya dapat dirujuk oleh sahabat-sahabat kita daripada kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat, di antaranya iaitu.....*[Membaca sepotong ayat al-Quran]*...Allah S.W.T menyebut "Apakah mereka golongan-golongan yang ingkar kepada Allah S.W.T tidak melihat, tidak memerhati bahawa langit dan bumi ini asalnya padu, kemudian kata, Allah pisahkan di antara kedua-duanya dan Kami jadikan setiap sesuatu itu daripada air".

Ini menunjukkan bahawa air ini, iaitu suatu aset yang terlalu penting kepada seluruh manusia tanpa mengira agama, bangsa dan jenis-jenis masyarakat yang ada. Ayat yang kedua iaitu.....*[Membaca sepotong ayat al-Quran]*...Allah menyebut bahawa, "Kami turunkan daripada langit itu air dan Kami hidupkan bumi yang sudah mati". Ertinya Allah S.W.T menurunkan air, kemudian daripada bumi-bumi yang gersang itu, Allah S.W.T tumbuhkan dengan tumbuhan-tumbuhan dan kehidupan. Ayat yang ketiga iaitu.....*[Membaca sepotong ayat al-Quran]*...Allah S.W.T menyebut, "Apakah mereka tidak melihat bahawa Allah menurunkan daripada langit itu air kemudian mengatur daripada sumber-sumber air di bumi ini".

Yang saya suka tekankan bahawa bagaimana Rasulullah S.A.W, menyebut tentang manusia hendaklah bermuafakat, manfaat tentang dua, tiga perkara. Pertama sekali apa yang di sebut...*[Membaca sepotong hadis]*..barangkali ini tidak disentuh oleh kawan-kawan kita, iaitu manusia ini mesti bersyariat, bermuafakat tentang tiga perkara, pertama sekali 'Fil-nar, Fil-maq, Fil-qalak'. Iaitu mesti bermuafakat tentang penggunaan air, penggunaan api, api termasuk bahan bakar, minyak, gas dan sebagainya. Yang kedua air, yang ketiga padang ragut. Bagaimana sebelum daripada manusia mengenal tamadun, Nabi Muhammad S.A.W yang dijadikan panduan, yang penting dalam kehidupan orang Islam dan seluruh manusia ini menyebut bahawa...*[Membaca sepotong ayat al-Quran]*..manusia mesti berkompromi, bersyariat tentang penggunaan api, tidak boleh api dimiliki oleh setengah pihak kemudian mengenakan bebanan yang tinggi kepada pengguna.

Begitu juga air, tidak boleh dimiliki oleh sekelompok manusia kemudian mengambil kesempatan daripada perlunya manusia kepada air. Hal ini mesti diguna dan mesti di atur, susun, supaya ia dapat di manfaat, tidak kiralah orang Kelantan ke, orang Sabah ke, orang Sarawak ke, orang apa ke, air mesti dimanfaatkan, kerana semuanya adalah peribumi kita yang kita bezakan antara satu sama lain, dan begitu juga padang ragut, kata Rasulullah S.A.W. Apa yang saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dalam bahagian yang ketiga kewajipan dan obligasi pemegang lesen, Bab II Fasal 41 kualiti air, barangkali ini tidak disebut oleh sahabat-sahabat kita yang di dalam akta ini hanya menyebut tentang air bersih.

Saya tertarik bagaimana bila disebut air bersih ini, kita sebagai pengguna-pengguna Islam, orang Islam kita bukan hanya sekadar melihat air bersih dari segi kesihatan, dari segi kedokteran, dari segi air itu bersih tidak mengandungi kuman, ataupun air itu berkualiti semata-mata kualiti sihat, segar itu sahaja. Tetapi kita sebagai seorang Islam, dan negara kita ini, negara Islam sebagai agama rasmi, itu diketahui oleh umum, agama Islam adalah agama rasmi negara.

Kita semestinya ataupun di dalam bab-bab pecahan-pecahan ini, mesti mengambil kira....saya tidak tahu menteri ada lagi ataupun tidak, tidak apalah menteri pun tidak ada, orang lain yang akan mengambil catatan ini. Mesti mengambil kira sebenarnya, bila sebut penggunaan air, air bersih. Kita sebagai seorang Islam bukan sekadar air bersih, ada air bersih dan air suci Tuan Yang di-Pertua, air bersih satu dan air suci satu...air teh bersih, air kelapa bersih, tetapi tidak suci kata Yang Berhormat bagi Ketereh, dia bantu saya, bagus saya terima cadangan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Suci ke menyucikan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Air teh itu suci tetapi tidak menyucikan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Air ini dia ada bahasa dia *'tohil wal multohil'*, ada yang air suci, tetapi ia tidak boleh menyucikan, jadi di dalam Islam kita mesti....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu air teh, air kopilah tu.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:**....di ambil kira tentang perkara-perkara ini. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, air tadahan misalnya, kerana 'masdar' air ini, punca-punca air di negara kita ini banyak, Alhamdulillah. Ada air sungai, ada air daripada....

**Seorang Ahli:** Tasik...

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:**...tasik, terima kasih, air daripada lain-lain punca yang ditakung daripada air hujan yang "Kami turunkan" .....*[Membaca sepotong ayat al-Quran]* "Kami turunkan daripada langit itu air, dan kami keluarkan daripada air-air itu buah-buah", air ini ditakung melalui parit-parit, melalui macam-macam lagi, tinggal lagi kalau air ini turun, asal ini air bersih Tuan Yang di-Pertua, Allah S.W.T bawa turun air ini bersih.

Tetapi oleh kerana tangan-tangan manusia yang mengotori air tersebut, jatuh di dalam takungan-takungan yang kotor, maka kita dapat melihat di sini bahawa ada tempat yang semula jadi lagi, ada tempat yang apa ini yang kotor, katakanlah tasik kotor, tasik ini najis ada najis-najis binatang di dalam itu ada bangkai-bangkai binatang di dalam itu dan air turun air bertakung di dalam kawasan yang najis satu, yang kedua, tempat ini bersih dan suci tidak ada jenis-jenis yang ataupun tidak ada benda-benda yang kotor di sini, air bertakung kemudian jatuh najis di dalam air itu.

Dalam erti kata bahawa dalam hubungan ini kita ada dua kategori air, tempat yang asalnya najis dan tempat asalnya tidak najis tetapi jatuh perkara yang najis. Ini mesti diambil kira dalam akta ini kalau tidak umat Islam menjadi mangsa. Tentulah Singapura yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian kelmarin bahawa Perdana Menteri dia dengan depan-depan dengan secara megah dia minum air kumbahan bagi dia tak apa, bagi dia tak mengapa tapi, kita orang Islam Yang Berhormat Sri Gading banyak kali bersetuju, Yang Berhormat Ketereh bersetuju dan ustaz kita Yang Berhormat Pasir Putih setuju dalam masalah ini.

Di negara kita ini orang Islam, penganut Islam, agama rasmi agama Islam mesti kita mengambil kira dalam masalah ini jangan sahaja, jangan sekadar hanya bersih tetapi tidak suci, bersih sahaja tidak suci tak jadi, yang kita naknya bersih lagi suci dari segi syaraknya..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yackob]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya tertarik dengan hujah-hujah sahabat saya Pasir Mas dan hujah-hujah dia betullah ayat-ayat yang telah dibacakan betul cuma saya ingin sikit penjelasan Yang Berhormat Pasir Mas, air yang lebih dari dua kolah, lebih daripada dua kolah yang tidak cacat warnanya, baunya dan rasanya. Dalam Islam ni, air ini berbagai-bagai hukum dia, jadi macam mana pendapat Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Air dua kolah ini Yang Berhormat, terima kasihlah kepada Yang Berhormat Sri Gading kita yang menimbulkan bagaimana air dua kolah, lebih dua kolah, dua kolah dan selebihnya. Dalam hadis Rasulullah s.a.w. menyebut *[Membaca sepotong hadis]* bila air ini sampai dua kolah dan selebihnya maka dia tidak najis asalnya air ini bersih, kolam ini bersih itu yang saya sebutkan tadi, asal dia bersih jatuh suatu yang najis.

Tetapi, kalau yang dua kolah ini najis semua walau sebiji laut tak jadi Yang Berhormat, sebuah laut pun tak jadi kalau dia najis, khinzirnya, lembu bangkai, lembu

matinya apanya semua, semua, semua, semua tak dak ubah dia, warna dia, bau dia. Dia asal dia najis, walau pun sebanyak manapun tak boleh. Sebab tu, air kelapa ni, walau pun dua kolah tak boleh diguna ambil air sembahyang Yang Berhormat [*Ketawa*] tu yang perlu tahu tu.

Ada Yang Berhormat nak cerita pada zaman - minta maafah tersebut Datuk sikit, sebagai mencelah saya tak ingat di mana berlaku tapi ditimbulkan pada zaman bukan PAS memerintah di negeri Kelantan, datang seorang ustaz yang mengajar di sebuah Madrasah, salah seorang murid tanya, tok guru ustaz apa hukum sekiranya air kelapa ni, dibelah-belah kelapa boleh dua kolah, apakah air ini bersih suci dan boleh diguna ambil air sembahyang, dia kata nanti dulu besok kita jawablah. Samalah tadi. Walau bagaimana banyak mana pun kalau asal dia najis tak boleh dan sekarang ini dia tak najis, jatuh yang najis yang tu hukum lain, saya setuju.

Saya nak pergi lagi. Sekiranya kita umat Islam, umat Islam di negara kita ini mesti dimasukkan di dalam akta ini kalau tidak mereka akan melakukan sebagaimana air kumbahan. Sekarang ini dunia sekarang ini boleh berlaku apa sahaja boleh berlaku Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja boleh berlaku sekarang ni, orang bunuh ibu sendiri kelmarin cerita, tikam isteri sendiri, tikam anak sendiri boleh, berlaku sekarang dunia sekarang ini. Apa lagi dalam ni tak ada akta, dalam ada akta pun orang landa lagi. Jadi, inilah kita memerlukan pada akta yang lebih kemas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yackob]:** Ketereh, bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Boleh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sebenarnya orang bunuh anak sendiri, bunuh adik-beradik ni dah berlaku lama. Habil dan Khabil tu adik-beradik dia bunuh juga, jadi tidak sekarang sahaja sebenarnya, fenomena ini fenomena dunia, di mana ada iblis di situ ada maksiat, di mana kurang iman di situ berlaku perkara perasuk, *it is not only now* lah dengan izin, terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, terima kasih. Dia kalau satu kes yang berlaku dia panggil [*membaca sepotong ayat al-Quran*] yang Nadir ini tidak ada hukum, makna yang Nadir tidak dikira. Satu hukum berlaku pada zaman Nabi Adam itu cuma dikira sebagai iktibar, dikira sebagai iktibar. Sekarang ini hari-hari berlaku kerana itulah kita memerlukan akta. Di dalam waktu kita mengenakan akta pun berlaku apa lagi tak ada akta.

Sekarang ini akta-akta ini mesti disemak semula dan mesti diperincikan supaya umat Islam jangan jadi mangsa, itu yang saya naknya. Umat Islam jangan jadi mangsa supaya air kumbahan-kumbahan ini masuk ke negara kita dan mesti satu lagi halal haram itu pun mesti kaji. Air yang di bawak masuk dari Singapore, saya bimbang kot-kot air yang dibawa masuk dari Singapura itu air yang murah dengan harganya dan air itu tidak halal, air kumbahan dan sekarang ini boleh masuk terdedah pasaran kita terdedah, pasaran kita ini terdedah dan terbuka.

Kalau tidak ada usaha-usaha untuk menapis, melihat, mengkaji, menyelia, menyelidik dan sebagainya maka ini boleh berlaku. Apa lagi penggunaanya kita terdiri daripada berbagai-bagai kalangan. Kerana itulah saya tekankan supaya pihak berwajib dalam mengatur menyusun atur akta ini supaya mengambil kira sehingga umat Islam ini tidak terjebak dengan benda-benda ini.

Itulah Nabi s.a.w. sebut bahawa umat Islam ini akan keras hatinya, keras hatinya kerana bintik-bintik hitam itu sudah masuk dalam hati mereka. Bila mereka makan bila mereka minum bila mereka pakai perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah Subhanawataallah.

Kerana itulah Nabi s.a.w. menyebut [*membaca sepotong hadis*] Nabi mulakan dengan makan minum halal haram, halal haram dapat mewujudkan hati yang bersih sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Ketereh sekejap tadi. Menghendaki hati yang bersih, bila hatinya kotor bermula daripada berpunca daripada halal haram, makan yang haram, minum yang haram sama ada sengaja tak sengaja cuma dosa yang tak sengaja itu tidak dikira dosa tetapi kalau berterusan dengan dosa, yang kecil jadi dosa besar [*membaca sepotong ayat al-Quran*] apabila berlaku berterusan yang kecil ini dosa kecil jadi dosa besar bermula daripada minuman daripada pemakaian daripada itu ini akhirnya mewujudkan menjelma hati-hati yang kotor dan hati yang kotor inilah hati yang tak mahu Islam, yang tak mahu menerima konsep Islam, keras, ada keras hati itu ini tak dengar tak mahu dengar, tak mahu, tak mahu apa macam-macam lagilah.

Itulah yang Nabi s.a.w. Nabi kita, apa guna kita buat mengadakan Maulidur Rasul berarak penuh stadium, apa guna. Kita nak hati-hati yang lembut, hati-hati [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] apabila mengingati Allah Subhanawataallah bukan sekadar mata mengalir air mata tetapi hati tunduk kepada Allah Subhanawataallah berpunca daripada makan minum ini.

Kerana itulah akta ini mesti disemak dan saya minta daripada kementerian supaya di dalam baik, baik apa sajalah dia akan diwujudkan selepas daripada ini supaya Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini berada bersama dengan ini dan saya minta semua agensi kerajaan ini mesti ada Jawatankuasa Fatwa Ulama. Kalau tidak ada Jawatankuasa Fatwa Ulama, hantar Yang Berhormat kita bagi Pasir Puteh. Kalau tidak mahu hantar Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, hantar Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Tidak apa. Pasir kedua-duanya. Sana putih, sini emas.

**Seorang Ahli:** Hantar kedua-dualah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Hantar kedua-dua. Ketereh satu lagi. Tidak apa, Yang Berhormat bagi Ketereh pun anak ulama juga.

**Seorang Ahli:** Tumpat, Tumpat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Mesti hantar. Mesti ada Jawatankuasa Fatwa. Jangan sahaja tempat perbankan sahaja, bank sahaja yang hantar Jawatankuasa Fatwa sedangkan minum air ini tidak ada Jawatankuasa Fatwa. Kasihan kita. Di zaman kita ini saya rasa boleh tahan lagilah, ada ulama-ulama, ada cendekiawan-cendekiawan Islam. Sama anak-anak kita, apa akan berlaku kalau tidak akta ini diperkemas lagi, sekiranya tidak ada Jawatankuasa Fatwa ini. Saya mintalah Jawatankuasa Fatwa ini dengan JAKIMnya sendiri berada di dalam SPANKah ataupun lain-lain pertubuhan ataupun lain-lain jawatankuasa yang dapat menganggotai supaya mereka dapat melihat sendiri. Setidak-tidaknya mereka dapat mendengar taklimat-taklimat ini.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya tidak ada masa dah sebenarnya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Sedikit sahaja. Fasal fatwa ini penting. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, apabila Yang Berhormat bercakap fasal air, kualiti dan sebagainya boleh diminum, tidak boleh diminum. Saya teringat di Singapura dahulu, ada diperkenalkan air *new water*. *New water* ini diambil daripada air kumbahan yang sudah dibersihkan. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat tentang kedudukan air *new water* yang diminum oleh Singapura ini, hukumnya. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Itu saya hendak dengar itu. Saya tidak bawa keluar benda ini. Tetapi bila Yang Berhormat kita bawa keluar, saya tidak boleh mengeluarkan fatwa di sini. Saya bukan seorang mufti yang mempunyai kelayakan untuk mengeluarkan fatwa. Tetapi saya rasa air itu baunya lain dengan air-air lain. Saya pernah minum sekali. Belum minum lagi, saya tercium. Bila saya tercium benda itu, saya buang air itu. Saya buang, saya letak di tepi. Saya minta air lain. Di waktu itu, ada bersama-sama Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan. Saya tidak beritahu tentang apa air ini tetapi saya kata kepada Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan, saya kata "Tok guru, saya bau air ini, bau lain warna dia. Tidak sama dengan air-air lain".

Saya minta daripada Jawatankuasa Fatwa dan saya minta kerajaan. Kalau Singapura minta pasirnya, minta ruang udaranya dan pasir negara kita ini sudah terjual begitu banyak di Singapura ini, bukan baru sahaja. Sudah jual begitu banyak dah pasir Singapura, ambil pasir Malaysia.

Apakah air ini tidak boleh dikaji selidik tentang hukumnya dan air-air lain, air yang dibawa daripada Singapura semua, mesti dikaji selidik. Jangan hanya pakai borong begitu, kerana apa, kalau kita tidak beli air Singapura pun, kita dapat air banyak. Di Kelantan ini, Yang Berhormat Datuk, kita punya tasik, kita punya sungai dan alhamdulillah, Kelantan tidak tercemar lagi Sungai Kelantan sekarang ini. Saya tidak dengar lagi daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kalau tercemar, Yang Berhormat bagi Ketereh tidak mudah dok hentam sini. Tetapi, Sungai Kelantan tidak dicemari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat, ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ohh, ya. Apa yang saya kehendaki di sini ialah supaya Jawatankuasa Fatwa ini juga bersama-sama dengan jawatankuasa-jawatankuasa lain supaya dapat memastikan air ini bukan sekadar bersih tetapi dia suci dari segi syaraknya supaya umat Islam tidak tertipu. Ini kerana, umat Islam merupakan bilangan yang terbesar dan pengguna-pengguna yang terbesar di negara kita.

Maka, air ini mesti dipastikan dan yang akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merayulah supaya kawalan air ini menjamin dua perkara. Yang pertama sekali kesejahteraan rakyat. Memastikan rakyat dapat menikmati air yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. Jangan pemimpin sahaja yang minum air bersih tetapi rakyat di Sabah, rakyat di Sarawak, rakyat di Kelantan, rakyat di Terengganu, rakyat di kampung-kampung, mereka tidak dapat menikmati air yang bersih. Ini merupakan suatu yang tidak baik yang berlaku, sekiranya ia berlaku. Kalau tidak berlaku 'pabiha walnikmah'.

Yang keduanya, yang terakhir Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu hendaklah kita memastikan ..... [Disampuk]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Hendak jelas ini, *new water* itu sedikit.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** ..... bahawa rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi Yang Berhormat?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *New water*.

**Seorang Ahli:** *New water, new water*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang akhir lah itu.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ada sebut lama sangat *new water* ini. Sebenarnya *new water* ini, saya di JAKIM lagi. Apabila fatwa di Singapura sendiri sudah bawa *new water* ini, dia kata air itu bersih sebab teknologi. Sebab itu, kita lemah dari segi teknologi. Sebab itu kita dok syak wasangka benda itu tidak betul, ini. Soal kita tidak boleh hendak minum itu, cerita lain. Tetapi air itu bersih.

Yang keduanya dalam bab ini saya tengok, ada 13 bahagian. 13 bahagian ini, ada satu bab jaga kualiti air. Cuma kita hendak pastikan Yang Berhormat bagi Pasir Mas, biarlah maknanya perkhidmatan itu betul-betul mengikut lunas-lunas yang ditetapkan. Itu saya sokonglah yang itu. Tetapi kalau tidak, makna kita tidak berjaya. Bererti ia tidak akan tercapai hasrat, cita-cita perkhidmatan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan ucapan Yang Berhormat, ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya. Saya tidak menolak tentang kita hendak mempunyai teknologi moden dan sebagainya. Tetapi unsur ataupun anasir itu mesti ditekankan di sini. Jangan hanya setakat bersih sahaja, tetapi tidak suci. Sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa dia dalam Islam ini, selain daripada bersih

itu pun, dia ada 'tohirun', 'walmutahirun'. Ada air suci, ada air dapat menyucikan. Suci lagi menyucikan. Oleh kerana itulah kita ada air mandi junub, ada air sembahyang, ada apa. Air ini kita tidak boleh kita gunakan sebahagian besar daripada air-air tidak tentu fasal.

Yang akhir yang saya hendak sebutkan iaitu selain daripada pemerintah mesti memastikan bahawa rakyat dapat menikmati air bersih, sebagaimana yang kita minum, rakyat juga mesti minum air bersih. Kalau tidak, kita akan disoal balik di akhirat nanti, bagaimana rakyat-rakyat kita tidak dapat minum air bersih sebagaimana kita yang tidak dapat minum air bersih.

Yang kedua, iaitu yang akhir sekali. Bayaran, tarif air itu mesti tidak membebankan rakyat. Kita bimbang, takut-takut pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan daripada peralihan kuasa ini, takut mereka bimbang, kerana ini berlaku di mana-mana bila penswastan berlaku daripada kerajaan. Maka mana-mana kita lihat, mereka hanya memikirkan tentang untung sahaja. Mereka tidak fikir tentang lain, tentang untung semata-mata, tentang kewajipan atau masalah kesihatan. Pengguna tidak diambil berat sangat. Sekarang ini, kerajaan mesti melihat dengan sungguh-sungguh tentang bagaimana rakyat tidak ditekan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak ditekan dari segi tarif air, bayaran air dan sebagainya sehingga rakyat berasa menikmati hasil anugerah Allah S.W.T yang diberikan kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tujuh, lapan yang bangun. Saya ingin memberi lebih ramai peluang. Saya ingin mengehadkan masa. Lagipun isu-isu yang dikeluarkan, kebanyakannya yang berulang-ulang. Jadi, saya bagi lebih kurang, kalau boleh kurang daripada lima minit, maksimum lima minit seorang. Ya, Pasir Puteh.

**12.38 tgh.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.*

**Seorang Ahli: Wa'alaikummusalam.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Saya cuba melihat sepintas lalu walaupun tidak berapa kerap dalam Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini, dia ada 13 bab semua sekali. Tetapi tidaklah saya menyentuh semua bab itu kerana dalam bab-bab ini tribunal pun ada, untuk mengawal perkhidmatan air yang bersih pun ada. Jadi saya rasa, tidaklah hendak menimbulkan keraguan kerana rang undang-undang ini akan di laksana dan akan menjaga kepentingan kita.

Saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri yang bertanggungjawab. Dengan adanya rang undang-undang ini, akan memberi suatu ruang untuk kita menjaga selain daripada, saya tidak menyebut lagi rang undang-undang mengenai dengan perkhidmatan secara menyeluruh suruhanjayanya akan dibentangkan kemudian.

Tetapi soal perkhidmatan ini, kita hendak pastikan bahawa kalau kita melihat kepada apa yang digariskan oleh syarak sendiri, kerana Yang Berhormat bagi Pasir Mas bawa banyak tentang syarak tadi, saya rasa soalnya ialah bagaimana kita hendak meningkatkan strategi perkhidmatan kepada negara. Saya sekurang-kurangnya ada lima. Walaupun kita baca ayat Al-Quran, hadis, kita cuba analisa dan cuba mentafsirkan, menterjemahkan, dijelmakan dalam perkhidmatan.

Apa pun perkhidmatan, kalau kita hendak berjaya. Antaranya ialah minda dan sikap yang mengejar kecemerlangan. Ini adalah cukup penting bagi kita dalam perkhidmatan.

Yang kedua ialah etika yang luhur. Hari ini kerana kita tidak tercapai minda dan sikap yang mengejar kecemerlangan, etika yang luhur, sebab itulah berlaku pelbagai karenah masyarakat di dalam perkhidmatan kita.

Yang ketiga, membangun tenaga manusia yang berpengetahuan dan mahir. Kalau kita menjaga air, kalau kita ada pengetahuan teknologi yang canggih, yang terkini sudah tentu kita tidak ada keraguan. Kita hendak supaya air itu bersih, suci lagi menyucikan. Bukan sekadar suci, tetapi boleh menyucikan. Kalau kita katakan air yang kita proses itu daripada bahan-bahan yang tidak berapa bersih, tetapi dia menjadi bersih, sampai ke *zero* bersih tadi. Dia menjadi air yang dikatakan bersih, air yang suci boleh menyucikan. Itu maksud kita dengan pembangunan manusia yang berpengetahuan dan mahir.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, kerana jiran kena bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Adakah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh yakin ataupun boleh menerangkan dalam Dewan ini bahawa dengan teknologi moden sekarang ini boleh memproses air, walaupun air itu daripada sumber yang sangat kotor, bersih lagi suci dan menyucikan dari segi syarak. Sekian, terima kasih.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, sebenarnya kalau kita lihat kepada air, kegunaan kita ini air yang bersih. Ada disebut satu lagi air yang bersih, air yang suci dan boleh menyucikan. Kalau air yang kotor dia boleh menggunakan teknologi menjadi bersih termasuklah *New Water* di *Singapore* ini ialah air yang asalnya tidak bersih, tetapi dibersihkan, diproses melalui teknologi yang canggih menjadi bersih. Soalnya kita hendak hukum air ini bersih boleh menyucikan atau suci boleh menyucikan ini serah kepada fatwalah. Sebab masing-masing negara ada fatwa dia. *Singapore* ada fatwa dia dan Malaysia ada fatwa dia. Itu canggih.

Yang keempat, saya hendak sambung lagi strategi tingkat perkhidmatan kepada negara tadi, budaya kerja yang diasaskan pencapaian prestasi, berprestasi yang baik.

Sebenarnya kita hari ini buat kerja, prestasi tidak sampai ke tahap itu. Sebab itulah masih timbul keraguan di kalangan rakyat, di kalangan masyarakat kerana kita buat kerja tidak berasaskan kepada pencapaian yang baik - berprestasi.

Yang kelima ialah daya kepimpinan yang kukuh. Ini juga kita mengharapkan dengan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini, kita akan melahirkan daya kepimpinan yang kukuh. Saya bagi contoh kalau sampah sarap misalnya di hadapan rumah kita sampai dua minggu, sampai berulat dia tidak ambil, itu ertinya satu perkhidmatan, kepimpinan, pengurusan, *management* yang tidak cekap, tidak baik. Itu sebagai contoh. Bukan ada sampah sampai dua minggu.

Tetapi kalau paip air bocor, sampai ke satu minggu Yang Berhormat Menteri, kita mengadu tidak ada layanan, itu ertinya tidak ada kecekapan dalam kepimpinan ataupun kepimpinan itu tidak kukuh. Inilah yang kita hendak pastikan bagi saya, 13 bab dalam Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini saya rasa tidak boleh kita hendak kritik, cukup baik kerana ahli-ahli fikir, ahli-ahli ilmunan, dibawa masuk dalam membincangkan Rang Undang-undang ini. Cuma saya hendak pastikan bahawa pelaksanaan kepada undang-undang itu biarlah sampai ke tahap akar umbinya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah, gulung Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Kalau kita melihat... Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Kalau saya balik kepada Islam Hadhari, kalau Yang Berhormat bagi Pasir Mas setuju tadi Malaysia sebuah negara Islam, undang-undang Islam dijalankan dalam negara kita walaupun belum 100%. Menurut siasah syariah, *[membaca sepotong*

*ayat Al-Quran*] ini menurut suatu atau mengurus sesuatu dan menjaganya dengan baik boleh membawa kebaikan kepada negara, kepada ummah, inilah dia dasar negara kita yang kita pakai hari ini. Tepuk sedikitlah. Semangat. [*Tepuk*]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya doakan semoga Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini tercapai dengan adanya pembangkang kita menyokong kerajaan tadi. Bukan saya menyokong pembangkang, tetapi pembangkang menyokong kerajaan kerana dasar ini dasar yang baik untuk kebaikan kita bersama. Tidak kiralah, di Kelantan lekat hutang semua negeri lekat hutang RM7 bilion. Semoga dengan terlaksananya dua Rang Undang-undang ini, air yang terhutang itu RM7 bilion itu dapat dibayar balik kemudian yang hendak *repair* paip RM7 bilion ini dapat dilaksanakan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** .... terlaksananya Rang Undang-undang ini, terima kasih saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**12.45 tgh.**

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana saya diberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 ini merupakan salah satu daripada Rang Undang-undang yang paling penting, yang digubal oleh Parlimen ini kerana ia melibatkan isu air dan seperti mana yang kita sedia maklum, air ini merupakan satu keperluan asas bagi manusia dan juga kehidupan.

Sebenarnya dengan merujuk kepada perangkaan yang diberikan oleh pihak kerajaan sebelum ini, inilah masanya kita membuat satu undang-undang secara menyeluruh untuk mengawal selia industri air dalam negara kita, memandangkan semua negeri sejumlah RM7.6 bilion telah pun terhutang kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang diketuai oleh negeri Kedah. Saya difahamkan RM1.8 bilion terhutang kepada pihak Kerajaan Persekutuan, diikuti oleh Negeri Sembilan RM1.07 bilion dan juga Pahang, Selangor, Melaka, Perak, Johor dan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak isu telah pun dibangkitkan sebelum ini dan saya cuma ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan isu penyeragaman undang-undang kerana saya rasa sebelum ini kita telah pun berbincang, berbahas berkenaan dengan *extract* air daripada sumber air, rawatan dan juga bekalan dan balik kepada pembedungan. Tetapi saya rasa isu sumber air ini juga penting kerana daripada satu Rang Undang-undang yang setebal macam ini dan hanya satu perkataan yang menyatakan, "Tabung Industri Air" yang menjaga kebersihan air di sumber air, dan saya rasa ini adalah tidak memadai kerana jika kita tidak menjaga dengan betul sumber air itu, memastikan kebersihan sumber air ini, maka ini akan meningkatkan kos secara langsung bagi kos rawatan air juga bekalan air dan selanjutnya *ultimately*, dengan izin, ini akan disalurkan kepada pengguna-pengguna.

Saya percaya bersama-sama dengan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006, dan juga dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang akan dikemukakan pada hari ini, maka kita haruslah mempunyai satu lagi undang-undang untuk menyeragamkan undang-undang ke atas soal kawalan, ke atas tadahan air di negeri-negeri dan juga ke atas sumber air. Apakah sekatan yang harus kita kenakan untuk memastikan bahawa pembangunan setempat itu tidak akan menjejaskan kualiti air di kawasan tadahan air di negeri masing-masing, dan juga haruslah kita mengenakan sekatan ke atas tapak pembuangan sampah supaya kita dapat memastikan bahawa sumber-sumber air itu adalah bersih dan ia tidak akan menjejaskan aliran ke dalam industri air negara.

Satu peruntukan yang saya ingin rujuk kepada Tuan Yang di-Pertua pada petang ini ialah Seksyen 88 dan Seksyen 89 di bawah Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan

Air 2006 ini, kerana saya rasa kedua-dua seksyen ini mempunyai satu keganasan atas hak dan juga kepentingan pengguna-pengguna dalam negara ini kerana Seksyen 88 menyatakan *prima facie*. Apabila dia bagi satu notis, menyatakan jumlah yang terhutang, maka dia akan menjadi satu keterangan ataupun satu bukti. Apabila dalam masa 30 hari, *bill* itu tidak dibayar, maka pemegang lesen itu diberi kuasa untuk memotong. Suka tidak suka dia boleh memotong bekalan air dan menyatakan dia telah pun diberi kuasa oleh Akta untuk berbuat begitu. Saya rasa ini merupakan satu peruntukan yang sebenarnya dan saya pun hairan bagaimana kita boleh menggubal satu seksyen sebegini, yang sebenarnya dia mengancam kepentingan pengguna-pengguna dan dia tidak memberi langsung satu insentif untuk membawa sesuatu kes itu, satu kes pertikaian kepada mahkamah kerana air ini merupakan satu keperluan asas, dan dia hanya perlu potong sahaja dan dia boleh memaksa orang-orang lain untuk membayar.

Kalau hendak bawa kes ini ke mahkamah dia akan memakan kos, masa yang lama dan memang tidak ada gunanya jika kita menggubal Seksyen 88 dan Seksyen 89 ini yang sebenarnya mengetepikan kuasa untuk membuat sesuatu penghakiman oleh mahkamah dan dari segi demokrasi pengasingan kuasa yang kita banggakan selama ini, saya rasa ini merupakan satu anti klimaks yang mana wujudnya Seksyen 88, Seksyen 89 yang tidak memihak langsung kepada konsep pengasingan kuasa ini dan saya haraplah supaya saya boleh dapat penjelasan daripada pihak kementerian, Seksyen 88 dan Seksyen 89 ini.

Akhir sekali atas isu forum air, saya rasa ini adalah satu konsep yang baik kerana ia dapat mengambil kira pandangan-pandangan daripada semua pihak. Saya rasa sebenarnya forum air ini haruslah dibuka seperti mana yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini, dibuka kepada semua pihak termasuklah wakil-wakil daripada pemegang lesen kerana jika wujudnya aduan-aduan terhadap pemegang-pemegang lesen maka wakil-wakil mereka haruslah diberi peluang untuk memberikan pandangan mereka supaya satu keputusan secara menyeluruh boleh kita capai. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Maran.

#### 12.51 tgh

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya turut membahaskan Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air 2006. Oleh kerana sudah ramai sahabat-sahabat saya membicarakan rang undang-undang ini, saya mungkin tidak mungkin untuk saya mencadangkan supaya ucapan mereka dia bawa masukkan ucapan saya. Walau bagaimanapun, saya hendak mengambil bahagian sedikit, ucapkan terima kasih dan seperti yang kita tahu bahawa air adalah merupakan sumber yang amat penting bagi kehidupan manusia. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, masalah air adalah merupakan masalah nasional dan walaupun kita manusia menguasai alam ini dan menguasai menjaga alam ini termasuklah air ini tetapi dalam masa yang sama masih ramai manusia yang menghadapi masalah kekurangan bekalan air termasuklah air bersih dan sebagainya.

Ramai juga manusia yang masih miskin kerana tidak ada duit untuk bayar bil air yang tinggi dan masih ramai juga manusia di dalam negara kita ini yang marah kerana terpaksa bayar bil angin kerana tidak ada air dan juga masih ramai lagi masyarakat di negara kita yang marah kerana terpaksa bayar bil air, yang terpaksa bayar bil kerana bacaan bil air ini lambat, tiga empat bulan sekali baru dibaca.

Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana sebenarnya serius untuk mengambil jalan mencari jalan bagi menyelesaikan masalah bekalan air di negara kita ini dan bagi negeri Pahang Tuan Yang di-Pertua masalah air ialah masalah yang besar. Sebagai sebuah negeri yang besar, sudah tentulah masalah yang dihadapi oleh masyarakat di negeri Pahang ini besar dari segi airnya.

Bagi kawasan saya Parlimen Maran umpamanya di kawasan FELDA sama ada di bandar Maran, di kawasan kampung tradisional, masalah bekalan air ini masih lagi berlaku.

Sebab itulah sampai masanya kerajaan dengan serius perlu memberikan perhatian supaya masalah bekalan air dapat kita selesaikan.

Saya berharap dengan lulusnya akta ini, undang-undang ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini, dan Insya Allah akan dibentangkan juga Suruhanjaya Industri Bekalan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air ini, kita harap supaya masalah bekalan air di negara kita ini akan dapat kita selesaikan. Saya ucapkan terima kasih bagi pihak Kerajaan Negeri Pahang, bagi pihak rakyat negeri Pahang kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kerana di kawasan saya banyak kawasan FELDA yang telah meluluskan peruntukan sejumlah RM170 juta bagi menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Pahang ini terutama di kawasan FELDA.

Walau bagaimanapun, oleh sebab Pahang ini sebuah negeri yang besar dan beberapa masalah yang dihadapi bekalan air kerana yang pertamanya ialah jumlah paip yang begitu panjang dan lama tidak diganti. Yang kedua masalah loji air yang lama, masalah peruntukan yang tidak mencukupi bagi mengatasi masalah bekalan air ini dan juga masalah-masalah lain yang perlu kita berikan perhatian.

Sebab itulah apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya menyuarkan pandangan, cadangan beliau supaya Kerajaan Persekutuan memberikan sejumlah RM130 juta kepada negeri Pahang bagi kita menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Pahang. Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam akta ini nanti, Kerajaan Negeri diberikan kuasa untuk menjaga bekalan air ataupun menjaga sumber air tetapi.....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Ya, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ada menyebut bahawa Menteri Besar Pahang meminta bantuan apabila mungkin pembalakan di Pahang diberhentikan dan Yang Amat Berhormat ini tidak memperakui yang dia ada mengeluarkan ungkapan sedemikian sehingga berlaku kekeliruan di kalangan di antara pemberita dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat persoalan ini?

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Saya tidak hendak mengulas panjang tentang pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar cuma suara Yang Berhormat Menteri Besar saya menyuarkan supaya bahawa tanggungjawab kita bagi mengatasi masalah bekalan air besar dan kita sebagai sebuah negara besar, kita mempunyai kawasan tadahan air yang besar, yang banyak di mana kalau Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa disuarakan bahawa besok Selangor juga akan minta air daripada Pahang dan sebagainya bermakna sumber air di Pahang ini banyak. Kita berharap supaya masalah bekalan air di Pahang ini dapat kita selesaikan.

Saya sudah sebutkan tadi masalah paip yang lama yang perlu dibaiki, umpamanya di kawasan FELDA. FELDA kalau ikut perancangan awalnya, tidak silap saya ialah untuk 10 tahun dan bagi lima orang keluarga bagi satu keluarga tetapi sekarang ini masalah ini sudah lama dan masyarakat dalam FELDA semakin ramai. Sebab itulah saya berharap supaya perhatian diberikan kepada suara-suara yang disuarakan oleh Kerajaan Negeri umpamanya bagaimana peluang ataupun pulangan kepada Kerajaan Negeri perlu difikirkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Supaya sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dapat difikirkan bersama oleh Kerajaan Persekutuan. Sebab itulah saya berharap supaya akta ini nanti bukan sekadar kita dapat menyerahkan kuasa ini kepada Kerajaan Persekutuan tetapi kita hendak supaya perkhidmatan air itu benar-benar akan memberikan faedah kepada masyarakat kumpulan sasar terutama masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya sekali lagi dengan adanya akta ini, dengan penubuhannya walaupun suruhanjaya yang belum dibentangkan lagi, penubuhan suruhanjaya ini, kita benar-benar berharap supaya suruhanjaya ini nanti akan sebenarnya

berperanan untuk menjalankan tanggungjawab sosial mereka bagi memastikan supaya perkhidmatan air bagi masyarakat luar bandar ini dapat disediakan dengan baik dan masalah yang timbul sekarang tidak akan berulang lagi. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Parit.

**12.57 tgh.**

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di sini untuk menimbulkan satu dua perkara yang tidak banyak disentuh oleh rakan-rakan yang lain iaitu pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mengemukakan rang undang-undang ini yang saya anggap merupakan penyelesaian kepada masalah dengan izin *long outstanding issue* Tuan Yang di-Pertua kerana isu air ini sudah bertahun-tahun akhirnya kita mencari jalan untuk menyelesaikan secara yang lengkap dan komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri sebenarnya mempunyai peranan yang penting, sama pentingnya dengan Kerajaan Persekutuan dalam menentukan kita mendapat sumber air yang bersih dan berkualiti.

Dalam hubungan ini, akta ini ada menyebut berkenaan dengan Kumpulan Wang Industri Air. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah Kumpulan Wang Industri Air ini boleh membantu Kerajaan Negeri akibat daripada kehilangan hasil oleh kerana selama ini hasil Kerajaan Negeri salah satunya daripada punca air, penjualan air dan sebagainya. Kemungkinan besarnya selepas ini pengurusan perkhidmatan air ini diwastakan, jadi sudah tentulah Kerajaan Negeri kehilangan hasil daripada penjualan air.

Saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya harga air mentah harga air yang belum diproses ini ditetapkan pada kadar yang munasabah. Kita harus bersimpati dengan Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri tidak mempunyai hasil yang banyak selain daripada hasil balak, hasil tanah. Hak air adalah satu-satunya sumber pendapatan Kerajaan Negeri.

Oleh itu, kalau Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya perkara ini dilihat supaya Kerajaan Negeri tidak merasakan dia telah kehilangan sesuatu yang besar maknanya kepada Kerajaan Negeri. Kalau boleh misalnya Kerajaan Pusat memikirkan sama ada selain daripada membeli harga air mentah yang berpatutan, mungkin misalnya Kumpulan Wang Industri Air ini boleh digunakan untuk membayar pampasan kepada Kerajaan Negeri akibat kehilangan hasil itu. Satu formula hendaklah dirangka bagaimana wang ini boleh digunakan untuk membayar pampasan.

Ataupun misalnya Kerajaan Negeri diberi geran tahunan untuk menjaga kawasan tadahan air itu kerana seperti mana yang disuarakan oleh beberapa Menteri Besar khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang mengatakan mereka kehilangan hasil jadi mungkin geran tahunan yang mencukupi bagi membolehkan kawasan tadahan air ini dijaga dengan sempurnanya. Kita tidak mahu air yang punca air ini adalah air yang tercemar akibatnya kita tidak mendapat air yang bersih dan selamat digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya berkaitan dengan catuan air ini supaya pengguna-pengguna tidak menggunakan air sewenang-wenangnya mungkin pihak kerajaan boleh memperkenalkan alat bagi menggunakan satu alat mengawal penggunaan air. Kalau dalam bas dahulu kita perkenalkan ada kotak hitam misalnya untuk menyekat kelajuan begitu juga di sini misalnya kita letakkan alat ini di tiap-tiap paip perumahan supaya dicatu untuk keperluan pengguna yang secukupnya sahaja. Dengan itu saya menyokong terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagan, tiga minit sahaja.

### 1.01 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya. Saya merujuk kepada Fasal 37 di mana air tidak boleh dibekalkan kepada bangunan-bangunan di mana ada menentang, ada melanggar undang-undang bertulis. Saya ingin bertanya di sini sama ada rumah-rumah kampung, rumah-rumah atap, rumah-rumah papan, mana ada kelulusan pelan dari Majlis Perbandaran. Sama ada rumah-rumah yang saya maksudkan demikian, boleh dibekalkan air. Fasal 89, bila tidak menjelaskan amaun bil air, maka air boleh dipotong. Saya ingin bertanya di sini, sekiranya seorang penyewa rumah, di mana beliau menyewa sebuah rumah dari seorang pemilik dan beliau tidak membayar bil air. Tetapi bil air itu juga didaftar atas nama penyewa ini. Lepas dia tidak bayar bil air, tidak bayar bil elektrik, tidak bayar sewa, dia terus lari.

Selepas itu sama ada pemilik benar rumah tersebut perlu bertanggungjawab. Kalau dia tidak bertanggungjawab, dia tidak mahu menjelaskan hutang ini, maka selepas penyewa lari, dia mahu memohon supaya dibekalkan lagi air, dia tidak dapat. Ini tidak adil kepada pemilik rumah sebab dia menyewakan rumah sahaja. Penyewa sudah lari. Satu lagi, sekiranya seorang pemilik rumah misalan saya kata, nama saya Lim Hock Seng, saya mempunyai sebuah rumah A di Pulau Pinang. Saya juga ada sebuah rumah di jalan yang lain. Sekiranya saya tidak bayar rumah A, maka air dipotong. Sama-sama rumah B juga boleh dipotong. Ini berlaku di Pulau Pinang. Ini bukan kadang-kadang rumah A diduduki oleh saya sendiri. Kadang-kadang rumah B mungkin diduduki oleh adik atau anak atau isteri yang tidak secocok dengan saya, tapi nama atas saya. Air dipotong sama-sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya, ini saya berharap ada dapat satu penjelasan. Saya ingin bertanya di sini berkenaan dengan *oxidation pond*, ini satu soalan spesifik. Ada sebuah *oxidation pond* yang besar sekali di Jalan Chain Ferry, Butterworth. Saya nampak sekarang ia telah dipagar dan ditimbus dengan tanah. Dengar-dengar *oxidation pond* ini ditutup dan hendak dibina dengan *commercial building* dan perumahan di atas *site* ini. Sama ada ini benar kerana *oxidation pond* ini pada satu masa dahulu, ia direka bentuk dan dibina oleh sebuah syarikat Jepun. Kerajaan Pulau Pinang telah meminjam RM100 juta dari Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan projek ini. Tapi sekarang ini, *oxidation pond* ini telah ditutup dengan tanah, hendak dimajukan. Apa projek yang sedang dijalankan di sana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya. Saya juga lagi satu perkara, ini berlaku di Pulau Pinang juga, PBA. Paip bocor *underground* tetapi pemilik rumah tidak sedar. Lepas dua bulan, satu kali dia datang tulis bil air, bila tulis bil air, berjumlah RM1,000 mungkin lebih dari itu, atau beratus-ratus ringgit. Apabila pemilik rumah mendapat bil air berapa ratus atau RM1,000 ini beliau berasa terkejut. Lepas pergi berjumpa dengan pihak berkuasa air, dia kata ini you punya fasal, you kena bayar, kalau tidak bayar, saya potong. Saya berharaplah ada satu *solution*, ada satu penyelesaian di mana kalau ada air bocor di bawah tanah, di bawah rumah yang tidak disedari dan bukan sengaja dilakukan oleh pemilik rumah. Maka ia boleh ditimbang rasa dan diberi lebih atau diberi diskaun atas bil air ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Rantau Panjang cukuplah, Yang Berhormat boleh berucap di bawah Akta Suruhanjaya Belian Air, benda yang lebih kurang sama. Saya telah tutup perbahasan, jam 2.30 Yang Berhormat Menteri mula menjawab. Oleh itu, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.06 petang.**

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk memulakan jawapan beliau. Silakan.

**2.33 ptg.**

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air atau IPA. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan cadangan dan maklum balas semasa sesi perundingan awam Rang Undang-undang ini diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air, izinkan saya menjelaskan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang ini bukan bertujuan untuk menggalakkan penswastaan. Sebaliknya, tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah bagi memperkenalkan rangka *regulatory* atau kawal selia ke atas industri perkhidmatan air dan pembetulan yang kini telah diletakkan dalam Senarai Bersama dalam Perlembagaan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, industri perkhidmatan air kini menghadapi pelbagai masalah dan Kerajaan Persekutuan berharap dengan pelaksanaan Rang Undang-undang ini, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 30 Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Secara ringkasnya, isu-isu yang telah dibangkitkan dapat dikategorikan kepada 15 aspek dan saya akan menjawab atau memberi penjelasan berdasarkan kepada aspek-aspek tersebut:-

Liberalisasi Perdagangan di bawah WTO, beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk dari Ipoh Barat, Kubang Kerian telah membangkitkan mengenai implikasi Perjanjian Am Perdagangan Dalam Perkhidmatan atau *General Agreement on Trade in Services* (GATS) ke atas industri bekalan air apabila Rang Undang-undang ini diluluskan kelak. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan atau GATS, adalah suatu perjanjian di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia, WTO, yang menggariskan prinsip dan peraturan bagi perdagangan perkhidmatan dunia. Di bawah perjanjian ini, terdapat rundingan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan yang mengambil kira objektif dasar negara serta tahap pembangunan setiap ahli.

Di bawah WTO, setiap ahli perlu membuat komitmen terhadap sektor yang telah dikenal pasti untuk dibuka bagi tujuan liberalisasi tertakluk kepada pilihan negara masing-masing. Ini bermakna komitmen untuk meliberalisasikan sektor tertentu bukanlah secara *open-ended* tetapi ahli berkenaan boleh meletakkan syarat-syarat dan had-had atas kemasukan pasaran dan layanan negara seperti pemilikan ekuiti asing, had-had atas bilangan pembekal perkhidmatan atau sekatan terhadap kemasukan buruh asing. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu sektor tidak ditawarkan untuk liberalisasi iaitu tiada komitmen dibuat untuk meliberalisasikan sektor tersebut. Maka sektor ini tidak terbuka untuk penyertaan asing serta tidak tertakluk kepada pembukaan pasaran di bawah Perjanjian GATS.

Dalam kes perkhidmatan bekalan air sektor ini, tidak pernah ditawarkan oleh Malaysia di bawah GATS. Oleh yang demikian, Malaysia tidak terikat kepada peruntukan GATS yang berkenaan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat penyertaan syarikat asing dalam syarikat-syarikat bekalan air swasta tempatan, penglibatan syarikat asing

tertakluk kepada undang-undang dan peraturan Malaysia dan bukannya peraturan perdagangan WTO. Dalam pada itu juga...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan. Yang Berhormat, penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya tahu mengenai GATS, kita mungkin boleh bagi tahu bahawa ada *conditions* yang tertentu. Tetapi dari segi Rang Undang-undang yang sedia ada, tidak ada apa-apa yang mengatakan bahawa sesebuah syarikat luar negeri tidak boleh memiliki apa-apa *water supply system* dalam negara ini? Itulah yang kita kuarir. Yang kita kuarir ialah bahawa kerana Rang Undang-undang ini membuka satu saluran yang senang untuk pihak-pihak dari luar negara untuk membeli syarikat-syarikat ini. Jadi ini bermakna Yang Berhormat Menteri tanpa sedar, membenarkan ini berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kenapa kita kuarir? Kerana ini telah terjadi di beberapa negara di luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Inilah satu perkara yang kita kata kenapa dalam rang undang-undang ini tidak ada satu rang undang-undang yang cakap tidak boleh dimiliki oleh pihak dari luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Menteri, boleh jawab sekali? Isu yang sama, gas.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sama, bagi saya jawablah. Apa mahu tanya lagi?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ada perkara yang spesifik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang seharusnya bersabar. Tentang gas tadi memang hari ini jawapan Yang Berhormat Menteri, kita tidak beri apa-apa komitmen dan itu jawapan mulut Yang Berhormat Menteri. Tetapi dalam rang undang-undang ini tidak ada suatu *clause* atau satu fasal pun yang memberikan satu jaminan bahawa di masa akan datang syarikat-syarikat asing ini yang sudah tentu memiliki modal yang begitu besar akan datang ke negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Janji menteri bukan undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ini hal janji mulut pada masa ini tetapi apa jaminan undang-undang masa akan datang bahawa syarikat asing tidak akan membolot syarikat-syarikat air di Malaysia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik, perkara yang sama.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya sudah jawab di mana pada masa sekarang kita tidak tawar meliberalisasikan perkhidmatan air sebagai sesuatu untuk di bawah jajaan WTO. Ini dasar kita sekarang. Dasar sekarang, mengapa you mahu taruk dasar sudah cukup, tutup! Sudah tutuplah ini, kenapa you mahu tutup lagi ikat dengan *lock*. Mana tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat, dalam 20 tahun atau 30 tahun lagi bila kita jadikan negara maju pada tahun 2020, kita mahu buka orang punya pasaran. Kita mahu buka orang punya pasaran, you mahu tutup sendirikah?

*Come onlah.* You mahu jadi gergasi, you takut orang. Sekarang negara kita sedang membangun sebab itu kita ada pilihan tidak membukakan sektor perkhidmatan ini kepada gergasi lain iaitu syarikat asing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini secara satu dasar dan kalau dia mahu buka, ini kena pergi *Foreign Investment Committee* dan lain-lainnya di mana dasar negara akan menentukan kita mahu buka atau tidak mahu buka. Sekarang tidak ada buka. So dalam pada masa itu juga....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ....bahawa apa-apa dalam pada itu juga Fasal 109 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa apa-apa penjualan, pelupusan atau pemindahmilikan mana-mana bahagian *substantial* perniagaan pemegang lesen atau pertukaran kawalan pemegang lesen hendaklah mendapat sangsi atau *sanction* daripada menteri atas syor SPAN terlebih dahulu.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong ingin tahu adakah Syarikat Innovest Lyonnaise Sdn. Bhd. iaitu operator rawatan air di Perak akan dimiliki oleh syarikat asing apabila...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ....rang undang-undang dikuatkuasakan kelak.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Bagi saya habis jelaskan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, duduk dulu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ... Yang Berhormat bagi Tanjong punya hal dan kemudian saya jawablah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh ya, mesti ya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Jangan monopoli. Bagi dia punya saudara di belakang sedikit *chance*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, pada asalnya konsesi konsortium adalah untuk membekal pukal negeri Perak untuk kawasan Larut Matang dan Kerian melalui penswastaaan operasi dua loji rawatan bekalan air iaitu Loji Air Taiping Headwork dan Loji Air Gunung Semanggol. Manakala..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Beralih kepada loji Taiping dan Perak masih dalam GATSlah. Kita dalam GATS.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nanti saya jelaskan ini, *you* balik kepada GATS.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mahu balik?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Boleh balik kepada apa yang saya cakap. *Half way through* bagi saya habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia sudah janji

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Manakala pemegang ekuiti asal dalam Syarikat Innovest Lyonnaise Sdn. Bhd. terdiri daripada Innovest 30%, Lyonnaise 30%, Sisma Water Technology 20% dan Gopeng Berhad 20%. Pada tahun 1993, syarikat tersebut telah ditukarkan nama kepada GSL Water Sdn. Bhd. di mana pegangan ekuiti majoriti dipunyai oleh syarikat tempatan iaitu sebanyak 57% dan pihak asing 43%.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah memberi butir-butir berkenaan dengan ekuiti di dalam syarikat

yang saya nyatakan. Ini bermakna selama ini pun ada contoh-contoh di mana syarikat asing sudah memasuki perkhidmatan air dan pembetulan seperti apa yang ditunjukkan. Selain daripada syarikat yang saya memilih sebab namanya pun berupa syarikat asing, mana-mana 15 dalam jadual dan bukan dalam jadual, apakah keadaan dengan ekuiti asing?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Maaf, sila tanya lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, syarikat yang lain.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tadi Yang Berhormat telah menunjukkan bahawa dalam syarikat ini ada pegangan asing. Saya ingin tahu selain daripada syarikat ini dalam jadual ada 15 syarikat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Di seluruh negara?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Ya, ya. Selain daripada syarikat ini, ada mana-mana syarikat dimiliki oleh sebahagiannya oleh syarikat asing, di mana syarikat itu dan berapa ekuiti yang ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tidak ada butir tetapi ini tidak ada berkait. Dulu ini semua dalam penswastan. Sekarang adalah SPAN ditubuhkan untuk mengawal selia semua operasi termasuk pemegangan ekuiti di mana-mana syarikat dan sekarang kalau dalam pelesenan yang dijalankan, kalau kita sebagai dasar negara tidak buka kepada orang asing, kita sudah bahagikan kepada orang asing dan mana-mana pegangan ekuiti yang bertukar tangan, kena dilaporkan kepada SPAN dan SPAN akan membuat keputusan atasnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, bila kita katakan bahawa syarikat-syarikat luar negara ada kemungkinan besar akan mengambil alih semua operasi sektor air di negara ini. Asas kita satu di antaranya ialah GATS. Lagi satu pada tahun 2000 di mana saya telah dalam ucapan saya, saya telah beritahu bahawa dengan spesifiknya, dengan izin, *request from the EC and the members said* kepada Malaysia. Pada spesifiknya mereka meminta pembukaan sektor-sektor ini dan inilah yang kita khuatir.

Saya tahu *guarantee* yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri setakat *guarantee* sahaja tetapi dari segi rang undang-undang tidak ada apa-apa dan ramai di antara rakyat di Malaysia berpendapat selepas *the request* yang dibuat pada tahun 2000 dan selepas itu beberapa mesyuarat yang telah diadakan di antara MITI dan mereka, baru rang undang-undang ini digubal supaya mengikut arahan mereka. Ini betul, bukan?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat baru kata mereka memohon sejak tahun 2000 sampai 2006 belum buka lagi. Kita tidak bersetuju. Mohon, mereka boleh mohon. Kita pun mohon banyak kepada negara-negara lain. Subsidi pertanian, eksport subsidi, apa-apa subsidi, mereka pun tidak buka. Mereka boleh mohon, kita tidak buka, 6 tahun sudah tidak buka, 6 tahun lagi pun tidak bukalah. So you sudah capak...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat sudah beritahu sejak 2000. Ya sejak 2000 tidak buka, tidak bukalah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, bukan. Ini akan dibukalah, bukan?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau buka, *you* bawa kepada Parlimen inilah. Setuju atau tidak setuju.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan itu yang kita mahu. Satu syor dari menteri. *There is no law to prevent*, dengan izin. *There is no law*. Itu yang kita khuatiri. Kenapa ada undang-undang seperti di Netherlands dan Uruguay, satu undang-undang yang tertentu yang tidak memberi penswastan perkara ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ada undang-undang di MITI di mana tidak benarkan orang asing masuk, tapi kita adalah satu negara. Jika sektor perkhidmatan air kita tidak mapan (*matured*) lagi, kita tidak buka. Kalau sudah *matured*, barangkali pada tahun 2020 sudah *matured*, kita tidak takut lawan dengan sesiapa pun. Apa *you* takut? Pada masa sekarang adalah dasar kerajaan tidak buka sektor ini kepada orang asing atau syarikat asing.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah kalau kita tetapkan ini dalam undang-undang tidak boleh beri kepada sektor asing ini seolah-olah dengan izin, kita *going backwards* dan ini tentulah menjadi bahan ketawa masyarakat antarabangsa. Bagaimana pendapat Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya jelas, tidak payahlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai Fasal 109 RUU IPA ini. Tetapi bukannya peruntukan ini hanya terpakai kalau tidak ada peruntukan *overriding* oleh kerana persetujuan mengenai sama ada GATS sekarang - Ini bukan, sebenarnya apa yang berlaku ialah *ongoing negotiations* - bukan sudah habis. Apa-apa pun boleh berlaku. Kita bukan sebut mengenai 2020 tetapi sekarang. Bukan sahaja dalam GATS, kita sekarang adalah *multilateral, bilateral, pluralateral*. Saya tidak tahu apa bentuk *negotiation* ini lebih selamat untuk kita. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan apakah bentuk *negotiation* ini sama ada *bilateral, multilateral, 'plural lateral'* lebih selamat untuk menjaga hak kita mengenai air.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Memanglah, kalau adalah dasar kita tidak membuka sektor perkhidmatan air kepada syarikat asing lagi, tentulah saya sebagai menteri berkenaan akan berhubung dengan Menteri MITI yang bertanggungjawab dalam rundingan ini dan meminta beliau tidak membuka perkhidmatan air kepada orang asing pada masa sekarang. Itu sahaja. Mana saya tahu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mungkin Yang Berhormat Menteri tidak faham apa perbezaan *bilateral, multilateral* dan *'plural lateral'* itu.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa itu? Apa bunyi-bunyi ini? Ini bunyi-bunyi yang tidak siuman. [Disampuk] Soalan saya ini penting oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada mengakui ini *ongoing negotiation* di beberapa segi. Kalau tidak silap Yang Berhormat Menteri pun ada mengakui bahawa dalam perkara ini dia pun tidak tahu. Dia mahu rujuk kepada MITI. Sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab dalam MITI - *umbrella* kementerian di semua kementerian yang ada tajuk-tajuk, ada benda-benda yang menjadi *subject negotiation* di bawahnya.

Kalau begitu, oleh kerana masih ada permohonan untuk membuka - untuk meliberalisasikan sektor air, kekhawatiran rakyat dan NGO-NGO yang prihatin dalam perkara ini ialah bahawa tidak ada jaminan atau *ironclad safeguard* supaya sektor air dibukakan atau diliberalisasikan. Sebab itu ada cadangan bahawa ada peruntukan dalam rang undang-undang di hadapan kita bahawa ada peruntukan yang ketat - satu *ironclad provision*. Sungguhpun tadi seorang Ahli Yang Berhormat kata ini adalah *going backwards*. Saya tidak tahu mengapa *going backwards* kalau kita mahu *ironclad* itu *guarantee* yang menunjukkan terakhirnya perlu persetujuan Parlimen kalau akan mengadakan satu *opening up*. Mengapa ini tidak diambil perhatian dan pertimbangan yang serius oleh kementerian dalam menggubal rang undang-undang ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Seperti apa Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bertanya, mengapa kita tidak ambil serius, kita ambil serius atas hubungan ini. Pada masa

ini kami di kementerian tidak fikir ini adalah mustahak untuk dimasukkan di dalam rang undang-undang, secara dasar ia sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam, Sri Gading, Jasin, Parit, Kinabatangan, Gombak, Bera dan Kubang Kerian membangkitkan perkara mengenai kuasa yang terlalu luas di berikan kepada menteri dalam rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang telah saya jelaskan semasa ucapan pembentangan, kuasa menteri di bawah rang undang-undang ini adalah tidak mutlak dan dalam banyak perkara, menteri hanya boleh menguatkuasakan kuasanya atas syor SPAN atau setelah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan atau Jemaah Menteri.

Selain itu, dalam melaksanakan tugasnya menteri adalah bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri dan seterusnya kepada Parlimen. Menteri tidak boleh menggunakan kuasanya dengan sewenang-wenangnya. Perkara ini telah termaktub dalam sistem pemerintahan di Malaysia di mana wujudnya konsep tanggungjawab bersama (*collective responsibility*). Oleh yang demikian...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...cadangan supaya suatu tafsiran untuk memasukkan takrif bahawa kuasa menteri ertinya kuasa Jemaah Menteri adalah tidak diperlukan. Perkara 39, Perlembagaan Persekutuan telah secara nyata menyebut bahawa kuasa eksekutif persekutuan boleh dijalankan oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa menteri tidak ada kuasa mutlak. Memandangkan ahli-ahli keanggotaan SPAN ini dilantik oleh menteri sendiri, dan menteri hanya akan bertindak dengan syor SPAN, bagaimana Yang Berhormat mengatasi kemungkinan adanya obligasi kerana pelantikan mereka sebagai ahli SPAN ini bergantung pada menteri? Apakah penjelasan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Walaupun ahli SPAN adalah dilantik oleh menteri, tetapi mereka menjalankan kuasa sebagai ahli SPAN. Barangkali kalau mereka ahli SPAN yang bertanggungjawab, mereka boleh tidak berpandangan yang sama dengan menteri. Walau mereka membuat syor, dan dalam SPAN saya akan jelaskan di mana kalau menteri tidak bersetuju dengan syor mereka, menteri dengan secara bertulis akan menghantar balik kepada SPAN untuk membincangkan di mana syor yang tidak sama.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [*Mengetuk pembesar suara*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terdapat juga Ahli Yang Berhormat yang mempersoalkan peruntukan Fasa 56(5), 114(2) dan Fasa 120 ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Berhentikan, Yang Berhormat. Bangun sahaja. [*Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Bera*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...di mana keputusan menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bangun sahaja. Bangun sahaja saya nampak. Ya, boleh Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebab Yang Berhormat sebut nama Bera tadi jadi saya terpaksa bangunlah. Saya tidak persoalkan kuasa Menteri yang perlu dirujuk kepada Kabinet. Kita tahu. Itulah *convention* nya. Tetapi soalnya di dalam perkara 1142 ditambah iaitu kuasa Menteri tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula atau dibatalkan oleh mana-mana Mahkamah, itu yang kita persoalkan. Bagaimana kuasa Menteri boleh lebih tinggi daripada kuasa Mahkamah dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana. Itu sahaja yang perlu diperjelaskan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau Yang Berhormat boleh sabar sekejap saya sekarang sudah jawab di mana Fasal 120 di mana keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula atau dipersoalkan di mana-mana Mahkamah.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Fasal 56 (5) adalah berkaitan dengan kuasa semasa kecemasan dan terdesak iaitu kemarau yang teruk atau pergolakan industri, mogok atau pembekalan air itu membahayakan atau menimbulkan ancaman kepada keselamatan atau kesihatan awam, kuasa ini ada diperlukan. Kalau tidak ada tunggu sehingga Mahkamah akhir tentukan barangkali air tidak disampaikan kepada rakyat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan mengenai perkara ini.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nanti saya habiskan jelaskan baru boleh tanya. Ini belum habis dijelaskan. Fasal 114 pula adalah berhubung dengan keadaan di mana Menteri membuat perintah mengambil alih kawalan ke atas harta perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen jika difikirkan perlu demi kepentingan negara. Kuasa ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Fasal 114 (3) bahawa ia hanya boleh dijalankan dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu iaitu Jemaah Menteri. Fasal 120 pula merujuk kepada perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah bahagian 9 iaitu mengenai pengambilalihan kawalan dalam keadaan pemegang lesen menjadi tidak *solvent*, melanggar syarat lesen atau mempunyai masalah kewangan sehingga menjejaskan pengendalian pembekalan air. Kesemua kuasa berkenaan adalah perlu bagi memastikan perkhidmatan bekalan air tidak terjejas dan dalam keadaan kecemasan dan terdesak tersebut masa adalah penting.

Namun demikian, walaupun terdapat peruntukan nyata yang tidak membenarkan apa-apa semakan kehakiman atas sesuatu keputusan Menteri, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa Mahkamah masih boleh membenarkan semakan kehakiman sekiranya terdapat kecacatan prosedur dalam membuat keputusan berkenaan ataupun keputusan dibuat dengan niat jahat atau dengan izin *mala fide*. Sekiranya keputusan Menteri dirujuk untuk semakan kehakiman pihak-pihak boleh kemukakan permohonan kepada Mahkamah di bawah kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bagi maksud penggantungan pelaksanaan keputusan itu sehingga semakan kehakiman tersebut selesai.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai kuasa Menteri yang muktamad yang tidak boleh dicabar di Mahkamah di mana Yang Berhormat Menteri ada kata kalau ada apa-apa gangguan, kelewatan kerana masa kecemasan boleh berlaku huru-hara kerana perbekalan air putus, yang pertama saya rasa ini satu andaian yang sangat serius yang menganggap bahawa Mahkamah kita tidak bertanggungjawab yang boleh membenarkan satu keadaan di mana adalah kecemasan kehidupan rakyat dikorbankan.

Sebab itu kuasa muktamad kuasa untuk bawa kes ke Mahkamah perlulah dinafikan. Saya rasa ini sangat serius dan tidak patut dibuat oleh kerana ini menunjukkan tidak ada kepercayaan kepada sistem kehakiman. Selain daripada masalah *rule of law* peruntukan-peruntukan di mana ada kuasa menjadikan *none judiciable* ialah tidak boleh dicabar dalam sistem kehakiman ialah menentang *rule of law* dan saya sangat gembira tengok bahawa ada Ahli-ahli Parlimen khususnya UMNO yang berdiri mencabar kenapa kita boleh membenarkan *none judiciable provision* diadakan dalam Rang Undang-undang kita.

Oleh kerana kalau kita mahu *rule of law* kita perlulah kecualikan semua peruntukan-peruntukan yang ada dalam perundangan kita di sini dan bukan untuk tambah peruntukan-peruntukan yang baru. Sungguhpun saya sangat hairan kenapa apabila ada peruntukan yang sama mengenai Hak-hak Asasi (Internal Security Act) tidak ada dengar suara-suara UMNO. Nampaknya mereka barulah timbul masalah ini apabila kepentingan syarikat-syarikat UMNO terlibat tetapi hak-hak asasi mereka tidak peduli langsung. Tetapi itu prinsip bersama. Ahli-ahli Parlimen GERAKAN dan MCA diam sahaja, tidak berapa cakup apa-apa. Bising-bising di belakang.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

[Dewan riuh]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Keluar tajuklah, keluar tajuk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau berani berdirilah. Kenapa *hide cling* di bawah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya mahu tanya ialah bukannya sebab itu patutlah bahawa peruntukan-peruntukan di mana kecualikan *judicial review* patutlah diperuntukkan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tadi saya sudah jelaskan di bawah kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bagi maksud penggantungan pelaksanaan keputusan itu sehingga semakan kehakiman tersebut selesai. *You can have judicial review according to the* kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tak payah masuk di bawah undang-undang ini, sudah ada.

Isu berkaitan takrif air juga menarik perhatian ramai Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Ledang, Kelana Jaya Sungai Petani mencadangkan agar kadar takrif air antara negeri diseragamkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memaklumkan bahawa agak sukar untuk menyeragamkan takrif air antara negeri-negeri memandangkan takrif air bergantung kepada struktur kos pemindahan dan rawatan air mentah, pengagihan kedudukan tahap air tidak berhasil atau *non-revenue water* serta faktor-faktor lain seumpamanya CAPEX di negeri-negeri berkenaan. Pada masa ini harga air yang dibilkan kepada pengguna adalah di bawah kos pengeluarannya dan bukan berpandukan *full cost recovering*.

Harga air sekarang adalah rendah disebabkan bantuan subsidi daripada kerajaan terutama dari segi pinjaman-pinjaman Persekutuan untuk menampung CAPEX. Justeru itu operator air perlu lebih cekap dan efisien dalam usaha mengurangkan *non-revenue water* atau MRW yang cekap dan lain-lain langkah bagi memastikan kos pengoperasian air adalah terkawal.

SPAN akan mengawal struktur takrif berdasarkan pencapaian *key performance index* (KPI) oleh operator supaya ia tidak membebankan pengguna. Adalah sukar untuk memberi jaminan takrif air tidak naik untuk selama-lamanya.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan ....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan mengenai takrif air. Sungguhpun kita tidak boleh minta satu jaminan semacam itu tetapi kita mahu tahu asas bagaimana takrif mengenakan takrif air dan kenaikan takrif air. Di Selangor ada permintaan, ada berita bahawa akan ada kenaikan takrif air mengenai SYABAS. Apa asas, apabila bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan sebab musabab supaya memberi satu contoh *case elastration* bagaimana perkara ini akan dikendalikan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan sekarang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membangkitkan mengenai keperluan untuk kerajaan mewujudkan mekanisme menetapkan tarif air agar kenaikan tarif yang rendah dan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan kenaikan tarif, SPAN akan mengkaji permohonan semakan tarif berdasarkan kepada faktor-faktor seperti pematuhan kepada KPI yang merangkumi prestasi perkhidmatan, CAPEX, OPEX dan sebagainya. Dalam pada itu SPAN juga perlu mengambil kira pandangan dan cadangan forum air yang sewajarnya demi kepentingan pengguna.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bagi memastikan kos infrastruktur bekalan air yang berpatutan, ianya akan dikawal selia oleh SPAN melalui pengemukaan rancangan perniagaan dan dengan cara ini kawalan ke atas kos CAPEX boleh dilakukan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Selain daripada itu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayer Hitam, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi yang mengatakan bahawa kadar tarif air ini dapat dikurangkan sekiranya ada subsidi dan bantuan daripada kerajaan kepada CAPEX dan NRW. Tapi yang saya hairan, saya berbuih-buih bercakap di Dewan ini, kenapa pula wujudnya setiap negeri diberi bantuan yang berlainan dan bagi negeri Johor kenapa tidak ada satu sen bantuan pun sejak Rancangan Malaysia Ketujuh?

Yang Berhormat, saya hendak bertanya untuk SYABAS modalnya sama dengan SAJ di Johor, tetapi dapat bantuan daripada Kerajaan Pusat dengan kadar bunga 3% dan bank pembangunan sebanyak 5.65% untuk jangka masa 20 tahun. Dan ini SYABAS sama dengan SAJ, kenapa bantuan ke atas CAPEX berlainan untuk negeri dan bagaimana orang Johor dapat menikmati tarif air yang rendah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, kita datang dari Ipoh perlahan-lahan marilah. Saya belum sampai you sudah tanya lagi. Sabar sedikitlah! Saya akan sampai Johor sedikit masa lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa lagi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tadi, tadi. Jawapan tadi Yang Berhormat Menteri. Bukan masa depan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa asas untuk kenaikan tarif masa depan antara lain ialah KPI yang akan dimonitor oleh SPAN dan badan-badan yang lain, dan akhirnya mengikut struktur ialah di tangan menteri berkenaan bukan akhirnya di tangan kuasa menteri yang berkenaan mengenai keputusan. Adakah struktur itu untuk sistem ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini akan dikaji dengan SPAN dan SPAN akan memberikan syor kepada menteri dan selepas itu menteri akan mengikut syor SPAN.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Menteri bukan suka-suka naik turun ini, tidak boleh. Syor, melalui syor SPAN.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Okay adanya menteri yang berkenaan, yang bertanggungjawab mungkin Yang Berhormat Menteri. Menteri yang lainlah. *Nothing personal, okay nothing personal.* Akhirnya dalam tangan dan kuasa dan juga tanggungjawab menteri yang berkenaan mengenai prestasi KPI. Bagaimana kita boleh yakin atau rakyat boleh yakin bahawa ini satu sistem yang cekap dan baik apabila tidak ada sistem KPI untuk setiap menteri. Kalau kita mahu lihat KPI untuk setiap menteri mungkin semua gagal. Bagaimana menteri boleh monitor prestasi KPI apabila mereka sendiri tidak boleh lulus KPI untuk sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Ketawa] Apa, saya pun tidak tahu. Menteri pun ada KPIkah? Saya cakap KPI berkenaan perkhidmatan air yang dijalankan oleh operator, yang dilesenkan oleh SPAN. SPAN akan mengawal KPI yang dijalankan oleh mereka.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bila menteri ada KPI Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Mana boleh.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukankah kita ada satu sistem *monitoring* KPI patut pun di peringkat menteri. Kalau tidak bagaimana menteri boleh bertanggungjawab dengan memuaskannya untuk .....KPI.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sila rujuk perkara ini kepada Perdana Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Okay, saya akan. Saya akan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Ketawa] Right? Sila rujuk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana ada KPI sama menteri Tuan Yang di-Pertua!

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tanya Yang Berhormat ingat KPI saya baikkah? Tinggikah tidak tinggi? [Dewan riuh] [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mahu check, mahu check.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Mahu check ya?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mahu lulus mahu check.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dan sila laporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *all right*. SPAN untuk menteri-menteri.

Selain daripada itu pembiayaan daripada WAMCO juga dapat mengurangkan kos pembangunan infrastruktur bekalan air yang perlu ditanggung oleh pihak operator, memandangkan pemegang lesen hanya perlu membayar kos sewaan ke atas penggunaan aset berkenaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Sungai Petani untuk mengenakan caj minimum kepada pengguna, kerajaan berpendapat ia adalah tidak sesuai memandangkan ianya akan menjuruskan kepada penggunaan air tidak berhemah yang akan berlaku pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ledang memohon jaminan bahawa tarif air tidak akan dinaikkan akibat kos rawatan yang tinggi kerana sumber air mentah yang tercemar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan memerlukan kerjasama daripada semua kerajaan negeri untuk menjaga sumber supaya bebas daripada sebarang pencemaran memandangkan bidang kuasa ke atas kawasan tadahan berada di bawah kerajaan negeri. Tindakan ini perlu memandangkan kualiti air mentah mempunyai kesan langsung ke atas kos rawatan air, pembiayaan infrastruktur air.

Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mempersoalkan, mengapa negeri Johor tidak diberikan peruntukan pembangunan infrastruktur bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan berbanding dengan negeri Selangor dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa semua peruntukan kepada kerajaan negeri untuk pembangunan infrastruktur bekalan air adalah dalam bentuk pinjaman.

Kerajaan Persekutuan sejak tahun 1996 telah menetapkan dasar untuk tidak memberi kemudahan pinjaman kepada negeri-negeri yang telah menswastakan bekalan air. Oleh itu, syarikat-syarikat tersebut perlu menanggung CAPEX dan OPEX daripada sumber kewangan sendiri. Atas pertimbangan ini negeri Johor tidak menikmati atau tidak memohon kemudahan pinjaman untuk bekalan air dalam Rancangan Malaysia lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kes Pulau Pinang modal pengkorporatan adalah dengan memberi lesen kepada syarikat air dan bukan melalui perjanjian konsesi. Berikutan itu syarikat hanya mengendalikan perkhidmatan air dan kerajaan negeri masih bertanggungjawab ke atas CAPEX. Oleh yang demikian, kerajaan negeri masih layak untuk diberi kemudahan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Manakala bagi negeri Selangor, PUAS tidak lagi berupaya untuk menanggung hutang kepada tiga syarikat rawatan air. Dengan itu Kerajaan Persekutuan telah memberi kemudahan pinjaman kepada syarikat konsesi untuk menangani masalah ini.

Mengenai senarai Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Kuala Krai agar Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, sebelum itu...sebelum masuk mengenai PUAS....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mengenai PUAS Yang Berhormat ada kata, PUAS tidak tahan lagi untuk membayar hutang dan sebab itu perlulah subsidi atau bantuan daripada pihak kerajaan. Adakah dan pernahkah kementerian Yang Berhormat atau masa Yang Berhormat menjadi Menteri, adakah membuat satu kajian kenapa PUAS menghadapi Masalah kewangan yang akhirnya perlu ditanggungkan oleh kerajaan dan pembayar cukai, kenapa?

Bukankah sekarang nampaknya syarikat-syarikat tertentu apabila menghadapi masalah tidak ada moral "*hazard*" tidak ada tanggungjawab perlu menghadapi tanggungjawab oleh kerana akhirnya sama ada sebab ialah pembaziran, rasuah atau apa-apa beratus-ratus juta ringgit dan akhirnya tanggungjawab kerajaan dan tanggungjawab pembayar cukai, apa ada kajian dibuat supaya untuk letak tanggungjawab kepada mereka.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya ulang sekali lagi, dengan itu Kerajaan Persekutuan telah memberi kemudahan pinjaman kepada syarikat konsesi untuk menangani masalah ini ialah hutang PUAS kepada tiga syarikat rawatan air. Bukan bagi dia *free of charge*, bagikan kemudahan pinjaman kepada syarikat konsesi baru untuk menangani masalah ini, untuk membayar hutang PUAS kepada ketiga-tiga syarikat berkenaan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Bangun*] Serupa, serupa adakah kaji, apa sebabnya?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [*Sambil memandang ke arah Yang Berhormat Ipoh Timor*]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ada gaji, gaji saya tahu, syarikat konsesi sudah *sign*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Hah, tahu tetapi kenapa benarkan tentu ada *hair cut* "di *impose*"?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini akan jadikan rundingan semula bila Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ditubuhkan, *alright?*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kerana kita dimintakan untuk luluskan Rang Undang-Undang, kita mahu tahu sebabnya, tidak boleh kata Yang Berhormat Menteri tahu tidak mahu bagi, kita mahu tahu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *You* tahu, saya pun tahu...ini saya jelaskan...macam mana.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Hah, kita tidak tahu. Beritahu!

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *You* pun tahu, saya pun tahu macam mana hendak mengatasi, *you* pun tidak tahu ..saya tahu!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia pura-pura tidak tahu!

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia tidak tahu, saya tahu! Nanti saya jelaskan, saya jelaskan, okey?!

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sedikit sahaja, saya hendak penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tetapi saya ada panjang lagi, *you* tanya banyak saya kena banyak jawab, lagi *you* mahu kacau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayer Hitam, Ayer Hitam nanti dahulu, nanti ya. [*Dewan riuh*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini, Yang Berhormat selalu kacaulah! [*sambil memandang ke arah Ipoh Timor*] [*Ketawa*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini orang banyak kacau!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, Yang Berhormat teruskan, teruskan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [*Diarah duduk*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ya, terima kasih. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]  
Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Kuala Krai agar Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan yang dikawal oleh kerajaan membantu negeri Johor untuk menurunkan kadar faedah pinjaman. Sukacita dimaklumkan bahawa operator bekalan air di Johor boleh menggunakan kemudahan pembiayaan di bawah pengurusan Aset Air Sdn Bhd atau WAMCo bagi mendapatkan kemudahan pembiayaan jangka panjang dengan kadar faedah yang rendah. Bagi menikmati kemudahan ini pemegang konsesi sedia ada perlu berhijrah ke rejim baru.

Keperluan Untuk Meningkatkan Kecekapan Operasi Lebih - Yang Berhormat Ayer Hitam turut membangkitkan mengenai keperluan untuk membangunkan dan meningkatkan penggunaan sistem dan teknologi terkini seperti GIS dan "SCADA" serta mengadakan sistem aduan pengguna. Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk membangunkan dan meningkatkan penggunaan sistem dan secara teknologi terkini seperti GIS dan "SCADA" dan juga sistem aduan pengguna akan diperincikan dalam kaedah *rules* oleh Suruhanjaya di bawah Fasal 180 (A)(3).

Ahli Yang Berhormat Kuala Krai mencadangkan agar peruntukan kursus disediakan untuk mengganti paip air yang lama khususnya bagi kawasan Pantai Timur. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM350 juta disediakan untuk menggantikan paip sepanjang 1,167 kilometer yang meliputi negeri Terengganu - 200 kilometer, Pahang - 517 kilometer dan Kelantan - 450 kilometer. Adalah dijangka dengan terlaksananya program penggantian paip-paip di atas kadar kehilangan air tidak berhasil atau NRW dapat dikurangkan di samping tahap perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri berkenaan dapat ditingkatkan.

Pemotongan Bekalan Air - Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan mengenai kes Raja Ramachandran lawan Perbadanan Perbekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PPA) di mana Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang memutuskan bahawa pemotongan air adalah tidak sah dari segi undang-undang dan sama ada kerajaan telah menimbang kes ini semasa menggubal Rang Undang-Undang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sedia maklum akan kes berkenaan semasa menggubal Rang Undang-Undang ini. Dalam kes tersebut, mahkamah mendapati bahawa tindakan memotong bekalan air itu adalah tidak adil dan munasabah, *unjust and oppressive*. Ini adalah kerana bil yang tidak dibayar oleh pengguna berkenaan adalah jauh lebih tinggi daripada caj-caj yang dikenakan di dalam bil-bil yang terdahulu. Bil yang biasa dibayar oleh pengguna berkenaan adalah tidak melebihi 25 ringgit sedangkan caj yang dikenakan dalam bil yang tidak dibayar ini ialah melebihi 3, 000 ringgit. Oleh itu, sewajarnya ialah tindakan pemotongan bekalan air tidak dilakukan dalam kes tersebut sehingga siasatan terperinci dilakukan.

Walau bagaimanapun Fasal 89 ini masih diperlukan untuk memastikan pengguna yang mampu membayar tidak menggunakan kesempatan untuk sengaja tidak membayar bil. Fasal ini juga boleh mengurangkan kehilangan komersial atau *commercial loses* bagi golongan yang miskin, tegar atau *hard go poor*, mereka tidak akan dianiaya di bawah fasal ini memandangkan mereka boleh memohon bantuan daripada badan-badan kerajaan yang lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Malah di UK golongan miskin turut tidak dikecualikan daripada membayar bil air dan mereka boleh mendapat bantuan daripada badan-badan kebajikan yang sedia ada. Walaupun demikian, di bawah Fasal 85 Rang Undang-Undang ini menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau organisasi daripada pembayaran apa-apa caj berhubung dengan perkhidmatan bekalan air. Saya berharap penjelasan ini juga dapat menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Kota Melaka agar fasal ini dikaji secara mendalam sebelum dikuatkuasakan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya hendak tahu dua, tiga perkara. Nombor satu, apabila Yang Berhormat Menteri kata ada kebajikan dan agensi-agensi kebajikan yang dapat memberi pertolongan untuk mengatasi masalah apabila pihak-pihak pengguna tidak membayar. Boleh Yang Berhormat senaraikan apakah agensi-agensi atau yang dapat memberi pertolongan kepada pengguna-pengguna, itu satu.

Nombor dua, mengenai kes yang saya rujuk itu. Adakah prinsip itu iaitu dengan izin *as a last resort*, kerana Rang Undang-Undang yang kita ada, tidak mengatakan sedemikian dan saya ingin tahu adakah seperti yang telah dikatakan di kes ini sebagai *last resort* sahaja baru kita memotong meter dan bukan sebagai dalam tempoh 14 hari, dalam tempoh 30 hari selepas penerimaan bil. Satu lagi negara yang telah saya merujuk ialah Scotland di mana ada undang-undang yang spesifik dan yang tidak membenarkan agensi yang memberi air untuk memotong sistem air itu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat Ipoh Barat jangan malas. *You* minta saya mana senarai kebajikan. Pergilah Kementerian Kebajikan pergi cari sendirilah. Apa *you* bagi saya senarai...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bila kita pergi sana dia kata dengan Menteri ada, Menteri baru kata.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Jangan *you* malas, *you* pergi cari sendirilah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, bukan saya bukan malas. Boleh ikut dengan saya atau bolehkah Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tidak boleh, saya tidak mahu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya kata tidak ada.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tidak mahu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini satu tipu helahlah. Tidak ada, tidak ada.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ada Jabatan Kebajikan pergi carilah. Saya cakap...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak ada mana ada.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...akhirnya Fasal 85 Rang Undang-undang ini membolehkan menteri dikecualikan siapa dan organisasi dari pembayaran caj itu. Kalau *you* mohon bagi pihak sesiapa yang tidak kemampuan bayar saya tentu mesti ikut *you* punya cadangan. Jangan *you* tipu menteriilah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kalau Menteri ada di negara ini...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Orang bawa Mercedes *you* pun cakap dia tidak kemampuan untuk bayar bil RM30.00 air.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini tidak benar Yang Berhormat Menteri. Ini tidak benar kerana...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya cakap benar tidak benar, saya cakap *you* jangan cuba, jangan cuba...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Okey boleh bagi tahu ...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tidak cakap *you* sudah cuba dan jangan cuba...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini adalah satu...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tahukah saya punya bahasa?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, faham. Siapa tidak faham.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ha baguslah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Fahamlah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tetapi orang Beruas tidak faham, orang Beruas tidak faham.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Banyak *you* tidak faham, *you* kena gunakan komputer mahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Fahamlah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Bukan dialoglah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, bukan baru mula. Ini gunakan komputer saya pernah dapat arahan. Ini Yang Berhormat Menteri bukan mengenai kes yang saya katakan, kes yang saya rujuk, kes satu mahkamah tinggi. Adakah ia akan digunakan pakai? Itu yang spesifik yang saya hendak tahu kerana sebagai *last resort* bukan sebagai *first resort* yang rang undang-undang menunjukkan bahawa secara automatik, lepas tidak membayar 30 hari dia ada cara untuk memotong sistem *supply* air. Kerana saya difahamkan untuk memotong air ini ada banyak firma-firma telah diswastakan di mana mereka pergi, ini adalah kerja 24 jam. Macam mana kita boleh elak perkara ini? Tidurkan Menteri?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat patut tahu kita kena asingkan antara *the devil and the angel*. *Angel, we can help but devil we have to* potong dia punya air lah. Ada orang yang tidak ada kemampuan bayar dia tidak mahu bayar *last resort* apa *first resort, last resort*? *You* tidak bayar tetapi kita ada cara macam mana kalau tidak mampu boleh cari kebajikan, tidak boleh cari kebajikan akhirnya boleh memohon dikecualikan oleh bayaran untuk membayar caj itu melalui permohonan kepada menteri. Menteri ada kuasa itu. Ini kuasa mahu bagi menteri atau tidak mahu bagi Menteri?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya penjelasan, penjelasan. Kenapa mahu membebankan seorang menteri dengan perkara sama ada patut tidak patut mengecualikan pembayaran caj itu. Bukankah perlu satu mekanisme? Oleh kerana tadi Yang Berhormat kata ada *devil* dan *angel*. Ada masanya menteri-menteri pun sebenarnya hantu sendiri. Mereka hantu ialah orang-orang yang bertanggungjawab, mereka hantu, malaikat orang yang biasa. Oleh kerana berlaku salah guna kuasa tengok selalu berlaku Barisan Nasional satu kawasan RM2 juta untuk pembangunan kawasan, semua Ahli-Ahli Parlimen di sini tidak dapat. Bukankah ini menyalahgunakan kuasa? Ini pun boleh berlaku.

Baru-baru ini mengenai kes Yang Berhormat bagi Johor Bahru kita tengok bahawa Ahli-Ahli Parlimen tidak boleh membezakan apa yang betul apa yang silap. *Basic thing, right and wrong* pun tidak faham! Bagaimana kita boleh bahawa memastikan menteri-menteri tidak menjadi hantu! Bukankah lebih baik ada satu mekanisme yang adil, yang semua boleh memantau.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada sini Lubuk Hantu, Lubuk Hantu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau saya hantu saya tidak boleh jawab. [Ketawa] Saya manusia baru saya jawab. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah saya bersetujulah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau Yang Berhormat dari Ipoh Barat mahu panggil saya apa nama panggilah. [Ketawa] Saya sudah dengar ini 35 tahun apa nama, apa nama tidak boleh terima lagi. Sekarang hantu, dahulu itu, ini apa dia panggil tidak apa. Okey, okey, okey.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ipoh Timorlah dia hantu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Behind the trees?*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Siapa cakap? Saya tidak dengar tadi, siapa itu?  
[Ketawa]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Jasin cakap dia lah hantu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya bersetuju, saya bersetuju. [Ketawa] Saya sokong dan bersetuju [Ketawa].

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat tidak ada hantu di sinilah Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hantu satu mata.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kita bahas air, bukan hantu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebab saya cakap tidak ada hantu di sini. [Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Hantu ini lain...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat Menteri sendiri kata hantu yang awal-awal.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Angel and devil.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Ya you started it.*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat dari Ipoh Timor sudah lari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah larilah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Lari dari apa perkara yang patut di...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kena mahu bebaskan menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Jangan serius.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kena mahu bebaskan menteri dengan tajuk.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tolong Yang Berhormat serius sedikit. Ini air, ini air [Ketawa] bukan main punya. Baik okey. Migrasi dan perjanjian konsesi.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Sinilah depanlah, depanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri hendak jawab.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia pun mahu tanya belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan depan, depan, depan. Bagan hendak tanya, Bagan hendak tanya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tolong duduk.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ini berkenaan dengan potong air sebelum masuk ke tajuk yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sedang jawab soalan daripada Ipoh Timor.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tauke Yang Berhormat Tanjong sudah minta saya, saya jawab. Ini orang kecil di bawah tauke Ipoh Timor [*Ketawa*] apa mahu tanya lagi.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Dalam Dewan ini semua sama rata.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bos sudah tanya anak buah jangan tanya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Okey, kalau sama rata mengapa *you* tidak duduk depan [*Ketawa*] mahu duduk belakang.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Itu protokol tetapi pilihan kita. [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sama rata. Duduk depanlah ambil gaji sebagai Ketua Pembangkang. [*Ketawa*] ...tipu saya.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Okey sebelum masuk ke imigrasi saya mahu tanya berkenaan dengan potong air. Saya tadi yang *last* sekali berucap ada menyentuh berkenaan dengan potong air. Adakah Yang Berhormat akan jawab nanti atau tidak akan jawab lagi berkenaan dengan pertanyaan saya. Kalau tidak mahu jawab nanti saya sekarang tanya. [*Ketawa*] Okey potong air tadi yang *last* sekali saya berucap, saya ada kata seorang penyewa rumah, diam-diam dia tidak bayar bil air, dia tidak bayar bil elektrik, dia tidak bayar sewa rumah dia terus lari, jadi air dipotong atas nama dia.

Saya sebagai tuan rumah saya mohon sekali untuk dipasang balik atas nama saya tetapi dia tidak izinkan sebab itu alamat yang sama. Apa macam Yang Berhormat keputusan Yang Berhormat sama ada mahu membekalkan sekali lagi atau tidak mahu? Itu perkara yang pertama.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu runding dekat luar pun jadilah.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Itu atas *by law* lah. Lu ingat lu besar suara besar lu sudah menangkah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Runding sama Menteri dekat luar sana jadilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Yang lagi satu...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Maaf, maaf saya akan jawablah.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Okey, okey nanti.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nantilah. Dari Bagan mesti mahu jangan lupa dia banyak-banyak penting. Migrasi dan perjanjian konsesi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cakap apa Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya mempersoalkan bagaimana kerajaan dapat memastikan supaya syarikat konsesi akan menyediakan bekalan air kepada pengguna dan tarif air tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Yang Berhormat juga ingin tahu apakah hukuman dapat dikuatkuasakan kepada pemegang lesen jika mereka melakukan kesalahan dalam rang undang-undang. Adakah pengguna akan dibayar pampasan sekiranya mereka dibekalkan dengan air yang tercemar.

Tuan Yang di-Pertua di bawah rang undang-undang ini, syarikat konsesi masih tertakluk kepada kewajipan pemegang lesen. Ini bermakna semua maklumat mengenai perjalanan aktiviti pemegang lesen hendaklah dikemukakan kepada SPAN di bawah Fasal

29. SPAN sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab memantau segala aktiviti boleh meneliti segala perkara berkaitan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi termasuk kenaikan tarif.

Apa-apa kenaikan tarif hendaklah mempunyai asas dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Kesemua kuasa penguatkuasaan dinyatakan secara jelas dan terletak kepada SPAN di bawah Rang Undang-undang ini termasuk kuasa menyiasat, memasuki premis, memeriksa dokumen, mendapatkan maklumat dan lain-lain. Fasal 165 memperuntukkan bahawa tindakan boleh diambil terhadap pertubuhan perbadanan yang termasuk syarikat jika ia melakukan kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini. Pihak pengurusan syarikat boleh diambil tindakan bersama-sama dengan syarikat itu sendiri.

Dari segi hak undang-undang, setiap pengguna mempunyai hak di bawah undang-undang kontrak atau *tort* sekiranya pemegang lesen memecat kontrak atau mengakibatkan kecederaan atau kerugian kepada pengguna. Pengguna boleh membawa tindakan terhadap pemegang lesen di Mahkamah Sivil atau di Tribunal Pengguna sekiranya keadaan berkenaan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ramai ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Larut dan lain ingin tahu kedudukan pemegang konsesi selepas Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan. Untuk maklumat ahli-ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi ialah satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ucapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Tentang jawapan, kenyataan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tentang kadar tarif itu di mana Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara boleh membuat pemantauan dan kawal selia tentang kadar tarif. Keprihatinan rakyat ialah Yang Berhormat Menteri, keprihatinan ialah di mana apabila sesebuah syarikat diberi konsesi untuk memberi perkhidmatan bekalan air, sudah tentunya ada klausa-klausa tertentu dinyatakan di dalam perjanjian.

Seperti contohnya di dalam syarikat SYABAS, SYABAS di mana sekiranya SYABAS tidak diberi kebenaran untuk menyelaras kadar tarif air, maka kerajaan negeri perlu memberi pampasan kepada syarikat SYABAS tersebut. Dalam klausa 11 perjanjian konsesi SYABAS di mana dinyatakan bahawa sekiranya tarif tidak dinaikkan setelah SYABAS memenuhi syarat-syarat tertentu, maka pada tahun 2006, SYABAS boleh mendapat pampasan daripada kerajaan negeri sebanyak RM81.6 juta dan tahun 2007 adalah RM90.5 juta dan tahun 2008, RM97.8 juta.

Jumlahnya tiga tahun, pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan ialah RM269.8 juta sekiranya kerajaan tidak membenarkan penyelarasan kadar tarif. Inilah *concern* rakyat sekiranya apabila SPAN tidak membenarkan sesebuah syarikat konsesi itu menaikkan tarif. Apakah kerajaan akan menanggung pampasan tersebut, sekiranya kerajaan yang menanggung bayaran pampasan itu, akhirnya adalah rakyat jelata yang menanggung beban pampasan tersebut. Itulah *concern* rakyat. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini akan jadi di mana kenaikan tarif oleh syarikat SYABAS, dia akan berbincang dengan SPAN dan dia memerlukan kebenaran dari SPAN untuk menaikkan tarif air. Untuk maklumat ahli-ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi iaitu satu dokumen yang mengikat antara pihak-pihak. Oleh itu perjanjian konsesi yang sedia ada akan terus berkuat kuasa bagi memastikan kelancaran proses pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Pemegang konsesi akan diberi kuasa di bawah akta ini untuk menjalankan perkhidmatan dan aktiviti yang ditentukan dalam perjanjian dan perjanjian tambahan selama tempoh tiga bulan dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya. Jika perjanjian itu didaftarkan dengan Suruhanjaya, maka pemegang perjanjian konsesi itu akan terus diberi kuasa untuk menjalankan perkhidmatan

dan aktiviti itu selama tempoh dua tahun atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya dari tarikh ditetapkan.

Jika mereka tidak berdaftar, pemberikuasaan akan luput selepas tempoh yang ditetapkan. Seterusnya dalam tempoh satu tahun dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya, pemegang konsesi yang diberi kuasa mestilah memutuskan sama ada mereka berhasrat untuk berhijrah ke rejim yang baru. Jika mereka berhasrat sedemikian, mereka mestilah memohon lesen di bawah akta ini dan sekiranya tidak, mereka boleh memohon pemberikuasaan bertulis sehingga habis tempoh perjanjian konsesi berkenaan.

Namun demikian, pemegang konsesi masih tertakluk kepada pengawalseliaan oleh SPAN dari segi menetapkan KPI...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Piawai teknikal dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya mengenai konsesi. Yang mana Yang Berhormat mengatakan bahawa konsesi yang telah ditandatangani oleh kerajaan negeri, bermakna kerajaan pusat akan meneruskan apa yang telah dijanjikan. Soalan saya ialah Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat mengambil alih usaha ini, adakah Yang Berhormat akan menggunakan cara bagaimana untuk mereview klausa-klausa yang dianggap memang keterlaluan termasuk juga apabila tidak ada bekalan daripada mereka yang diberi tugas untuk merawat air, syarikat pengagihan tetap kena membayar caj tetap.

Apa yang berlaku di Johor, di mana 46 sen kena dibayar. Sama ada ambil air atau tidak itu dalam kontrak kena bayar. Itu soalan pertama. Yang kedua, bagaimana Yang Berhormat dapat menyelesaikan masalah di antara hubungan Puncak Niaga dan SYABAS dan juga di Johor, Equiventures dengan SAJ. Nampaknya memang banyak kontrak yang mengikat mereka sampai kita tidak boleh melakukan apa-apa dan tempoh konsesi itu terlalu panjang dan akhirnya akan memudaratkan rakyat. Apakah penjelasan Yang Berhormat, bagaimana Yang Berhormat gunakan kuasa untuk memaksa mereka melakukan sesuatu demi kepentingan rakyat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam kaitan yang sama, apabila Yang Berhormat menyebut tentang pemberian lesen-lesen konsesi kepada pembekal-pembekal, jika terjadi sesuatu ketiadaan bekalan air yang besar, yang di luar kawalan pihak Suruhanjaya ataupun pihak kementerian, akan wujud pembekal-pembekal yang baru yang menghantar air dalam bentuk kontena dan sebagainya, tangki-tangki air.

Adakah pada ketika itu perlu satu permohonan pembekalan air ataupun permohonan lesen untuk membekalkan air kepada pengguna-pengguna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau sesiapa yang memberikan perkhidmatan air kena mengambil lesen. Lesen *class* atau lesen *individual*. Yang Berhormat, konsesi adalah perjanjian antara satu pihak dengan yang lain. Kita mesti menghormati apa yang telah ditandatangani dalam konsesi ini. Sebab itu, kalau konsesi dalam tiga bulan tidak pilih untuk berhijrah ke rejim baru, mereka diberikan pemberikuasaan bertulis sehingga habis tempoh perjanjian konsesi berkenaan.

Tetapi mereka kena ikut kepada pengawalseliaan oleh SPAN dari segi penetapan KPI piawai teknikal dan sebagainya. Saya ingat kita mesti mahu kalau mereka dianggap tidak mapan, mereka tentu boleh bincang dengan SPAN dan SPAN boleh bincang dengan mereka macam mereka mahu menjalankan tidak kalau perkhidmatan mereka tidak mapan.

Inilah akan dilakukan oleh SPAN. Saya harap kedua-dua pihak, SPAN dan konsesi boleh mengambil satu keputusan dan tindakan atas kebaikan pengguna, atas kebaikan negara, bukan atas kebaikan sesiapa pun.

Sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Fasal 119, menghendaki pemegang-pemegang konsesi memulakan semula rundingan konsesi dengan Kerajaan Persekutuan dan pihak-pihak lain yang berkaitan untuk menangani apa-apa isu kepentingan negara yang berbangkit daripada mula berkuat kuasanya akta ini. Isu-isu ini termasuk perbezaan berkenaan tarif yang ketara antara satu negeri dengan negeri yang lain, sumber bekalan air mentah bagi sesebuah negeri dan lain-lain faktor yang boleh mempunyai implikasi ke atas hasrat kerajaan untuk mengendalikan isu-isu berkenaan dengan bekalan air secara *holistic* di Malaysia. Tujuannya ialah memastikan pemegang konsesi dapat terus memberikan perkhidmatan memandangkan bekalan air merupakan keperluan asas.

Ahli Yang Berhormat bagi Lipis ingin tahu apakah yang akan terjadi kepada Jabatan Bekalan Air Negeri selepas Rang Undang-undang dikuatkuasakan. Tuan Yang di-Pertua, di bawah tempoh peralihan Jabatan Bekalan Air Negeri akan diberi kuasa untuk meneruskan operasi di bawah akta ini selama tempoh satu tahun dari tarikh yang ditetapkan oleh suruhanjaya. Sebagai tambahan kerajaan telah memutuskan supaya semua Jabatan Bekalan Air Negeri dikorporatkan bagi memudahkan kawal selia oleh SPAN kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjung mencadangkan supaya mengeluarkan klasifikasi perjanjian konsesi daripada Akta Rahsia Rasmi. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, perjanjian ialah satu dokumen yang mengikat antara pihak-pihak. Peruntukkan mengenai kerahsiaan terma-terma perjanjian haruslah dipatuhi oleh pihak-pihak kepada perjanjian. Terma-terma perjanjian yang ditentukan dalam jadual kepada akta ini adalah khusus kepada pihak-pihak perjanjian masing-masing, di mana rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dibuat. Oleh yang demikian, persetujuan kedua-dua pihak kepada perjanjian tersebut hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum perjanjian boleh dibuka kepada orang ramai.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Penzahiran dokumen hanya boleh dilakukan oleh mahkamah apabila terdapat sesuatu tindakan di hadapan mahkamah, dalam keadaan sedemikian sekiranya dokumen berkenaan adalah dalam milikan pihak-pihak pada perjanjian, di mana salah satu pihak kepada prosiding itu tidak membenarkan pihak yang satu lagi untuk membuat penzahiran dokumen, mahkamah boleh memerintahkan penzahiran apa-apa dokumen di buat secara niat, mahkamah berpuas hati bahawa sesuatu penzahiran itu adalah perlu, Aturan 24 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1989.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Tadi Yang Berhormat kata untuk di *classify* perjanjian ini, dua-dua pihak yang menandatangani perjanjian itu haruslah memberi persetujuan dan kementerian kalau mahu mesti dapat persetujuan terlebih dahulu. Saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang buat demikian dan terlebih dahulu itu menteri ada kata bahawa perjanjian akan disemak semula. Saya ingin tahu dari perjanjian-perjanjian yang sedia ada, berapakah akan diarahkan untuk disemak semula.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini bermakna kuasa menteri bukan mutlak, di mana dia boleh arah semua, saya ingat, saya pun mahu kalau perjanjian ini boleh dibukakan, tetapi apa yang dinasihatkan oleh pihak penasihat undang-undang kepada kementerian ini, di mana kalau perjanjian antara dua pihak dan satu pihak tidak mahu perjanjian ini di buka kepada sesiapa pun, perjanjian ini tidak boleh dibuka.

Sebab ini adalah antara kedua-dua pihak dan menteri, walau dia ada perjanjian ini berkenaan konsesi yang dulu, yang mana kalau saya mahu lihat, saya boleh lihat melalui SPAN. SPAN ada kuasa untuk lihat, tidak ada kuasa untuk mengemukakan kepada lain-lain orang. Jika tidak dapat kebenaran daripada kedua-dua pihak yang membuat perjanjian itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tanjong dan Ledang pula membangkitkan mengenai sekiranya penswastaaan gagal, adakah kerajaan akan *nationalized* industri air dan SPAN akan mengambil alih syarikat konsesi yang tidak berupaya untuk beroperasi seperti tanggungan hutang pekerja dan sebagainya. Untuk

makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua operator air termasuk syarikat konsesi adalah tertakluk kepada Rang Undang-undang IPA ini dan dengan itu perlu mematuhi peruntukkan-peruntukkan RUU ini.

Jika mana-mana operator air itu gagal mematuhi RUU ini, misalnya melanggar syarat-syarat lesen atau menjadikan tidak berupaya untuk menjalankan obligasi mereka misalnya menjadi tidak *solvent* atau mengalami masalah kewangan yang teruk sehingga menjejaskan pelaksanaan obligasi operator itu, maka Fasal 113 memberi kuasa kepada SPAN untuk mengambil tindakan-tindakan untuk menangani keadaan tersebut.

Antara tindakan yang boleh di ambil ialah mengarahkan operator mengambil apa-apa langkah atau tindakan menyingkirkan mana-mana pegawai atau pengarahnya melantik seorang lain untuk menggantikan pengarah yang disingkirkan itu, melantik seorang untuk menasihatkan operator. SPAN juga boleh membuat syor kepada menteri supaya SPAN mengambil alih kawalan ke atas operator atau melantik mana-mana orang untuk mengambil alih operator.

Oleh yang demikian, perkara-perkara yang menjadi masalah kepada operator itu boleh ditangani bagi memastikan perkhidmatan bekalan air tidak terjejas. Penjagaan sumber air dan kawasan tadahan. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sungai Gading dan Sungai Petani mencadangkan agar kos penjagaan dan pemuliharaan sumber air dan kawasan tadahan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat, memandangkan tanggung jawab ke atas kawasan tadahan dan sumber air kekal di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, adalah wajar kos penjagaan dan pemuliharaan kawasan tadahan dan sumber air ditanggung oleh kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, menyedari akan hakikat bahawa kualiti air mentah boleh mempengaruhi tarif air, sebahagian sumbangan daripada Kumpulan Wang Industri Air akan disalurkan bagi membantu kerajaan negeri untuk tujuan itu. Dalam pada itu, peruntukkan untuk tujuan yang sama juga disediakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khasnya bagi penjagaan dan pemuliharaan sungai. Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong mencadangkan hukuman ke atas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak syarikat air hanya ambil air dari sungai untuk ditapis dan dirawat kemudian di agih, itu sahaja dan kemudian kumbahan itu kembali kepada sungai. Itu sahaja kuasanya bagi itu Rang Undang-undang ini, dan kalau itulah yang dibuat ini bermakna walaupun Yang Berhormat sudah berkali-kali kita hendak adakan pengurusan sumber air yang bersepadu, ini bermakna tidak bersepadu, kerana pihak yang lain yang bertanggungjawab untuk sumber air.

Macam mana Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dia hendak tinggalkan warisan yang baik. Hasrat dianya. Tetapi nampaknya, macam mana kita tinggalkan warisan, walhal masalah ini tidak ada pengurusan yang bersepadu. Macam mana Yang Berhormat dapat membantu supaya kita persepadikan pengurusan air kita. Kalau tidak kita susahlah. Saya bagi satu contoh. Dengan Bukit Tagar di situ dan dengan *ammonia* yang masuk ke dalam sungai. Walaupun itu di bawah kerajaan negeri, itu sebagai *sanitary landfill* dan sebagainya, tetapi masalah pencemaran masih berlaku. Pihak Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa kerana tidak ada kuasa atas tanah, tidak ada kuasa atas sungai, tidak ada kuasa atas hutan dan sebagainya. Macam mana Yang Berhormat boleh bantu kita semua ini supaya hal bersepadu ini dapat dilaksanakan pada suatu hari kelak.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Kepong datang dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bukan sesuatu negeri yang mana barangkali Yang Berhormat sudah terlupa kita adalah satu negara Persekutuan Malaysia, yang mana negeri-negeri adalah kuasa dan *sovereignty* tertentu ialah tanah dan sungai adalah di dalam jagaan dan kuasa negeri. Kalau negeri tidak lepaskan kuasa ini, mana menteri ada kuasa minta orang serah semua ini. Sekarang Yang Berhormat tahulah, kerja ini bukan senang, di mana untuk mengambil alih perkhidmatan air, pun sudah ambil separuh kuasa negeri yang mereka menyerahkan kuasa ini melalui pemindaan Perlembagaan dalam senarai bersama.

Kalau mahu ambil semua atas sumber air, sungai, kawasan tadahan air termasuk hutan-hutan, Yang Berhormat ingat negeri setujukah? Bukan senang. Kita cari macam mana dalam koordinasi antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk bersama-sama menjaga air di kawasan tadahan air sehingga air ...cubalah, haraplah air yang dapat adalah air yang bukan sangat-sangat kotorlah.

Jika adalah di mana, kita anggap yang mana sungai atau kawasan tadahan air dalam keadaan yang berbahaya, yang memerlukan kerajaan negeri untuk menjaga kawasan atau sungai itu dengan lebih baik. Perkara ini boleh dibawa kepada Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang mana saya sebagai Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi adalah ahli dalam Majlis Sumber Air Negara. Di dalam sana, kita membuat koordinasi untuk menjaga sumber-sumber air.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih hasil jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Kalau kita lihat Fasal 34 – Keselamatan, keutuhan dan keadaan selamat sistem bekalan air dan sistem pembedahan. Di sini memang tidak tercatat siapakah sepatutnya yang bertanggungjawab untukewartakan seperti loji, *intake station* dan pam penggalak ataupun tangki tersebut. Kalau dengar daripada Menteri itu, cakup masalah koordinasi di antara kerajaan negeri dan pihak kementerian. Tetapi sebenarnya dalam Fasal 34 ini, memang jelas tidak tercatat. Boleh Yang Berhormat beri sedikit penjelasan siapa sebenarnya bertanggungjawab untukewartakan kawasan-kawasan tersebut?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Boleh saya tanya siapa apa?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Siapa yang bertanggungjawab untukewartakan kawasan-kawasan tersebut, untuk menjaga keselamatan?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kawasan loji rawatan air atau kawasan tadahan air?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ianya keselamatan sistem bekalan air dan pembedahan, termasuk juga.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sumber air, ya?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya. Pembedahan?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sumber air dijaga oleh kerajaan-kerajaan negeri dan lepas.....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tetapi tidak dicatatkan dalam Fasal 34. Yang Berhormat rujuk balik, tidak *clear*. *Not very clear here*.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Bila saya mengemukakan Rang Undang-undang ini, saya sudah cakap kita tidak ada kuasa untuk menjaga sumber air. Sumber air kawasan tadahan air atau sungai adalah jagaan kerajaan-kerajaan negeri masing-masing. So....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat Menteri, mahu tinggal satu satu *legacy*. Tidak lama lagilah, tidak lama lagi. Tetapi kalau dia mahu tinggal satu *legacy* dan khasnya dalam CAPEX, mengenai air, bukankah perlu dia menjadi satu perintis supaya memperkenalkan, boleh melaksanakan konsep IRBM supaya IRBM boleh diadakan di negara kita dan *integrated river basin management*, di mana adalah koordinasi mengenai *conversation management development* air, tanah dan *related resources*. Bukankah ini pun ada ura-ura dia cakap banyak kali dan Yang Berhormat Menteri dalam Majlis Sumber Air Negara, sungguhpun dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia sangat sibuklah.

Tetapi Yang Amat Berhormat Menteri sebagai Menteri yang bertanggungjawab pasal air, bukankah ada tanggungjawab yang utama untuk memperkenalkan konsep ini. Bukan untuk ambil alih kuasa kerajaan negeri, bukan. Tetapi untuk memperkenalkan konsep ini, IRBM supaya negara kita, kita ada satu *holistic treatment* mengenai masalah air. Kenapa Yang Berhormat Menteri sampai sekarang belum buat begitu? Adakah oleh kerana sangat sibuk dengan beberapa perkara termasuk Rang Undang-undang ini? Tetapi kalau buat *legacy*, bukankah ini *legacy* yang patut diadakan, satu IRBM.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya hormat Perlembagaan negara kita, yang mana negeri-negeri adalah hak tertentu dan kalau mereka enggan mahu menyerahkan kuasa atas tadahan air dan sungai-sungai, saya tidak boleh pergi rampas kuasa ini dari pihak negeri. Saya harap Yang Berhormat tahulah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah dia cuba? Adakah cuba? Berapa kali?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini mana cuba-cuba. Cuba masa....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** IRBM. Ada cuba?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Cuba, mesti ada berbincang. Tetapi di Semenanjung Malaysia, adalah sembilan negeri yang ada, jumlahnya 11 negeri Semenanjung Malaysia, ada sembilan yang ada sultan. Saya sudah berbincang dengan pihak kerajaan negeri dan cuba separuh pihak sultan untuk perkenan perkara ini dan saya ingat *almost unanimous* lah, mereka tidak mahu menyerahkan kuasa atas kawasan tadahan air dan sungai-sungai yang ada di dalam kuasa mereka.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tetapi kenapa perlu untuk meminta mereka menyerah kuasa tetapi boleh satu badan yang dengan ada wakil oleh Kerajaan Persekutuan dan wakil-wakil kerajaan supaya bersama-sama mengadakan *Integrated River Basin Management system* di negara kita. Saya percaya mereka tentu bersetuju dan tanpa menyerahkan kuasa mereka.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini adalah di dalam Majlis Sumber Air Negara yang mana saya ingat sekarang adalah satu kementerian yang jagakan air. Barangkali apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat berkenaan dikatakan *Integrated River Basin Management*, kalau dianggap baik, saya ingat ini boleh dibawa kepada Majlis Sumber Air Negara untuk mengadakan sesuatu dasar untuk menjagakan IRBM yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat sendiri mengatakan bahawa Yang Berhormat sudah baca satu buku dari China dan baca satu buku mengenai pengurusan bersepadu, *holistic*. Yang Berhormat sendiri kata itu yang paling baik. Pada mulanya itu di dalam Bahasa Mandarin dan diterjemahkan untuk Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri sangat gembira dengan konsep itu kerana itu memang perlu kita buat dan sekarang kita tidak tahu kawasan tadahan sudah dihakis ataupun dicerobohi dan kita pun tidak tahu setakat mana daripada 76 *river basin* kita sekarang ataupun 125? *River basin* sekarang 150 lembangan sungai yang utama dan daripada sini, kita tidak tahu bilangan yang sudah punah, hutan itu sudah ditebang, dipunah dan dimusnahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dari buku baca sekarang sampai hutan....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *Integrated management* dia memang daripada tanah, hutan, lembangan sungai....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Buku itu macam mana boleh...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Buku dia macam itu, Yang Berhormat dia memang *resourceful* dia dapat satu buku untuk....

**Seorang Ahli:** Mana buku itu?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pun hendak tengok juga. Dia kata yang paling baik buku itu, saya pun.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bila Yang Berhormat menteri kata demikian, buku yang paling baik, sini atau luar Dewan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Di luar Dewanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang luar Dewan jangan bawa ke sini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak apa, tidak apa. Kita hendak katakan dia hendak baca, bukan dia tidak, memang dia ada baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini menunjukkan menteri rajin membaca juga.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia rajin juga, asalkan dia tidak merajuk dia rajinlah itu. Yang Berhormat, macam mana kita dapat melaksanakan konsep ini kerana sekarang kita tidak dapat. Kawasan tadahan sudah dimusnahkan, kita tidak tahu berapa ekar sudah dimusnahkan dan bilakah Yang Berhormat akan menanam semula, penghutan semula, *reforestation* dan saiz yang kita perlu tanam semula dan sebagainya saya hendak Yang Berhormat membuat satu kajian sebelum itu Yang Berhormat tinggalkan kementerian ini.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Memanglah Tuan Yang di-Pertua, saya ada berbincang dengan Yang Berhormat bagi Kepong termasuk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor di mana kalau boleh adalah sesuatu harapan yang boleh atas *regim water resource management* atau *regim* pengurusan sumber air, tetapi kita mahu balik kepada Malaysia. Kita bukan di China. Kalau saya ada kuasa seperti menteri di China, ini barangkali boleh jadi, *come on. Come back home*, balik rumah, tengok siasat apa peraturan kita yang ada di dalam satu negeri bersekutu dan dengan itu kita menghormati antara *jurisdiction-jurisdiction* antara negeri dan persekutuan.

Dengan itu Yang Berhormat sekarang tahu dalam ini setengah tahun saya kerja kuat sehingga setiap negeri kena minta mereka apa yang boleh diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk dijalankan sesuatu perkhidmatan air yang lebih berkesan, lebih mantap dan yang lebih baik.

Akhirnya kita mengkhususkan di mana masuk jaga air di senarai bersama dan lepas itu mereka pun bersetuju untuk mengadakan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang untuk menubuhkan SPAN. Tetapi pengurusan air, kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab cuba kalau adalah berlainan *forces of power* ada berlainan kita cuba dengan penyelarasan koordinasi untuk melalui Majlis Sumber Air untuk mengadakan satu *plan* yang lebih teratur atas jagaan air di kawasan tadahan air di sungai dan sebagainya.

Ini kita cuba dengan sedaya upaya tetapi Yang Berhormat kena faham. Bukan kita mahu buat apa, menteri tidak ada kuasa mutlak. Kita cuba melalui rundingan. Saya ingat orang PAS di sana yang memegang satu kawasan you ambil dia punya hutan. Dia tidak berapa suka. Boleh serahkan semua hutan yang masuk di dalam kawasan tadahan air kepada saya? Bolehkah? Dia cakap tidak ada, Yang Berhormat tidak ada negeri. Tidak cakaplah, apabila ada negeri boleh cakap dengan saya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *What can be done* dengan izin, *its not easy*.  
[Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Have you receive?*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *Of course I have receive. Whether it's ten times or two times, no means no lah.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua penjelasan lagi. Saya nampak dari kedua-dua Rang Undang-undang ini sebahagian besarnya yang sama dengan Sistem Industri Perkhidmatan Air di United Kingdom. Saya nampak banyak yang serupa. Di United Kingdom saya setuju, dia bukan seperti di Malaysia. Di Malaysia kita ada Negeri Bersekutu, dia tidak dia boleh buat apa-apa sahaja mengenai tanah dan hutan. Walau bagaimanapun, ini merupakan Yang Berhormat yang buat sekarang itu, yang dilakukan sekarang itu *half measures*, mengambil tindakan setengah jalan. Separuh jalan *half measures*. Macam mana kita dapat melaksanakan semua ini kerana konsep yang digunakan, dilaksanakan di United Kingdom itu, di England and Wales dia memang menurut pengurusannya bersepadu, tetapi di sini kita tidak ada sistem yang bersepadu. Macam mana kita dapat melaksanakan peruntukan-peruntukan yang akan diluluskan kelak?

*How do you implement and force what you have because you are using in a half measures, separuh jalan.*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dalam Bahasa Inggeris, *where there's a build there's a way*, di mana saya tadi saya kata dalam Majlis Sumber Air Negara kita boleh membuat penyelarasan atau koordinasi atas menjagakan sumber air dan lepas ambil air dari sungai atau dari apa-apa sumber selepas ambil air mentah itu sudah jadikan dalam sistem perkhidmatan air negara termasuk pementungan yang akan lepas rawatan balik kepada sistem pengairan. Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu di mana negara kita adalah Kerajaan Negeri, adalah Kerajaan Persekutuan, adakah yang *jurisdiction* atau kuasa negeri dan kalau negeri tidak benarkan dia tidak boleh ambil orang punya kuasa saya tadi tanya, PAS bolehkah serahkan kawasan tadahan air kepada menteri KTAK atau tidak, bolehkah?

Bolehkah? Sebab atas apa Kepong kata dalam penyusunan sesuatu yang *integrated* yang lebih baik yang lebih bermakna, serahkankah bolehkah PAS? Saya sudah runding you bagi balik kepada Kerajaan Kelantan minta dia serahlah dan kita boleh jalankan apa yang dicadangkan oleh Kepong. Tidak bolehlah, tidak bolehlah *come on* tidak bolehlah. Ini termasuk tanah, termasuk perhutanan, hutan yang ada di dalam kawasan tadahan air. *Come on be reasonable* lah. Saya boleh buat apa yang boleh buat, tidak boleh buat kita cuba daya upaya untuk mengadakan sesuatu sistem yang boleh jalan mengikut keadaan di dalam Malaysia, bukan ikut negara yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Memang ada halangan-halangan masalah-masalah tetapi adakah Yang Berhormat Menteri membawa isu ini kepada Majlis Sumber Air Negara dengan konsep kertas, konsep *paper* dan bolehkah konsep *paper* ini di *public* supaya untuk panduan dan kajian rakyat Malaysia.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua main politiklah ini saya tidak mahu jawab. Kalau main politik saya tidak mahu jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa, bila mahu tolong tulis kepada saya, saya akan kaji kalau ada justifikasi saya bawa kalau tidak ada justifikasi saya tidak bawa.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan kaji sama ada sudah buat patut sudah dibuat dua tahun sudah jadi menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Wah, dia serupa singa, itu dia pun marah apa yang dia tidak marah lagi. Sebab saya tidak buat, dalam ini dua tahun bila saya jadikan menteri berkenaan air tidak ada mesyuarat Majlis Sumber Air Negara. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya hukuman ke atas kesalahan pencemaran air adalah berat dan tidak perlu diadakan memandangkan perkara ini telah diambil kira di bawah Kanun Keseksaan. Tuan Yang di-Pertua peruntukan fasa ini adalah perlu memandangkan air adalah keperluan asas. Alur air dan sistem bekalan air adalah terbuka dan terdedah kepada pihak awam.

Ini membolehkannya menjadi sasaran yang mudah bagi penjenayah atau pengganas untuk dicemari dan mengakibatkan kematian atau kecederaan. Pencemaran air memberi kesan kepada ramai orang. Oleh yang demikian adalah mustahak untuk

memastikan bahawa hukuman yang dikenakan sepadan dengan kesalahan yang begitu serius ini. Namun demikian hukuman mati hanya boleh dikenakan jika kematian adalah akibat perbuatan jenayah itu. Ini adalah juga selaras dengan perbuatan jenayah bunuh di bawah Seksyen 300 dan 302 Kanun Keseksaan. Akta ini adalah undang-undang spesifik mengenai perlindungan dan pengawalseliaan bekalan air. Sehubungan itu kesalahan dan hukuman sedemikian adalah berikutan daripada pengawalseliaan berkenaan.

Kesalahan mengenai pencemaran air merupakan perbuatan yang dilarang secara spesifik di bawah undang-undang ini. Dalam pendakwaan seorang yang di tuduh kesalahan tersebut adalah lebih mudah untuk membuktikan sebab akibat perbuatan tertuduh di bawah undang-undang ini yang telah menyebabkan kematian seorang. Selain dari itu, beban pembuktian bagi kesalahan ini adalah sama seperti kesalahan jenayah bunuh di bawah Kanun Keseksaan iaitu *mens rea*, pesalah, niat untuk menyebabkan kematian atau pengetahuan bahawa dia berkemungkinan menyebabkan kematian atau berkemungkinan akan membahayakan nyawa mana-mana orang. '*Actus reus*' pesalah, bersalah mencemarkan atau menyebabkan supaya dicemarkan mana-mana alur air atau sistem bekalan air atau mana-mana bahagian alur air atau sistem bekalan air itu dan kematian adalah akibat perbuatan itu.

Walaupun semua unsur kesalahan itu telah dibuktikan hukuman mati bukanlah satu-satunya hukuman yang boleh dikenakan di bawah undang-undang ini, mahkamah mempunyai budi bicara untuk mengenakan hukuman alternatif iaitu pemenjaraan selama tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga 20 tahun bergantung pada merit kes dan apa-apa faktor penganiayaan. Sebagai perbandingan hukuman mati adalah satu-satunya hukuman bagi kesalahan membunuh di bawah Kanun Keseksaan. Kehilangan hasil negeri, ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan Yang Berhormat, sini Tanjong. Dalam kes sedemikian apakah liabiliti syarikat perkhidmatan air jika wujudnya dakwaan atas seseorang yang mempunyai niat membunuh dengan mencemarkan sistem air. Apakah liabiliti syarikat di samping orang yang didakwa itu?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua kalau bukan dia buat apa liabiliti, kalau dia tahu dan dia buat dia adalah liabiliti. Kalau dia tidak tahu sehingga dia tahu dia tidak berhenti dia kena ada liabiliti. Kalau dia tidak tahu sehingga orang sudah mati baru tahu apa liabiliti operator itu selain dari orang yang niat mahu matikan orang. Itulah saya ingat kalau dia tahu adalah liabiliti, tidak tahu tidak ada liabilitilah. Kehilangan hasil negeri, Ahli Yang Berhormat Sungai Petani menimbulkan persoalan mengenai kehilangan hasil oleh Kerajaan Negeri kerana berikutan dengan perpindahan kuasa pengurusan air dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa rang undang-undang ini tidak menyekat Kerajaan Negeri daripada terus menjalankan aktiviti perkhidmatan bekalan air dengan syarat ia dilakukan oleh syarikat air negeri yang dikorporatkan. Hutang negeri, Ahli Yang Berhormat Sri Gading, Puchong, Sungai Petani dan lain ada membangkitkan mengenai kedudukan hutang tertunggak Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga telah dibangkitkan semasa Kementerian mengadakan sesi rundingan awam dengan kerajaan-kerajaan negeri. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sedang memperincikan mekanisme yang sesuai bagi menangani perkara ini. Perlindungan pengguna. Ahli Yang Berhormat Lipis membangkitkan perkara berkaitan tempoh pemotongan bekalan air kerana kegagalan menjelaskan bil. Sukacita dimaklumkan bahawa tempoh pemotongan bekalan air kerana kegagalan menjelaskan bil telah dipanjangkan kepada 30 hari daripada 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Draf Undang-Undang sebelum ini. Selepas tempoh 30 hari, pengguna diberi notis 14 hari lagi untuk menjelaskan bil air sebelum pemotongan sebenar dilakukan. Tempoh ini adalah memadai.

Ahli Yang Berhormat Lipis juga mencadangkan agar diadakan peruntukan khas berkaitan dengan orang-orang yang berpendapatan rendah, kurang upaya serta berpenyakit kronik. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang mekanisme bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah, orang-orang kurang upaya serta berpenyakit kronik

sudah wujud seperti program di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan sebagainya. Dalam pada itu juga, fasal 23 membolehkan Menteri mengecualikan kepada mana-mana pihak termasuklah penduduk di pedalaman yang mengoperasikan sistem bekalan air komuniti daripada kewajipan dan obligasi Pembayar Lesen bagi mengelakkan sebarang kesulitan yang mungkin timbul.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tentang pemotongan bekalan air disebabkan kegagalan bayaran oleh pihak pengguna. Yang Berhormat. Menteri di dalam kes pengguna mungkin disyaki mencuri air. Di mana pihak pemegang lesen akan diberi ruang untuk menganggar berapakah penggunaan air yang dicuri oleh pihak pengguna. Sebagai contoh, diambil 6 bulan sejarah penggunaan air oleh pihak pengguna. Kemudian pengguna akan dicajkan perbezaan di antara amaun sepatutnya digunakan dan yang dijangkakan dicuri oleh pengguna.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam hal ini, pengguna mungkin tidak mempunyai cara untuk membela mereka apabila pihak pemegang lesen mengenakan satu caj yang di luar kemampuan pengguna untuk membayar. Apakah klausa yang ada di dalam Rang Undang-Undang ini yang boleh membela pengguna supaya suara mereka didengari dan nasib mereka dibela? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau mereka anggaplah sebagai satu mangsa atas caj lebih atau tindakan yang tidak patut dijalankan oleh operator. Mereka boleh rujuk operator itu kepada tribunal air yang ditubuhkan dalam Rang Undang-Undang itu. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Bagan...

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat, berkaitan dengan pengguna dan jawapan Yang Berhormat sebentar tadi, saya lihat di dalam Rang Undang-Undang ini juga ada dicadangkan penubuhan apa yang dipanggil forum air yang saya fikir bertujuan antara lainnya untuk melindungi pengguna. Saya nak mencadangkan supaya forum air ini, oleh sebab masalah sebagaimana Tangga Batu dan Lipis sebutkan, akan menjadi amat banyak. Maka adakah Yang Berhormat bersedia, dan sebentar tadi Yang Berhormat menekankan betapa pentingnya negeri-negeri dan bentuk persekutuan negara ini dipertahankan.

Adakah Yang Berhormat bersedia untuk menimbangkan supaya forum air ini, bentuknya nanti ialah ada di negeri-negeri. Maknanya bukan satu forum air sahaja. Di seluruh negara akan ada forum air Kelantan, forum air Terengganu, forum air Perak, dan sebagainya kerana masalah-masalah ini banyak dan ini sahajalah peluang untuk rakyat membangkitkan masalah mereka. Di Parlimen sudah tak boleh dibangkitkan sebab ada whip sekarang ini Yang Berhormat Menteri. Jadi di kalangan rakyat, forum air ini sahaja boleh dibangkitkan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: [Ketawa].** Bagi menjawab Yang Berhormat, saya ingat kalau ini diperlukan, biarkan, SPAN yang akan menubuhkan forum air. Kalau diperlukan, dia ada banyak forum air kecil-kecil, tetapi buat, banyak cakap-cakap. Cakap banyak tak buat pun tak baik. Ada satu central forum air. Nanti saya akan berkenaan forum air nantilah. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bagan sama ada rumah kampung yang tidak mempunyai pelan, boleh dibekalkan air adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk membekalkan perkhidmatan air kepada mana-mana orang yang memohon bekalan air.

Soalan lanjut dari Ahli Yang Berhormat Bagan adalah sama ada pemilik rumah bertanggungjawab ke atas kegagalan pembayaran caj air oleh penyewa. Tanggungjawab pembayar bil air adalah bergantung pada sesiapa yang memohon bekalan air daripada pemegang lesen. Sekiranya pemilik yang memohon, pemilik bertanggungjawab terhadapnya dan pemilik bolehlah membawa tindakan sivil terhadap penyewa di bawah perjanjian sewaan antara pemilik tanah dan penyewa berkenaan. Kumpulan Wang Industri Air. Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya menyatakan supaya..

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan. Saya ingatlah, pegawai Yang Berhormat ada sedikit salah faham. Saya kata penyewa rumah bertandatangani perjanjian dengan pihak berkuasa air dan beliau lari tanpa bayar. Selepas itu, pemilik rumah hendak memohon sekali lagi untuk bekalan air, pihak berkuasa air tidak mahu memberi bekalan kerana ada hutang tertunggak di alamat yang sama. Ada dua. Orang yang hutang sudah lari, orang baru mahu minta, dia tak mahu bagi kerana alamat yang sama. Itu point saya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya simpati dengan Yang Berhormat dari Bagan. Kalau begini, saya pun minta pihak berkuasa berkenaan untuk mencari orang yang hutang duit, bukannya rumah yang alamat yang mahu sambung semula air dan tidak dapat sebab bil yang dihutang oleh penyewa sudah lari dan tidak ada lagi.

Tetapi saya tidak tahu apa peraturan-peraturan yang ada. Kalau ada, saya bersimpati. Yang mana orang yang menyewa rumah, yang buat yang memohon air, dia sudah lari dan orang rumah sekarang diduduki semula. Tetapi sebab ada bil yang belum bayar oleh orang yang lain, orang penyewa sekarang tak boleh sambung air sebab bil belum dijelaskan lagi. Saya bersimpati. Saya pun tak tahu apa peraturan-peraturan yang ada sekarang? Tetapi kes-kes seperti ini saya harap SPAN akan membuat keputusan yang mana pergi cari orang yang hutang, bukan cari orang yang akan menduduki rumah tersebut.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih. Satu lagi tadi saya ada tanya. Atas nama saya, misalanlah. Contohnya. Saya ada dua bekalan. Satu rumah A, satu rumah B.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Mengapa *you* ada dua rumah? Dua isteri kah? [Ketawa].

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Misalan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Oh misalan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Contoh.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Oh, misal. Oh maaflah saya. Saya salah faham.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tadi Yang Berhormat pun cakap, orang tak dengar? Ada dua rumah, A dan B, atas nama saya. Satu rumah saya tak bayar, satu rumah mungkin adik saya yang duduk, dia ada bayar. Tapi saya tak bayar A, bila ada tertunggak, ada hutang, dia potong air saya. Sekali dengan rumah yang B pun kena potong kerana atas nama saya. Itu tidak munasabah.

Saya berharap apabila pihak berkuasa air memotong air, dia hanya potong yang rumah itu yang berhutang sahaja, yang satu rumah tidak ada hutang punya tidak payah potong. Tetapi dua-dua perkara ini berlaku, tadi yang jawab itu dan sekarang saya kata ini dua-dua berlaku di Pulau Pinang. Saya berharaplah Yang Berhormat boleh memandang berat perkara ini dan tadi Yang Berhormat ada menjawab berkenaan dengan *court case* di mana tiap-tiap bulan bayar RM25, *suddenly* dia sudah lompat sampai RM3,000. Ini bermakna ada kebocoran di bawah *underground* tetapi dia terus datang, kata kalau tidak bayar, saya mesti mahu potong.

Pemilik yang Yang Berhormat kata itu dia ada kemampuan untuk mencabar dalam *court* tetapi kepada pengguna yang biasa yang miskin, beliau tidak ada kemampuan dalam *court*. Airnya dipotong. Dan dikatakan yang RM3,000 itu, misalan katalah, mesti dijelaskan. Kalau tidak jelas, tidak boleh disambung lagi. Tetapi dia bagi alternatiflah, boleh bayar dengan ansuran. Itu pun tidak patut. Mesti ada diskaunlah, bagi diskaun, bukan satu kali hapus semua.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Itulah Yang Berhormat bagi Bagan. Saya faham, saya setuju. Sebab itu kita tubuhkan SPAN yang ada forum air di dalam. Dahulu tidak ada orang cakap, dia hentam saya, suka-suka dia hentam sebab tidak ada forum air. Sekarang

dengan forum air, harap semua ini boleh dibincangkan dalam SPAN dan melalui SPAN boleh memberikan arahan kepada operator-operator, jangan buat ini, tidak atas dasar kemanusiaan dan sebagainya. Saya harap akan datang nanti tidak ada masalah seperti apa yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Bagan lagi.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Haiyoo, lagi ada ka? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan tak, Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** Bolehlah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Boleh cakap, duduk, duduklah. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Boleh? Sedikit, sedikit.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa? Okey, okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka sila.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini MCA punya ya?

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Ya, betul.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Oh, boleh, boleh jalan. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soal yang telah pun dibangkitkan sebelum itu, saya rasa mungkin satu soalan bukan sahaja ianya dapat hanya dibereskan oleh tribunal ataupun SPAN kerana apabila kita lihat keanggotaan ahli-ahli dalam SPAN atau tribunal air, sebenarnya mungkin 11 orang atau 12 orang sahaja. Tetapi dengan wujudnya masalah macam ini, saya rasa ini masalah pengguna, mungkin ia beribu-ribu.

Ini sama dengan keadaan yang mana sebelum ini kita hadapi dengan TNB yang mana ia memberikan notis, ini beribu-ribu kes dan pada satu masa 22 ribu kes di seluruh negara. Ini diperuntukkan yang saya boleh sejak ia dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan peruntukan yang sama telah pun diberikan dalam Akta Elektrik yang sama. Dia ini macam sistem *provision*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang mana ia boleh memberikan kuasa kepada pemegang-pemegang lesen, ia boleh memotong sahaja tetapi air ini keperluan asas.

Mereka tidak boleh tunggu. Dia mungkin menggunakan kuasa untuk memotong ini, dia sebagai *ransom*, dia boleh *hijack* dan dia boleh memaksa pengguna-pengguna terus membayar. Bukankah lebih baik jika kita boleh ambil keluar klausa ini supaya kita tidak memberikan kuasa kepada pemegang lesen terus memotong. Kalau ada apa-apa pertikaian, rujuk kepada mahkamah dahulu. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya ambil notis itulah dan harap perkara ini boleh dibawa kepada SPAN dan SPAN akan membuat keputusan teratur untuk menolong dan menyelesaikan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Tujuan *water forum* ialah untuk membela kepentingan pengguna-pengguna tetapi sampai sekarang Yang Berhormat Menteri ambil dua jam lebih tetapi belum sampai untuk menerangkan kenapa Rang Undang-undang ini dianggap kurang puas hati dari segi aspek mempertahankan kepentingan pengguna-pengguna bahawa lemah dalam mempertahankan *consumer interest* macam satu perenggan di sini dalam surat di Malaysia Kini, "*Water bills were drowned consumer rights*", dengan izin. "*The protection and the rights of the consumer is very weak within the bills. Proper protection and avenues for compensation for the*

*consumer, they are strong and enforceable must be clearly written into the SI Bill. Those must include the consumer rights to compensation if the water company licensee breaches any provision of conditions of his license.”* Kenapa ini diketepikan?

**Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa yang saya jelas tadi kalau pengguna ingat mereka dijadikan mangsa, mereka boleh bawa kes ini kepada tribunal dan tribunal akan membuat keputusan untuk menyalahkan operator-operator atau syarikat-syarikat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Compensation*, operator bayar *compensation* kepada pengguna-pengguna.

**Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dengan kalau pampasan diperlukan, mahkamah tribunal akan membuat keputusan itu...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...cuai atau gagal untuk memberi bekalan air.

**Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tidak ada perkara ini mengikut utiliti-utiliti di seluruh dunia.

**Kumpulan Wang Industri Air:** Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Ahli Yang Berhormat bagi Parit mencadangkan supaya sumbangan kepada Kumpulan Wang Industri Air digunakan untuk menggantikan paip-paip lama serta supaya sumbangan dari kumpulan wang ini digunakan untuk membantu kerajaan negeri yang kehilangan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menjangkakan sumbangan daripada pemegang lesen kepada Kumpulan Wang Industri Air adalah kecil. Oleh itu dana tersebut hanya akan digunakan bagi tujuan yang diperincikan di bawah Fasal 171 sahaja. Bagi kos penggantian paip-paip lama, ianya akan dilaksanakan melalui program pengurangan NRW yang perlu dimasukkan dalam rancangan perniagaan (business plan) pemegang lesen dan boleh juga dibiayai di bawah mekanisme *WAMCO*.

Ahli Yang Berhormat bagi Lipis melahirkan kebimbangan bahawa forum air akan didominasi oleh pihak industri dan tidak menjaga kepentingan pengguna. Tuan Yang di-Pertua, forum air bertujuan untuk memelihara kepentingan pengguna sektor perkhidmatan air. Dalam pada itu jika SPAN mendapati forum air gagal menjalankan tanggungjawab seperti yang diperincikan di bawah Fasal 70, SPAN mempunyai kuasa untuk menamakan badan yang lain untuk menggantikan badan yang tidak lagi berfungsi dengan sepatutnya. Ini adalah demi menjaga kepentingan semua pihak.

Yang Berhormat bagi Lipis meminta supaya Rang Undang-undang ini memantau pelaksanaan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor dan mengkaji kesan kepada sosial dan psikologi rakyat tempatan dan turut mengesyorkan supaya perpindahan pihak-pihak yang terlibat dibuat secara menyeluruh dan bukan dihadkan kepada kawasan yang ditanggung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kajian terperinci alam sekitar telah dibuat dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Selain daripada mengkaji impak ke atas alam sekitar, kajian itu juga mengkaji impak ke atas sosial dan psikologi penduduk-penduduk yang terlibat serta mengesyorkan langkah-langkah meditasi. Langkah-langkah yang disyorkan akan dilaksanakan.

Mengenai perpindahan semua penduduk yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini, Kerajaan Persekutuan masih lagi mengkaji perkara ini jika ia boleh dilaksanakan.

Kualiti air. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Ahli Yang Berhormat bagi Ledang mencadangkan supaya akta yang khas bagi memastikan kualiti air terjamin, *Safe Drinking Water Act* seperti yang terdapat di Amerika Syarikat. Yang Berhormat juga mencadangkan agar standard air minum yang minimum dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menyedari akan keperluan untuk mengadakan satu akta yang berkaitan dengan air minuman. Dalam hal ini, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah mengkaji dan memahami akan

keperluan untuk mewujudkan Akta Air Minum yang selamat. Akta ini juga adalah merupakan pelengkap dan juga boleh dijadikan satu alat yang akan menambah keyakinan pengguna terhadap kualiti air minum yang dibekalkan.

Pada masa ini telah wujud mekanisme untuk memantau kualiti air minum yang telah dilaksanakan sejak tahun 1986. Standard kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna adalah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan. Piawaian ini juga adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh World Health Organization (WHO) International Standard For Drinking Water 1963. Di bawah Rang Undang-Undang IPA Menteri akan menetapkan standard kualiti minuman melalui peraturan di Fasal 41/179 berdasarkan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan.

Akhir sekali ada juga beberapa isu umum yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Maran dan Ahli Yang Berhormat bagi Lipis. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Maran, pegawai dan kakitangan Jabatan Bekalan Air di negeri-negeri sedia ada diberi pilihan sebagaimana peruntukan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) daripada pegawai atau kakitangan yang dikorporatkan memilih untuk memasuki perkhidmatan syarikat, memilih untuk bersara dari perkhidmatan atau bertukar ke jabatan negeri lain, kekal dalam perkhidmatan awam.

Pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Lipis mengenai kedudukan projek bekalan air luar bandar selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan, sukacita dimaklumkan bahawa projek bekalan air luar bandar masih di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Pada lazimnya apabila projek tersebut telah siap ia akan diserahkan kepada pemegang lesen untuk pengoperasian dan ia akan tertakluk kepada kawal selia SPAN.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas meminta kementerian mengkaji semula rang undang-undang supaya Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan JAKIM dimasukkan ke dalam keanggotaan SPAN bagi memastikan air yang dibekalkan bukan sahaja bersih tetapi suci dari segi syarak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Rang Undang-undang SPAN di bawah Fasal 13, membolehkan SPAN menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantu melaksanakan fungsinya.

Dengan peruntukan ini, wakil daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau JAKIM boleh dilantik menganggotai jawatankuasa yang difikirkan sesuai dan perlu seperti Jawatankuasa Kualiti Air, contohnya. Dengan itu wakil-wakil berkenaan boleh memberikan pendapat atau panduan yang sesuai dari segi hukum syarak kepada jawatankuasa berkenaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang telah membuat pemerhatian bahawa Rang Undang-undang ini adalah juga selari dengan konsep Islam Hadhari.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bera dan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada membangkitkan isu mengenai keperluan penyelarasan dalam pelbagai perkara yang berbangkit daripada pelaksanaan Rang Undang-undang ini yang melibatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti isu pengambilan tanah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu penyelarasan boleh ditangani melalui pelbagai jawatankuasa yang sedia wujud seperti Majlis Sumber Air Negara (MSAN), Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri, Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan lain-lain forum yang sesuai.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga ada membangkitkan mengenai kolam oksidasi di Jalan Chain Ferry, Butterworth yang sedang ditimbus untuk dibangunkan sebagai projek komersial. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan adalah projek menaik taraf sistem dan loji rawatan kumbahan Sungai Nyior di Jalan Chain Ferry, Butterworth, Seberang Prai. Kolam oksidasi sedia ada akan dinaiktarafkan kepada sistem *mechanical genius activated sludge* bagi merawat kumbahan meliputi kawasan yang lebih luas. Projek ini tidak melibatkan sebarang pembangunan komersial atas tanah kolam yang ditimbus itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menerima lebih daripada 800 maklum balas semasa sesi rundingan awam yang telah dijalankan termasuk angka yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Kebanyakan maklum balas yang diterima berbentuk soalan memohon penjelasan mengenai rang undang-undang serta pembetulan bahasa dan editorial. Walau bagaimanapun cadangan substantif yang telah diambil kira adalah termasuk perkara-perkara berikut:

Fasal 30 -	Tempoh suruhanjaya memaklumkan pemegang lesen mengenai pengemukaan rancangan perniagaan ( <i>business plan</i> )
Fasal 69 -	Mengeluarkan perkataan 'industri' daripada Forum Air
Fasal 81 -	Keperluan untuk suruhanjaya untuk menyiarkan laporan siasatan awam ( <i>public inquiry</i> )
Fasal 89 -	Tempoh pemetongan bekalan air kerana kegagalan membayar bil
Fasal 138 -	Kewajipan suruhanjaya untuk membentangkan laporan wang dan Akaun Kumpulan Wang Industri Air dan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pemetungan
Fasal 172 -	Memperluaskan sumbangan kepada Kumpulan Wang Modal Pemetungan

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Saya hendak bertanya mengenai beberapa cadangan yang telah dibuat, sebanyak 350 *recommendation* telah dibuat. Saya ingin memetik klausa Fasal 69, apa yang dicadangkan tidak dimasukkan langsung iaitu mereka mencadangkan bahawa pihak pengguna-pengguna diberi keutamaan - majoriti dalam Forum Air supaya boleh mengambil pandangan mereka tetapi ini tidak dimasukkan. Apa yang dilakukan ialah mengeluarkan perkataan 'industri'. Apakah ini satu *accommodation* yang langsung tidak baik kepada pengguna-pengguna?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Forum Air adalah satu badan untuk menjaga kepentingan pengguna. Oleh sebab itulah saya rasa walaupun lebih atau tidak lebih dalam Forum Air kita ada peluang untuk orang yang mewakili badan-badan pengguna untuk *debate* dan menentukan apa cadangan Forum Air kepada SPAN dan berapa jumlah yang akan datang.

Kalau kita mahu menjayakan Forum Air, kita mesti bagi lebih sedikitlah. Lebih majoriti - saya tidak tahulah, lebih sedikitlah kepada pihak industri, orang teknikal, orang yang mewakili pengguna - semua masuk dalam satu forum untuk *debate* dan menjaga kepentingan pengguna di dalam forum itu, *right? Not necessary majority*. Orang sekarang maksud dia, dia tidak cakap majoriti pun tidak guna. Tetapi kalau dengan apa yang saya katakan, kalau SPAN ingat forum itu tidak jaga, dia boleh tukar seluruh forum ini mengadakan satu forum baru yang betul-betul boleh menjaga kepentingan pengguna.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Kerajaan yakin dengan rang undang-undang ini industri perkhidmatan air akan mampu diuruskan secara lebih teratur dan lebih efisien demi kepentingan semua pihak. Kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah penting bagi memastikan kelancaran penguatkuasaan Rang Undang-undang ini apabila ia dikuatkuasakan kelak. Sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1** diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

## **Fasal 2 – Pindaan**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Sebelum Fasal 1 *preamble* pun ada pindaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, saya tidak menerima. Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut peraturan 57(2) saya memohon membuat pindaan kepada *preamble* iaitu *preamble* dipinda selepas perenggan dua dengan memasukkan perenggan yang baru yang berikutnya. Perenggan ini sebenarnya didapati di bahagian huraian. Saya rasa huraian Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Fasal 2 sekarang Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong, sila.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Saya mohon maaf atas apa yang berlaku tadi. Sepatutnya *preamble* di belakang sekali. Tuan Pengerusi, selaras dengan peraturan memohon supaya Fasal 2 dipinda iaitu dengan memasukkan selepas tafsiran pempaipan pembedaan dalam individu dimasukkan satu tafsiran baru iaitu "seorang bagi mendapat lesen sistem bekalan air awam atau sistem pembedaan awam harus membawa erti mana-mana kerajaan negeri atau agensi-agensi atau lembaga-lembaga atau perbadanan-perbadanan di mana semua pegangan saham dimiliki oleh kerajaan-kerajaan Negeri atau Persekutuan".

Tuan Pengerusi, tujuan utama pindaan ini dibawa adalah berhubung dengan satu soalan hakiki yang sudah diperbincangkan selama dua hari ini iaitu berhubung dengan kedaulatan negara, berhubung dengan perkhidmatan air. Isu pokok ini sudah pun diperjelaskan. Saya rasa tujuan mengapa tafsiran ini diperlukan sebab jaminan-jaminan dan janji-janji dan akhirnya pendirian MITI dan Menteri sendiri mungkin dia berkata apabila kita sudah menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 kita akan membuka *meliberalisekan* pasaran kita untuk membenarkan syarikat-syarikat asing untuk menguasai perkhidmatan air di negara ini.

Tetapi apa yang menjadi kebimbangan pada masa ini apabila kita masih tidak menjadi maju dan masih memerlukan kawalan ke atas satu sumber yang amat berharga ini jadi dengan maksudnya satu takrifan seorang yang akan menghadkan kepada kerajaan-kerajaan Negeri ataupun kerajaan Pusat memegang saham dalam agensi Lembaga atau Perbadanan Perkhidmatan Air ini akan dapat menjamin dan menyelesaikan segala kebimbangan yang kita dengar selama dua hari ini. Saya mohon fasal ini dipinda dengan memasukkan tafsiran baru itu. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagai mana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Mesti sokong dahulu. Saya sokong.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, ada dua negara dalam dunia ini yang telah membawa undang-undang dengan jelas. Negara tersebut ialah Netherlands dan Uruguay di mana apa-apa sektor air tidak boleh sahaja dijual atau dimiliki oleh pihak-pihak luar negara tetapi tidak dibenarkan. Ini adalah mustahak. Kalau kita tengok apa cadangan yang dibawa oleh Tanjong adalah satu yang sangat mustahak kerana dengan izin *effectiveness of supremacy of Parliament* ini akan terjejas.

Saya kata sedemikian kenapa? Ini adalah kerana WTO di mana perbincangan-perbincangan akan mengakibatkan pembukaan sektor air untuk pihak-pihak di luar negara untuk mengambil alih atau membelinya dan mengurusnya dan kita perlu satu tafsiran yang baru supaya kita dapat tahu bahawa ada sekatan-sekatan yang tertentu. Janji-janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Beruas adalah janji-janji setakat dia menjadi Menteri

Saya kata ini adalah perkara yang sangat mustahak perlu kita meluluskan satu Rang Undang-undang ini. Jika esok hari ia akan mengakibatkan memberi kebenaran memberi satu jalan kepada pihak-pihak dari luar negara, jangan jauh, dari Singapura mereka akan memiliki atau membeli semua sektor-sektor air dari negara ini. Kenapa kita perlu undang-undang ini. Ini adalah untuk memastikan bahawa ada satu undang-undang yang tertentu yang kena dan dapat menjamin hak kita. Jangan ini adalah satu institusi perlu berada di tangan kita sendiri. Jangan kita menjual maruah kita, harapan masyarakat kepada kita dan keselamatan negara dan *future* anak cucu kita dalam Malaysia ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bangun untuk menyokong pindaan ini walaupun Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa kita akan mencapai negara maju menjelang 2020 tetapi masalah keselamatan dan kedaulatan negara mestilah menjadi perhitungan kita. Apa yang lebih penting tentang *bottom line* kita dengan izin adalah kepentingan rakyat dalam negara kita. Perlu diingat kita masih lagi di dalam lingkungan negara dunia yang ketiga yang sudah tentu apa sahaja yang menjadi hasil sumber dalam negara kita ini sedang diteropong sedang diintai dengan penuh minat oleh negara-negara besar dunia yang syarikat-syarikat gergasi mereka sudah tentu akan mengambil kesempatan terbaik daripada sebarang ruang yang mereka boleh masuk ke dalam negara kita.

Berkali-kali telah saya nyatakan dalam peringkat perbahasan dasar bahawa janji seorang Menteri tidak boleh dijadikan satu landasan pada masa akan datang. Ia tidak berstatus *legal* atau pun undang-undang. Sebagai contoh yang terbaik Tuan Pengerusi, adalah bagaimana kita perlu merakamkan kepada fakta sejarah yang saya selalu perdebatkan dalam Dewan yang mulia ini. Kita perlu belajar daripada sejarah.

Jaminan mulut seorang Menteri bukan menjamin masa depan kepada rakyat pada hari perkara itu berlaku. Sebagai contoh untuk saya kemukakan sebagai hujah adalah sebagai mana Akta Tanah yang pernah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi apa yang berlaku dalam kes petani di Kerpan, kes yang berlaku di Pantai Kunu, Tanah Merah yang menunjukkan bahawa janji seorang Menteri belum tentu akan mengikat *developer*, tuan tanah ataupun syarikat-syarikat yang berkepentingan di atas tanah rakyat.

Itu sebagai contoh, janji Allahyarham Tun Razak terhadap orang-orang kampung yang datang ke Kuala Lumpur, lebih kurang 30 tahun yang lalu semasa Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, Tun mengajak orang-orang kampung supaya datang berhijrah ke Kuala Lumpur. Orang kampung bertanya dengan Tun Razak pada waktu itu di mana kami hendak mendirikan rumah. Di mana tanah kami, Tun menjawab bahawa duduklah dahulu di tanah kerajaan, tidak akanlah kerajaan akan menghalau kamu satu hari nanti tetapi apa yang berlaku di Kampung Chubadak, apa yang berlaku setinggalan di Kampung Medan, apa yang berlaku di setinggalan-setinggalan Kuala Lumpur pada hari ini. Mereka dihambat keluar daripada kampung halaman mereka.

Janji seorang menteri belum tentu dapat menjanjikan kesejahteraan rakyat pada masa perkara itu akan berlaku 5 tahun atau 10 tahun yang akan datang. Oleh itu pada saya pindaan ini sangat penting bagi kita memberikan satu status, kita masih dalam dunia

ketiga kenapa kita buka ruang bagi mana-mana syarikat asing untuk mengambil alih hasil masyhur dalam negara kita ini terutamanya air yang diistilahkan sebagai *blue goal* yang menjadi idaman kepada mereka semua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tumpat.

**5.12 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong usul pindaan kepada Rang Undang-Undang ini yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dan disokong sebentar tadi juga oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dengan hujah-hujah yang baik dan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang mengaitkan dengan masalah kita sebagai sebuah negara dunia ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, dunia yang pertama pun mempertahankan hak-hak negara mereka. Amerika Syarikat, apabila Presiden Bush dan pentadbiran Amerika bersetuju untuk membenarkan Dubai Ports World menjadi pengendali 6 pelabuhan-pelabuhan di Amerika tetapi rakyat Amerika menentang, kongres Amerika menentang. Presiden Bush setuju pentadbiran setuju, kongres tidak setuju, itu kongres Amerika dunia pertama.

Parlimen Malaysia mana boleh tidak setuju dengan keputusan kerajaan sekarang ini. Kena setuju, jadi kita perlu mempunyai undang-undang yang mempertahankan kelemahan Parlimen kita yang ada sekarang ini, yang berbeza dengan dunia pertama Amerika Syarikat dengan kongresnya yang berani menterbalikkan keputusan presidennya sendiri, itu dunia pertama.

Amalan kita pula amat membimbangkan iaitu rundingan-rundingan perniagaan kita diadakan secara sulit, sebagaimana contoh FTA dengan Jepun dan ia akan berlaku dengan Amerika. Sudahlah tidak ada undang-undang yang menghalang, rundingan perniagaan pula sulit, amat membahayakan. Contoh yang benar-benar berlaku Pantai Holdings Tuan Yang di-Pertua. Kepentingan negara, penswastaan negara, hak negara tiba-tiba dijual kepada syarikat milik negara asing sebegitu mudah sahaja.

Saya ingin menekankan supaya kita menekankan isu kepentingan negara ini dan walaupun kita bersetuju dengan apa yang berlaku di peringkat pentingnya perniagaan antarabangsa dihormati tetapi amalan dan kepentingan negara sebagaimana Amerika Syarikat sendiri telah menunjukkan memerlukan pertahanan itu dilakukan. Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan dan dicadangkan oleh Tanjong dan mengharapkan supaya pindaan ini mendapat sokongan daripada semua dari kita dan insya-Allah akan berani bangun mengundi untuk menyokong usul yang dibawa oleh Tanjong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kepong hendak bercakap atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kepong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kepong pun mahu cakap juga?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Boleh juga.

**5.14 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dua hari saya hendak cakap tidak ada peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat Kepong teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak ada peluang itu, ada dalam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ini perkara pindaan sahaja Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, pindaan sahajalah itu. Ya, pindaan sahaja, memang tidak ada dan memang fokus kepada perkara yang di hadapan itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Yang Berhormat menteri sudah luangkan banyak masa untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini dan memang kita mengucapkan syabas kerana sudi berada di sini dua hari sudah dan esok tiga hari ini memang satu...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu jadi satu contoh teladan kepada semua. Tidak, jadi menteri sudah sekarang ini.

**Beberapa Ahli:** Ingin lah itu!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Keinginan lah itu. Buat kerja dengan baik kena jadi begitu.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita berbalik kepada masalah di hadapan kita, saya ada satu contoh lagi mengenai Kongres Amerika yang mempertahankan hak untuk memelihara bidang strategi iaitu semasa syarikat petroleum JINA nak mengambil alih salah satu syarikat yang besar, syarikat petroleum di Amerika Syarikat.

Walaupun tawaran itu satu yang menarik tetapi pihak Kongres tidak setuju. Ini bermakna negara-negara seperti Amerika Syarikat yang terkuat sekali di bidang ketenteraan dan bidang ekonominya masih mempertahankan. Jahatkah? Tetapi ada kelemahan di Amerika Syarikat, tidak boleh pakai. Ini tidak boleh pakai dia kata, laporan kita sendiri untuk pengajian tinggi ini, cuba tengok. [Beberapa ahli menyampuk dan Dewan riuh seketika] Sebagai contoh sahajalah itu..[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tidak payahlah!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada 500 universiti, satu pun tidak ada Malaysia di dalamnya. Belum ada kita berharaplah itu, dan kita mesti mengkaji walaupun di sesetengah negara seperti United Kingdom dia benarkan perkhidmatan airnya di swastakan kepada Jerman untuk Thames Water, kepada Amerika Syarikat untuk Yorkshire Water dan kepada Malaysia untuk Waxes dia benarkan tetapi dia benarkan kerana peraturannya penguat kuasa dia sangat ketat.

Sangat efektif dan efisien, cekap dan tidak peduli siapa yang ambil alih syarikatnya asalkan ia memberi perkhidmatan serta kualiti dan standard yang terbaik, itu adalah amalan-amalan di United Kingdom. Saya berharap kita di Malaysia pun pada satu hari kelak selepas 2020 kita mempunyai pengurusan, penguatkuasaan dan peraturan yang efisien dan efektif dan pada masa itu kita tidak takut sesiapa sahaja termasuk Tumasek atau apa 'asek' pun termasuk kita tidak peduli. Hendakkan penjelasan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Menteri sila....Yang Berhormat, Yang Berhormat sekejap, sekejap Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Bangun] Hendak penjelasan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Boleh, boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh, ya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Setujukah bagi kepada orang asingkah? *No problemlah*, semua belakang semua takut, hanya *you* setuju.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu prasyaratnya, kita mesti ada penguatkuasaan yang ketat, kita mesti ada sistem *integrated* benar-benar bersepadu dan kita mesti ada peraturan yang ketat dan yang boleh dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Sekarang kita pun ada tindakan dan langkah yang separuh jalan sahaja, macam mana kita dapat mengawal, menguat kuasa dan memelihara kepentingan kita? Kita tidak ada, bahkan juga dengan SYABAS di Selangor pun, dikorporatkan dan diswastakan iaitu di Selangor menjadi

PUAS, tetapi tidak puas langsung dan menjadi SYABAS yang tidak syabas. Pihak Kerajaan Persekutuan terpaksa mengambil tindakan untuk menyelamatkan semua ini.

**Seorang Ahli:** *Bail out!*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, *bail out* itulah dan menyelamatkan itu. Kalau itulah yang perlu kita buat, macam mana satu hari kelak kalau ada Tumasek ataupun daripada Padang Rengas, dia ambil syarikat ini tetapi dia ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kepong punya tidak adakah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kepong punya itu pada satu hari kelak ada juga, ada juga...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, kalau tidak ada benda, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya memang ada, ini memang satu syarat kita mesti adakan peraturan dan penguatkuasaan yang efisien dan efektif, itu prasyarat dan mungkin selepas 2020 kita boleh buka, itu mungkin tetapi setakat ini 14 tahun ini kita tidak boleh. Memang tidak boleh kerana termasuk kelakuan Yang Berhormat bagi Padang Terap dan Rengas ..*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Seorang Ahli:** Padang Terap siapa pula ini?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Merapulah dia ini, merapu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang pun ada itu.

**Seorang Ahli:** Ini sebab petang sudah ini jadi macam itu!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya sebab petang itu, nampak dia punya mata terkenyit, dia punya jari tercacak dan mulutnya tersasul, kita habis semua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, habis semua Tuan Yang di-Pertua dan yang kedua itu mengenai.

**Seorang Ahli:** Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, ya Tuan Pengerusi bahagian (b) itu memastikan bekalan air yang sedia ada dan berkekalan untuk jangka masa panjang termasuk pemuliharaan air. Kita perlu buat macam ini kerana kita hanya mengambil langkah separuh jalan, dan kita ambil air daripada sungai termasuk Sungai Selangor, itu sahaja Rang Undang-undang ada kuasa skopnya ke atas itu sahaja, tetapi macam mana kita dapat memastikan air mentah itu benar-benar bersih, tidak tercemar langsung. Ini memang satu perkara yang penting...

**Seorang Ahli:** Yang disucikan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang disucikan juga seperti air kolah.

**Seorang Ahli:** Air kolah? Air kolah kotor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya. Dalam bahagian (b) itu cuba baca tengok, itu pun tidak ada langsung, cuma bahagian (b) itu kita hendak pastikan sumber air itu, air mentah itu tidak begitu tercemar.

**Seorang Ahli:** Banyak melabur!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Banyak melabur seperti di Sungai Langat, Sungai Langat memang tercemar, tetapi kita ambil air itu juga, Sungai Selangor tercemar juga, tetapi kita ambil air itu, jadi kita tidak ada kuasa, skop dan Rang Undang-undang ini tidak sampai ke situ, cuma kita ambil air itu sahaja daripada tempat kita ambil air, itu skop Rang Undang-undang ini. *Purview of this bill is just that*, dengan izin, Tuan Pengerusi. Ini bermakna kita mesti masuk di dalam mukadimah kita ini, kita hendak memastikan air mentah itu bersih sebelum kita ambil itu, macam kita buat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bahas benda lain ini Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan, bukan benda lain tetapi di dalam mukadimahnya.

**Seorang Ahli:** Apa you cakap?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Untuk pengetahuan...saya, saya....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapu dia ini!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, cukuplah itu dan saya berharap Yang Berhormat kerana Yang Berhormat bagi Beruas ini dia hendak meninggalkan warisan yang baik, kita hendak tolong dia.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini warisan yang baik.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Warisan yang baik, *[Disampuk]* jangan cakap macam itu, itu tidak baik, warisan yang baik dan kita hendak bantu Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat bagi Beruas supaya dia bermula dengan konsep ini di dalam Rang Undang-undang ini, konsep ini untuk satu sistem bersepadu. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa lagi, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sedikit, sedikit, ada dua perkara yang mustahak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat ini bercakap sahajalah!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak, tidak saya cakap tetapi saya cuma....

**Seorang Ahli:** Sudah cakaplah!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dua perkara iaitu kecil sedikit, satu adalah pengarang Utusan Malaysia telah mengatakan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kedaulatan negara mungkin terjejas jika tidak ada klausa sedemikian.

Keduanya ialah Parlimen menjadi satu institusi '*superfluous*' jika tidak ada Rang Undang-undang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat Menteri sila beri jawapan. Yang Berhormat Menteri sila.

5.26 ptg.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ya, saya jawab. Terima kasih Tuan Pengerusi, maklumat dasar kebangsaan bukanlah suatu peruntukan undang-undang yang perlu dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Memadai matlamat dasar kebangsaan dimasukkan di dalam huraian dan.....

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, kita dengar, bahas tentang Fasal 2 bukan preamble.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Fasal 2 Yang Berhormat, sila.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya ikut you punya cadangan, *preamble*. Fasal 2 ya, *no problem, no problem*, itulah you tidak boleh tunggu saya pergi tandas, you mahu cakap, saya satu pihak buat ini, satu pihak mana boleh dengar. [*Dewan riuh seketika*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Fasal 2, cadangan pindaan ini tidak dipersetujui kerana ia tidak wajar. Pindaan ini terlalu mengekang kerana ia tidak mengambil kira pemegang konsesi sedia ada yang bukan merupakan kerajaan negeri atau agensi-agensi atau lembaga-lembaga atau perbadanan-perbadanan, di mana semua pegangan saham dimiliki oleh kerajaan negeri-kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan. Perjanjian konsesi yang sedia ada masih terpakai walaupun tertakluk kepada peruntukan Rang Undang-undang ini, sebab itu saya ingat pindaan ini tidak payah dipersetujui.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal 2 hingga 9 -**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih, saya ingin mendapat penjelasan sedikit dalam 17(1) - Pembaharuan lesen individu. Adakah lesen individu yang telah diberikan kepada syarikat yang menguruskan bekalan air sekarang ini akan dikelaskan semula sebagai lesen kelas apabila pembaharuan dibuat. Tempoh sah laku lesen selepas pembaharuan pertama tidak dinyatakan dengan jelas dalam fasal ini. Saya minta supaya pihak menteri menjawab perkara ini. Kita lihat apa yang dicatat ini terlalu ringkas dan sebab itulah kalau perlu saya beri cadangan di sini, ialah perlu disebutkan dengan jelas tempoh sah laku lesen selepas pembaharuan dibuat untuk pertama kali dan dicadangkan tiga tahun memandangkan *business plan* yang perlu dihantar kepada pihak Suruhanjaya juga bagi tempoh 3 tahun. Ini perkara-perkara yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Menteri ada jawapan? Fasal-Fasal 2 hingga 9?

**5.29 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya ingat kalau keadaan bertukar dan lesen ini boleh bertukar, tetapi kalau lesen individu hanya untuk apa yang termasuk di dalam lesen individu dan kalau diikutkan itu jadi lesen individu. Kalau dia tukar, dia punya perkhidmatan yang mana dia *qualify* sebagai lesen kelas, dia kena pergi memohon untuk lesen kelas, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik.

**Fasal-fasal 2 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingat kita sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***